05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL MURID TAHUN TIGA

RANI A/P MARIYAPAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL MURID TAHUN TIGA

RANI A/P MARIYAPAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 5 (hari bulan) 8 (bulan) 20 25

i. Perakuan pelajar :

Saya, RANI A/P MARIYAPAN (M20221001768) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL MURID TAHUN TIGA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya .

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL MURID TAHUN TIGA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA TAMIL)

5. 8. 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA TEKS BAHASA TAMIL MURID TAHUN TIGA

No. Matrik /*Matric's No.*: M20221001768

Saya / *I*: RANI A/P MARIYAPAN
(*Nama pelajar / Student's name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***
Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED***
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 5. 8. 2025

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak

Catatan : Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada tuhan kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof.Madya.Dr. Kartheges Ponniah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia) kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada pihak sekolah, kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data. Ucapan terima kasih kepada arwah suami tersayang En.M. Mahadevan, kedua-dua anak yang saya kasihi, M. Karthikgeyan dan M. Thiruuyaalinee atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanan teknik SQ3R dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi murid Tahun Tiga. Kajian kuasi-eksperimen ini menggunakan teknik persampelan rawak yang melibatkan seramai 63 orang murid Tahun Tiga dari dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Sepang. Seramai 32 orang murid dalam kumpulan rawatan diajar menggunakan teknik SQ3R, manakala 31 orang murid dalam kumpulan kawalan mengikuti kaedah pengajaran konvensional. Instrumen kajian yang digunakan ialah ujian pemahaman bertulis dan borang soal selidik untuk menilai tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R. Data telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi, iaitu ujian *t* sampel bebas dan ujian *t* sampel berpasangan. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan (M = 62.28, SD = 17.74) adalah lebih tinggi berbanding skor min ujian pra (M = 51.23, SD = 16.48). Skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan (M = 62.28, SD = 17.74) juga lebih tinggi daripada skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan (M = 53.54, SD = 15.19). Analisis inferensi ($t(32) = -10.4$, $p = 0.000$) pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan ujian pasca dalam kumpulan rawatan. Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca kumpulan rawatan (t (61) = 2.09, p= 0.04) dengan kumpulan kawalan (t (61) = 2.10, p= 0.04). Dapatan kajian ini menunjukkan teknik SQ3R memberi kesan positif terhadap pencapaian kefahaman membaca teks bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun Tiga. Kajian ini memberi implikasi kepada guru dalam usaha mempelbagaikan teknik pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EFFECTIVENESS OF THE SQ3R TECHNIQUE ON THE READING COMPREHENSION OF TAMIL TEXTS AMONG YEAR THREE STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to examine the effectiveness of the SQ3R technique on the reading comprehension of Tamil texts among Year Three students. This quasi-experimental study employed the random sampling technique which involved a total of 63 year three students from two Tamil National Primary Schools in Sepang area. A total of 32 students in the treatment group were taught using the SQ3R technique, while 31 students in the control group followed the conventional method. The written comprehension examination and the questionnaire form of the acceptance stage towards the SQ3R technique were used as the instruments of the study. Quantitative data were collected and analyzed using descriptive and inferential analysis: independent samples t -test, paired samples t -test. Findings from the descriptive analysis showed that the post-test mean score (M=62.28, SD= 17.74) is higher than the pre-test mean score (M=51.23, SD = 16.48) for the treatment group. The post-test mean score for the treatment group (M=62.28, SD = 17.74) is also higher than post-test mean score for the control group (M=53.54, SD =15.19). Findings from the inferential analysis, (t (32) = -10.4, p= 0.000) showed that there is a significant difference between the pre-test mean score and the post-test mean score for the treatment group. There is also significant difference in the post-test mean score between the treatment group (t (61) = 2.09, p= 0.04) and the control group (t (61) = 2.10, p= 0.04). Based on finding, it can be concluded that, SQ3R technique bring a positive impact on the achievement of Tamil text reading comprehension among Year Three students. This study provides important implications for teachers in their efforts to diversify instructional techniques.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL viii

SENARAI RAJAH x

SENARAI SINGKATAN xi

SENARAI LAMPIRAN xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar belakang kajian 2

1.3 Penyataan masalah 6

1.4 Objektif kajian 13

1.5 Persoalan kajian 14

1.6 Hipotesis kajian 14

1.7 Batasan kajian 15

1.8 Kepentingan kajian 17

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia 17

1.8.2 Bahagian Pembangunan Kurikulum 18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Institut Pendidikan Guru 19

1.8.4 Guru 20

1.8.5 Murid 21

1.9 Kerangka konseptual kajian 22

1.10 Definisi Operational 27

1.10.1 Teknik SQ3R 27

1.10.2 Kaedah Konvensional 28

1.10.3 Kefahaman Membaca 29

1.10.4 Kategori Kefahaman Membaca 30

1.10.5 Keberkesanan 32

1.10.6 Teks Bahasa Tamil 32

1.11 Rumusan 33

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 34

2.2 Teori Konstruktivisme 35

2.2.1 Konsep dan Prinsip Teori Konstruktivisme 35

2.2.2 Aplikasi Teori Konstruktivisme Melalui Teknik SQ3R Dalam Pengajaran 38

2.2.3 Implikasi Teori Konstruktivisme Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 41

2.3 Kefahaman Membaca 47

2.3.1 Definisi dan Konsep Kefahaman Membaca 48

2.3.2 Proses Kefahaman Membaca 51

2.3.2.1 Proses Bawah-Ke-Atas 51

2.3.2.2 Proses Atas-Ke-Bawah 53

2.3.2.3 Proses Interaktif 54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Kategori dan Kemahiran Kefahaman Membaca 55

2.3.3.1 Kategori Literal 57

2.3.3.2 Kategori Inferens 59

2.3.3.3 Kategori Kritikal 61

2.3.4 Masalah Membaca Dan Faktor-Faktor Mempengaruhi Kefahaman Membaca 63

2.4 Teknik SQ3R 63

2.4.1 Konsep Teknik SQ3R 66

2.4.1.1 *Survey*-Tinjau 66

2.4.1.2 *Question*-Tanya 67

2.4.1.3 *Read*-Baca 70

2.4.1.4 *Recite*-Imbas Kembali 71

2.4.1.5 *Review*-Baca Semula 72

2.4.2 Kelebihan Teknik SQ3R 73

2.5 Teks 76

2.5.1 Jenis-jenis Teks 77

2.5.2 Teks Naratif 78

2.5.2.1 Konsep Teks Naratif 79

2.5.2.2 Struktur dan Unsur dalam Teks Naratif 79

2.5.2.3 Kelebihan Teks Naratif 80

2.6 Kaedah Bacaan Teks 81

2.6.1 Bacaan Mekanis 81

2.6.2 Bacaan Mentalis 82

2.6.2.1 Bacaan Intensif 83

2.6.2.2 Bacaan Ekstensif 84

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Kajian-kajian Lepas 86

2.7.1 Kajian Berkaitan Teknik SQ3R Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Luar Negara 87

2.7.2 Kajian Berkaitan Teknik SQ3R Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Malaysia 98

2.7.3 Kajian Berkaitan Kategori dan Kemahiran Kefahaman Membaca di Luar Negara 100

2.7.4 Kajian Berkaitan Kategori dan Kemahiran Kefahaman Membaca di Malaysia 104

2.8 Rumusan 106

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 10

3.2 Reka Bentuk Kajian 109

3.3 Populasi dan Sampel 112

3.4 Teknik Persampelan 114

3.4.1 Sampel Kajian 115

3.4.2 Guru-guru yang Terlibat Dalam Kajian 116

3.5 Instrumen 117

3.5.1 Ujian Pra dan Pasca Pemahaman Bacaan (UPB) 118

3.5.2 Soal Selidik 125

3.6 Pelaksanaan Teknik SQ3R 132

3.6.1 Tajuk Pembelajaran Pemahaman Teks Naratif 138

3.6.2 Rancangan Pengajaran Harian 139

3.7 Kesahan dalam Kuasi-Eksperimen 142

3.7.1 Kesahan Dalaman 143

3.7.2 Kesahan Luaran 144

3.8 Kajian Rintis 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.1 Kesahan Instrumen 147

3.8.1.1 Kesahan Ujian UPB 149

3.8.1.2 Kesahan Soal Selidik 150

3.8.2 Kebolehpercayaan 151

3.8.2.1 Kebolehpercayaan Ujian UPB 152

3.8.2.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik 154

3.9 Prosedur Pengumpulan Data 156

3.9.1 Fasa Pra Intervensi (Minggu 1) 156

3.9.2 Fasa Intervensi I (Minggu 2 hingga 5) 158

3.9.3 Fasa Pasca Intervensi (Minggu 8) 160

3.10 Kaedah Menganalisis Data 162

3.11 Rumusan 165

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 166

4.2 Analisis Deskriptif 167

4.3 Analisis Inferensi Kajian 168

4.3.1 Ujian Keseragaman 168

4.3.2 Ujian Normaliti 169

4.4 Demografi Responden 171

4.4.1 Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina (Kumpulan Rawatan) 172

4.4.2 Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina (Kumpulan Kawalan) 173

4.4.3 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Borang Soal Selidik Berdasarkan Jantina 174

4.5 Penskoran Bagi Soalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca 175

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Menjawab Persoalan Kajian 1 dan Menguji Hipotesis Nul Pertama 177

4.6.1 Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan 178

4.6.2 Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan 182

4.6.3 Analisis Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Rawatan 186

4.6.4 Perbezaan signifikan terhadap pencapaian Kefahaman membaca dalam skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan 190

4.6.5 Perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. 191

4.7 Menjawab Persoalan Kajian 2 193

4.8 Analisis Borang Soal Selidik Tahap Penerimaa Teknik SQ3R 202

4.9 Rumusan 212

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 214

5.2 Ringkasan Kajian 215

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 216

5.3.1 Perbezaan Pencapaian Kefahaman Membaca Antara Kumpulan Rawatan dan Kawalan 217

5.3.2 Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Mengikut Kategori Kefahaman Literal, Inferens Dan Kritikal Bagi Kumpulan Rawatan 223

5.3.3 Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Tamil bagi Kumpulan Rawatan 230

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian 232

5.5 Implikasi Kajian 234

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.1 Implikasi Teori 234

5.5.2 Implikasi 236

5.5.3 Implikasi Pengetahuan 239

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 241

5.7 Sumbangan Kajian 244

5.8 Rumusan 246

RUJUKAN 247

LAMPIRAN 263

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan dan Kawalan	111
3.2	Bilangan Murid bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Mengikut Jantina	116
3.3	Latar Belakang Guru-guru yang Terlibat dalam Kajian	117
3.4	Instrumen untuk Menjawab Persoalan Kajian	118
3.5	Jadual Spesifik Ujian bagi Ujian Pemahaman Bacaan (UPB)	148
3.6	Julat Gred Markah Penentuan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca bagi UPB	122
3.7	Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Mengikut Kategori	123
3.8	Nilai Skala Likert 4 dan Indikatornya	127
3.9	Ukuran Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R	128
3.10	Kandungan Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R yang diadaptasi daripada Kajian Smith	130
3.11	Kandungan Item dalam Borang Soal Selidik	131
3.12	Contoh Soalan Mengikut Kategori Kefahaman Membaca	135
3.13	Topik-topik Pengajaran Kefahaman Membaca Tahun Tiga	138
3.14	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi Kemahiran Membaca Berdasarkan DSKP Bahasa Tamil Tahun Tiga	140
3.15	Rancangan Pengajaran Harian	141
3.16	Senarai Pakar yang Menilai Kesahan Instrumen	149

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.17	Keputusan Pencapaian Kesahan Instrumen Ujian Pra dan Ujian Pasca UPB	150
3.18	Keputusan Kesahan Kandungan bagi Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R	151
3.19	Nilai Pekali Korelasi Pearson dan Pengkelasan Ujian	153
3.20	Nilai Pekali Korelasi Pearson bagi Ujian Pra UPB	154
3.21	Skala Nilai Alpha Cronbach	155
3.22	Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)	155
3.23	Pengujian Statistik bagi Menjawab Persoalan dan Hipotesis Kajian	164
4.1	Ujian Keseragaman UPB	169
4.2	Nilai Shapiro-Wilk	171
4.3	Taburan Bilangan Responden Kumpulan Rawatan	157
4.4	Taburan Bilangan Responden Kumpulan Kawalan	174
4.5	Taburan Responden Yang Menjawab Borang Soal Selidik Mengikut Jantina	174
4.6	Penskoran Bagi Soalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca	176
4.7	Julat Gred Markah	177
4.8	Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	178
4.9	Analisis Perbandingan Markah Penskoran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan	179
4.10	Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	182
4.11	Analisis Penskoran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan	183
4.12	Keputusan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	186
4.13	Analisis Perbandingan Markah Penskoran Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	187
4.14	Analisis Deskriptif Terhadap Ujian Pra Dan Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan	190

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15	Analisis Ujian-T Berpasangan Terhadap Skor Min Ujian Pra Dan Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan	191
4.16	Analisis Deskriptif Terhadap Ujian Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	192
4.17	Analisis Ujian-T Bebas Terhadap Skor Min Ujian Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan	177
4.18	Skor Min Dan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Kumpulan Rawatan Berdasarkan Kategori Kefahaman (Literal, Inferens Dan Kritikal).	195
4.19	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Literal.	196
4.20	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Inferens.	198
4.21	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Kritikal.	200
4.22	Rumusan Peningkatan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kumpulan Rawatan berdasarkan Kategori Kefahaman Literal, Inferens dan Kritikal.	202
4.23	Statistik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R	205
4.24	Taburan Frekuensi dan Peratusan Kumpulan Rawatan Mengikut Skala Likert Berdasarkan Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R.	210
4.25	Ringkasan Hasil Kajian	213

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	26
2.1	Model Kognitif Kefahaman Membaca McKenna dan Stahl (2009)	49
2.2	Proses Bawah-ke-Atas	52
2.3	Proses Atas-ke-Bawah	54
3.1	Pemboleh Ubah Kajian	100
3.2	Populasi Sasaran, Populasi Capaian dan Sampel	113
3.3	Carta Alir Teknik Membaca SQ3R. Diadaptasi dari Hu, 2016	137
3.4	Carta Alir Prosedur Kajian Rintis Instrumen. Diadaptasi dari Aizinin dan Aiza Hazrilsuhada, 2016	146
3.5	Formula Pengiraan Kesahan Kandungan	134
3.6	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data	162
4.1	Taburan peratus responden mengikut jantina kumpulan Rawatan	172
4.2	Taburan responden mengikut jantina kumpulan kawalan	173
4.3	Perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan	180
4.4	Perbezaan peratus bagi skor ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan	181
4.5	Perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan	184
4.6	Perbezaan peratus skor ujian pra dan ujian pasca bagi	185

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan rawatan

4.7 Perbandingan markah ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan 188

4.8 Perbezaan peratus skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. 189

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

5W1H	*Who, What, When, Where, Why, and How*
ApSum	*Apropos Summation*
CIRC	Integrasi Bacaan dan Karangan Kooperatif
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
INSERT	*Interactive Notation System for Effective Reading and Thinking*
IPG	Institut Pendidikan Guru
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PAK 21	Pembelajaran Abad Ke 21
PdPc	Pembelajaran dan pemudahcaraan
PISA	*Programme for International Student Assessment*
PQRST	*Preview, Question, Read, Summary and Test*
QAR	*Question Answer Relationship*
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SQ3R	*Survey, Question, Read, Review, Recite*
SQ5R	*Survey, Question, Read, Recite, Record, Reflect and Review*
SQRS	*Self Questioning Reading System*
UPB	Ujian Pemahaman Bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Ujian Pemahaman Bacaan Bahasa Tamil Tahun 3

B Skema Jawapan Ujian Pemahaman Bacaan Bahasa Tamil Tahun 3

C Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

D Langkah *Survey* -Tinjau

E Langkah *Question*-Tanya

F Borang Kebenaran Ibubapa/penjaga

G Pengesahan Instrumen Ujian Pemahaman Bacaan (UPB)

H Kesahan Instrumen Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

I Kesahan Penterjemahan Instrumen Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

J Kebolehpercayaan Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

K Surat Kelulusan dari BPPDP

L Surat Kelulusan dari JPN Selangor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun psi

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam era komunikasi dan maklumat baru-baru ini, membaca adalah sangat penting. Membaca boleh membantu murid yang ingin maju dan berjaya dalam keluarga, sekolah dan komuniti mereka. Kemahiran membaca adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid dan meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. (Atikah Mumpunil & Nur Afifah, 2022).

Kemahiran membaca juga merupakan salah satu sumber kepada pengetahuan dan asas kepada pembentukan diri ke arah pembentukan ilmu pengetahuan. Selain itu, tujuan pembelajaran membaca adalah untuk memupuk sikap membaca yang positif dan meningkatkan usaha murid untuk mendapatkan maklumat dan bukan sekadar membaca. (Sylvester Jua & Norazimah Zakaria, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagaimanapun, kemahiran membaca adalah proses yang sukar dan kompleks. Membaca adalah proses mekanikal yang diikuti dengan proses psikologi untuk memproses maklumat. Oleh itu, penggunaan kaedah pembelajaran yang sesuai merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kemahiran membaca murid. (Ilham, Munirah Muhammadiyah & Muhammad Akhir, 2023).

Menurut Nur Ari Marlina dan Martalia Ardiyaningrum (2021), penerapan sesuatu teknik baharu oleh guru akan berjaya dan berkesan sekiranya teknik tersebut dapat digunakan untuk mencapai matlamat pendidikan. Seterusnya, teknik membaca yang dimuridi juga boleh meningkatkan kemahiran membaca untuk digunakan dalam pembelajaran kendiri dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Terdapat beberapa teknik membaca yang dipraktikkan oleh warga guru di sekolah. Maka kajian ini mencadangkan kaedah SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite and Review)* sebagai salah satu teknik membaca yang boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan seseorang murid terhadap kefahaman membaca.

1.2 Latar Belakang Kajian

Salah satu kemahiran asas bahasa yang penting untuk pembelajaran bahasa ialah kebolehan membaca. Kemahiran membaca yang baik membolehkan orang ramai memahami dan menganalisis maklumat yang mereka baca, serta menterjemah semula apa yang mereka faham. Selain itu, pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman membaca membantu seseorang individu untuk memahami bacaan. (Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod, 2021).

Ini jelas kelihatan dalam objektif yang digariskan dalam Standard Kurikulum Sekolah Rendah (2017). Ia direka bentuk untuk membantu murid berkomunikasi dengan berkesan, memenuhi keperluan mereka, memperoleh pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea, dan membuat perhubungan sosial harian. Oleh itu, untuk mencapai matlamat ini, penguasaan membaca adalah sangat penting. Selain itu, objektif umum KSSR bagi tahun 2017 adalah membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami dan memahami maklumat tersurat dan tersirat serta membaca pelbagai jenis bahan bacaan untuk menambah kosa kata dan pengetahuan. Justeru, untuk mencapai hasrat tersebut, setiap murid perlu menguasai kemahiran membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan (2017) membawa perubahan ketara ke arah pendekatan pembelajaran yang mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid dan aktif. Perubahan ini menyebabkan peranan guru berubah kepada pembimbing. Apabila murid menjadi subjek utama, maka mereka akan melibatkan diri secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ia sangat berbeza dengan pembelajaran konvensional. Jadi, guru tidak lagi memonopoli pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan di bilik darjah. Sebaliknya mereka berusaha menjalankan pelbagai jenis aktiviti yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) yang dapat membantu murid belajar secara aktif. (Ahmad Young, Asiah Naho dan Noriah Awang , 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan surat pekeliling ikhtisas bil 6 tahun 2016, sebanyak 360 minit telah diperuntukan bagi mata pelajaran bahasa Tamil untuk tahap 1 dan 300 minit bagi tahap 2. Sebanyak 2 waktu dalam seminggu diperuntukan untuk kemahiran membaca bagi tahap 1 dan tahap 2. Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Tamil Sekolah Pendidikan Kebangsaan (DSKP) 2017, penguasaan membaca merangkumi pemahaman bacaan, penguasaan kosa kata dan membaca secara lantang. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kandungan teks, murid mesti menguasai perbendaharaan kata terlebih dahulu. Untuk mencapai matlamat pemahaman bacaan, pemahaman bukan sahaja bergantung kepada perkataan dan kosa kata. Sebaliknya, proses pembelajaran pemahaman kritis lebih ditekankan.

Oleh itu, pendekatan pengajaran yang lebih sesuai untuk pengajaran pemahaman bacaan perlulah digunakan dengan mengambil kira keadaan dunia yang berkembang pesat dan berubah dari semasa ke semasa. Kaedah pengajaran amat penting untuk mencapai matlamat pembelajaran. Kaedah pengajaran yang betul akan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran supaya keputusan dibuat. Guru hendaklah memberi perhatian kepada keperluan dan keadaan murid. Murid mesti diberi kemahiran yang boleh membantu mereka menghadapi cabaran masa depan, seperti kemahiran komunikasi dan belajar sendiri. (Fithri Ana Nuur Afiifah, Esti Swatika Sari & Samson, 2023).

Menurut Parvathy Baatinathan, Siti Hajar Halili dan Rafiza Abdul Razak (2022), menyatakan KPM memberi tumpuan kepada keupayaan tertentu yang diperlukan untuk melaksanakan PAK-21. Ia termasuk kreativiti, pemikiran kritis,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerjasama dan komunikasi (Partnership for 21st Century Skills, 2006)). Oleh itu, para pendidik perlu merancang dan menjalankan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan berkesan supaya murid dapat belajar dengan baik menggunakan pelbagai jenis media, teknik dan gajet (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2016).

Justeru, seorang pendidik perlu bersedia untuk menghadapi perubahan besar dalam pengajaran. Untuk menyesuaikan diri dengan pembelajaran abad ke-21, pendekatan pengajaran berpusatkan guru mesti diganti. Hal ini akan membolehkan murid menjadi lebih terlibat dan berminat dalam bidang tersebut. Selain itu, untuk menguasai kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21, pengajaran pemahaman bacaan dalam bentuk syarahan dan menekankan penerangan kandungan teks oleh guru dianggap tidak sesuai dan tidak relevan lagi dengan perkembangan semasa. (Manibarathi Nagaretnam & Muhammad Sofwan Mahmud, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Rasid Jamian dan Nurfatin Nabihah Baharom (2018), penggunaan teknik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) amat penting untuk guru memahami tujuan sebenar penggunaan teknik tersebut. Hal ini termasuk menarik perhatian murid terhadap PdPc, yang secara tidak langsung boleh meningkatkan kemahiran membaca murid. Murid adalah orang yang suka sesuatu yang menarik. Teknik membaca juga bertujuan untuk menarik perhatian murid. Sekiranya guru hanya menggunakan teknik konvensional dalam PdPc, murid akan menjadi bosan. Teknik membaca yang sesuai dan berkesan boleh membangkitkan rasa ingin tahu murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian yang dijalankan oleh Rafli Ramadhan dan Sunarti (2021), kaedah pembelajaran boleh digunakan untuk meningkatkan rasa tekun murid dan meningkatkan minat mereka terhadap pelajaran khususnya dalam membaca teks. Prinsip pembelajaran juga dianggap sebagai salah satu komponen yang dapat memajukan proses pembelajaran. Adalah sangat penting untuk menggunakan kaedah pembelajaran di dalam bilik darjah untuk memberi murid suasana pembelajaran yang berbeza. Hal ini akan memupuk semangat murid semasa aktiviti dijalankan. Pembelajaran boleh digunakan dalam pelbagai cara. Salah satu kaedah pembelajaran ialah penggunaan teknik SQ3R.

Menurut Wahyuni Hamzanwadi, Taufiq Hamzanwadi dan Boedi Maritasari Hamzanwadi (2023), kaedah SQ3R terdiri daripada lima langkah iaitu tinjau (*survey*), tanya (*question*), baca (*read*), imbas kembali (*recite*) dan baca semula (*review)*. Teknik ini merupakan satu kaedah membaca yang membantu memahami isi kandungan bacaan dengan langkah-langkah yang sistematik. Menurut Yuvinda Eka Anggita Putri, Eni Winarsih dan Kamiran (2023), Robinson iaitu seorang profesor psikologi telah mempelopori teknik ini pada tahun 1961 yang mampu diterapkan dalam pembelajaran membaca untuk meningkatkan daya ingatan dari segi pemahaman murid terhadap isi kandungan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran membaca adalah komponen penting dalam aktiviti PdPc dan semua murid mesti mempunyai kemahiran ini. Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang penting untuk mendapatkan dan memahami maklumat yang diterima berdasarkan bahan yang dibaca. Keupayaan membaca membantu murid menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih baik dan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan pelbagai kemajuan dan perubahan yang berlaku pada masa ini. Dengan menguasai kemahiran membaca, murid boleh mendapatkan maklumat yang mereka perlukan dan memperoleh pengetahuan berterusan. (Wahyuni Hamzanwadi et al., 2023).

Walau bagaimanapun, kekurangan aktiviti membaca secara langsung boleh menjejaskan keupayaan pembelajaran murid untuk memahami teks secara berterusan. Kesan ini jelas kelihatan melalui Laporan PISA (*Programme for International Student Assessment*) pada tahun 2022. PISA merupakan metodologi pentaksiran அனாpenghantarabangsa yang melibatkan murid pada lingkungan umur 15 tahun dari 43 buah negara. Malaysia merupakan antara salah sebuah negara yang menyertai PISA yang diadakan setiap tiga tahun. Secara keseluruhannya, skor purata Malaysia dalam literasi membaca telah menurun kepada 388 mata dalam PISA 2022, daripada 415 mata dalam PISA 2018. Penurunan ini telah menyebabkan sebanyak 45% murid dari Malaysia telah mencapai Aras 2 dalam Literasi Bacaan, iaitu murid dapat mengenal pasti idea utama dalam teks sederhana panjang, mencari maklumat eksplisit yang kadang-kadang terkandung dalam kriteria yang kompleks (KPM, 2016). Secara kesimpulan, keputusan PISA pada tahun 2022 telah membuktikan bahawa keupayaan kefahaman membaca murid negara kita masih memerlukan peningkatan yang memberangsangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Jayaganes Balanadam dan Khairul Azhar Jamaluddin (2021) menyatakan bahawa walaupun membaca secara berulang kali, murid akan mudah lupa dan pada akhirnya mereka tidak memahami apa yang dibaca. Hal ini membuktikan bahawa cara pembacaan murid belum dapat memberikan kefahaman terhadap bacaan yang dilakukan.

Murid mesti memahami dan melatih diri membaca menggunakan peraturan membaca yang sesuai untuk mengelakkan pembaziran masa. Tidak dinafikan, kaedah membaca saya yang tidak sesuai boleh menyebabkan murid bosan, hilang minat dan dan berkemungkinan cepat mengantuk ketika membaca.

Keadaan ini turut wujud dalam penguasaan murid dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Bahasa Tamil berperanan sebagai bahasa pengantar dan mata pelajaran teras di SJKT (Nalini Munusamy & Nordin, 2021). Jika kita meneliti tahap literasi bacaan murid di SJKT juga masih berada dalam keadaan yang kurang memuaskan dan ia masih memerlukan penambahbaikan. Ia dapat dibuktikan melalui beberapa kajian yang pernah dilakukan di negara kita.

Menurut R.Veeraratchagi (2021), murid SJKT tahap 1 dan 2 mengalami kesukaran menyebut huruf dengan fonetik yang betul. Selain itu, beliau menyatakan bahawa apabila murid menggunakan sebutan yang salah, ia tidak bermakna atau mempunyai makna yang berbeza. Beliau menawarkan beberapa penyelesaian kepada masalah ini. Salah satu cara adalah dengan memberi murid latihan lisan individu dari awal dan membantu mereka membaca menggunakan sebutan yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Parvathy Baatinathan et al., (2022) menunjukkan bahawa apabila dibandingkan dengan pencapaian mata pelajaran yang lain murid-murid merasakan mata pelajaran bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran yang sukar difahami mahupun ditulis. Murid-murid menganggap proses pembelajaran bahasa Tamil sebagai satu proses yang mengelirukan dan menyusahkan. Oleh itu, mereka masih tidak dapat menguasai subjek bahasa Tamil dengan baik.

Menurut Ganesh Mukayah dan Rosseni Din (2021), kelemahan murid dalam kemahiran membaca sering dibincangkan dalam kalangan guru bahasa di sekolah Tamil. Dalam sesi PdPc bersama murid khususnya dalam mata pelajaran bahasa Tamil, melalui pemerhatian beliau dalam kajian awal didapati murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca khususnya dalam mengeja perkataan. Hasil pemerhatian juga menunjukkan murid tidak mengambil inisiatif membaca secara berdikari sebaliknya hanya membaca di sekolah. Hal ini berlaku kerana murid berasa bosan semasa membaca.

Walau bagaimanapun, masalah membaca tidak menghalang guru dan institusi pendidikan daripada memberi bantuan kepada murid yang mengalami kesukaran membaca. Menurut Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod (2021), pembelajaran kemahiran membaca memerlukan kawalan dan perhatian. Guru mungkin menggunakan bahan pengajaran yang kurang menarik dan mewujudkan rasa bosan. Ia akan menyebabkan masalah seperti murid mudah hilang tumpuan semasa belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Looi dan Norfaneliza (2020), mereka menyatakan bahawa kaedah konvensional iaitu latihan dan hafalan sering digunakan untuk menghadapi peperiksaan. Guru selalu menggunakannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas. Seperti yang dinyatakan oleh Chen Q.Y. (2017), kebanyakan pendidik ingin menggunakan kaedah mudah untuk menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru sering percaya bahawa murid akan mudah memahami teks selepas membaca dalam kelas. Oleh itu, guru akan membaca dengan lantang kepada murid mereka. Guru berharap murid memahami proses tersebut dengan cepat. Akibatnya, walaupun guru membaca teks dengan kuat, kebanyakan murid masih tidak dapat memahami teks secara keseluruhan. Hal ini menyebabkan murid lebih cenderung untuk menyalin jawapan daripada teks tanpa mengkaji maksud soalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zarina Abu Baker, Wan Muna Ruzanna dan Wan Mohammad (2021) mendapati bahawa sekiranya guru menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional dan mengabaikan penguasaan kemahiran berfikir murid, maka murid tidak akan berjaya menjadi seorang murid yang cemerlang. Selain itu, mereka menyatakan guru sentiasa menggunakan kaedah syarahan dengan merujuk kepada buku teks, nota dan buku latihan topikal. Akibatnya, situasi ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran kurang menarik minat murid dan mereka juga tidak memberikan sepenuh perhatian terhadap aktiviti PdPc.

Bagi menyelesaikan masalah ini, guru hendaklah memainkan peranan yang penting semasa mengajar murid mereka dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dengan tahap mereka. Menurut Rosyati Manaf dan Kamariah Abu Bakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2022), seorang guru mesti melakukan sesuatu untuk membantu murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Selain itu, mereka menyatakan bahawa salah satu cara untuk membantu murid menguasai pelajaran adalah dengan memilih kaedah dan pendekatan pengajaran yang betul. Kajian Loy (2022) juga menyatakan bahawa guru mestilah menjadikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran menarik, menyeronokkan, mudah dan memberi makna kepada murid.

Selain itu, Raman (2009) mendapati bahawa bantuan guru dalam tugasan yang diberikan sangat membantu murid memahami apa yang diajar. Oleh itu, guru harus bijak merancang strategi untuk membantu murid memahami mata pelajaran, terutamanya mata pelajaran bahasa Tamil. Selain itu, beliau menyatakan bahawa pendidik mempunyai pengaruh yang besar terhadap kemajuan akademik murid. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam menjalankan aktiviti pembelajaran di sekolah, terutamanya dalam bahasa Tamil. Beliau juga mencadangkan bahawa guru harus mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang teori, peraturan, pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Mereka juga perlu dapat menggunakannya dalam persekitaran bilik darjah yang sebenar.

Oleh kerana terdapat beberapa masalah dalam pembelajaran kefahaman membaca, maka kajian ini menggunakan teknik SQ3R bagi mengatasi masalah ini. Kaedah SQ3R membantu murid mencari konsep utama teks yang mereka baca dan memahaminya dengan lebih baik. Guru juga boleh mengingati teks yang dibaca dengan lebih baik. Keadaan ini disebabkan murid aktif mencari ilmu secara sendiri. Selain itu, kaedah SQ3R meningkatkan kefahaman dan membantu memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan tersurat dan tersirat bagi teks yang dibaca. (Fithri Ana Nuur Afiifah et al., (2023).

Menurut Azkiyatun Nisa, R. Ading Pramadi dan Hadiansah (2023), Robinson, yang merupakan pelopor SQ3R telah memberi penjelasan tentang teknik SQ3R yang meliputi lima langkah pembelajaran iaitu Tinjau (*Survey*), Tanya (*Question*), Baca (*Read*), Imbas Kembali (*Recite*) dan Baca Semula (*Review)*. Kaedah SQ3R akan mengambil kira proses kognitif yang berlaku secara aktif dalam setiap langkah. Ia menumpukan pada aspek mengumpul data daripada teks yang dibaca untuk proses memahami dan mengimbas kembali. Selain itu, kaedah ini dapat membantu murid membaca dengan lebih fokus berdasarkan objektif pembelajaran, masalah dan tema. Keupayaan murid untuk berfikir secara kritis dan membuat kesimpulan diperlukan semasa proses membaca. Justeru, pendekatan SQ3R dapat membantu murid belajar secara aktif. Ia juga boleh meningkatkan tahap kefahaman bacaan mereka.

Teknik SQ3R sangat berbeza dengan kaedah konvensional. Pembelajaran konvensional tidak melibatkan murid secara aktif semasa proses pembelajaran kerana ia hanya menggunakan kaedah syarahan. Kaedah ini menyebabkan murid bosan kerana tidak berkesan. Selain itu, kaedah ini tidak sesuai dengan perubahan semasa dalam pendidikan yang memfokuskan kepada pembelajaran abad ke-21. (Faznuhal Makassar, Nurfaizah AP & Siti Nursiah Makassar, 2023). Oleh itu, teknik membaca SQ3R akan dijadikan tumpuan utama dalam kajian ini untuk meningkatkan kefahaman membaca murid dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chen (2018), teknik SQ3R telah wujud sejak 1961, namun penyelidikan secara praktikal masih kurang dijalankan. Beberapa kajian sahaja dilakukan yang berkenaan dengan penggunaan teknik membaca SQ3R di Malaysia. Kajian-kajian ini hanya tertumpu kepada peringkat sekolah menengah dan kolej. Antaranya Wan Dyarudin (2017), Awatif, Hairun Najuwah, Ku Fatahiyah, dan Siti Nurhajariah (2016). Selain itu, kajian juga tidak mengkaji aspek kategori kefahaman bacaan secara keseluruhan, hanya menilai kefahaman bacaan murid berdasarkan pencapaian umum. Selain itu, tiada kajian telah dijalankan di Malaysia untuk menilai keberkesanan teknik SQ3R dalam bacaan Tamil, terutamanya di sekolah rendah.

Maka, kajian ini mengisi kekosongan tersebut untuk mengetahui bagaimana penggunaan teknik membaca SQ3R memberi impak kepada pemahaman bacaan teks bahasa Tamil dalam kalangan murid sekolah rendah kebangsaan. Selain itu, metodologi SQ3R yang dicadangkan dalam penyelidikan ini akan menjadi pilihan kepada warga guru untuk menukar kaedah pengajaran konvensional bagi memenuhi keperluan pendidikan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian ini:

i. Mengenal pasti perbezaan pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dengan kumpulan kawalan.

ii. Mengenal pasti tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif tersebut, kajian ini menjawab kepada setiap persoalan seperti yang berikut:

i. Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dengan kumpulan kawalan?

ii. Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?

iii. Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa hipotesis nul telah diwujudkan. Kajian ini telah menggunakan hipotesis nul seperti berikut:

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan antara tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dihadkan kepada dua kelas tahun tiga daripada dua buah sekolah rendah aliran Tamil di Selangor. Bagi memenuhi keperluan kajian ini, pemilihan sampel kajian dihadkan kepada aspek-aspek tertentu. Murid kelas tahun tiga di sekolah A akan berada dalam kumpulan rawatan, manakala murid kelas tahun tiga di sekolah B akan berada dalam kumpulan kawalan. Oleh kerana sekolah A tidak mempunyai lebih daripada empat puluh responden, sekolah B telah dipilih untuk melengkapkan bilangan responden.

Kajian ini dijalankan selama enam minggu. Kajian ini terhad kepada dua buah sekolah rendah di Selangor. Oleh itu, keputusan kajian ini mungkin berbeza jika ia dijalankan di sekolah di negeri lain yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza. Akibatnya, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan secara umum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan akan diajar oleh dua orang guru berbeza yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil lebih dari sepuluh tahun. Keadaan ini berlaku kerana kajian ini dijalankan di dua buah sekolah yang berbeza. Oleh itu, kajian ini tidak dapat melibatkan guru yang sama dalam aktiviti PdPc dalam kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan.

Kajian ini menggunakan sebanyak enam jenis teks naratif yang terkandung dalam buku aktiviti bahasa Tamil. Oleh itu, kajian ini dapat mengukur skop pemahaman bacaan yang selaras dengan piawaian kandungan kurikulum bahasa Tamil Tahun Tiga. Pemahaman bacaan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu literal, inferens dan kritikal. Kategori-kategori ini termasuk keupayaan untuk melihat makna perkataan atau frasa, mengecam isi tersurat, mengenal pasti urutan peristiwa, mentafsir isi tersirat, membuat perbandingan, mentafsir idea utama, menilai dan menentukan nilai pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diharapkan kajian ini akan memberikan panduan dan rujukan kepada guru untuk meningkatkan kefahaman membaca murid mereka. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik lain untuk menjalankan kajian tambahan. Oleh itu, keadaan ini akan membantu meningkatkan hasil kajian dan mendorong penyelidikan yang lebih besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengkaji pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Kaedah yang diperkenalkan ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dengan memberikan input yang berguna dalam bidang pendidikan. Keputusan dan cadangan daripada kajian ini boleh digunakan untuk meningkatkan pencapaian akademik murid SJKT kerana tidak banyak kajian yang dijalankan yang memfokuskan pendekatan SQ3R untuk mengatasi masalah penguasaan membaca dalam kalangan murid. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu guru-guru SJKT meningkatkan pengajaran mereka ke tahap yang lebih baik.

Selain itu, penggunaan teknik SQ3R dalam kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan kualiti subjek bahasa Tamil di sekolah rendah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perkembangan Kurikulum, Institut Pendidikan Guru, guru dan murid sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini menggalakkan penggunaan pelbagai pendekatan membaca yang memfokuskan kepada aspek kefahaman bacaan dan menunjukkan kepentingan kefahaman bacaan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia mendedahkan teknik membaca SQ3R kepada semua guru secara meluas. Guru-guru SJKT akan mempunyai keupayaan untuk mengajar murid mereka dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan teknik membaca yang berkesan dan bersesuaian menerusi kerjasama dari Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Institut Pendidikan Guru.

Seterusnya, KPM boleh mengadakan lebih banyak kursus khususnya untuk guru berorientasikan bahasa Tamil bagi memberi pendedahan yang lebih meluas tentang penggunaan teknik SQ3R. Selain itu, KPM boleh menerbitkan risalah, nota komprehensif dan teks panduan guru dalam bahasa Tamil untuk memberikan pengetahuan lanjut tentang cara terbaik untuk menggunakan teknik SQ3R.

1.8.2 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Bahagian Pembangunan Kurikulum bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengawasi program pendidikan di institusi pendidikan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kaedah SQ3R boleh disebarkan ke dalam kurikulum sekolah dengan memasukkan komponen teknik membaca ke dalam DSKP pada masa hadapan. Diharapkan DSKP bahasa Tamil dapat memberikan guru SJKT gambaran yang jelas tentang kepentingan teknik membaca untuk meningkatkan hasil pengajaran guru yang berkesan dan berkualiti.

Hasil kajian juga boleh digunakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menganalisis dan menilai kurikulum semasa. Keupayaan kurikulum subjek bahasa Tamil boleh dinilai dengan lebih tepat menggunakan analisis yang dibuat untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid. Bahagian Pembangunan Kurikulum juga mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keupayaan untuk menghasilkan sukatan pelajaran dan modul pembelajaran bahasa Tamil yang lebih menarik dan sentiasa berubah yang selaras dengan prinsip-prinsip psikologi pembelajaran. Tujuannya adalah untuk memupuk sikap yang positif dan meningkatkan keinginan guru dan murid untuk mengajar bahasa Tamil pada masa kini.

1.8.3 Institut Pendidikan Guru

Institut Pendidikan Guru bertanggungjawab menyediakan latihan perkhidmatan kepada guru pelatih dalam usaha melahirkan guru yang berkualiti tinggi. Marlina dan Shaharom (2010) menyatakan Institut Pendidikan Guru amat penting untuk membangunkan murid yang berfikiran kritis dan mencapai wawasan 2020 khususnya di sekolah rendah. Guru pelatih akan didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran apabila menerima latihan di institusi pendidikan.

Dalam proses PdPc, pemilihan dan pelaksanaan strategi dan aktiviti amat penting untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Oleh itu, teknik SQ3R sebagai kaedah pengajaran boleh diterangkan kepada guru pelatih yang beropsyen bahasa Tamil. Mereka boleh menggunakannya untuk mengajar bahasa Tamil pada masa hadapan. Selain itu, teknik SQ3R yang disusun mengikut langkah-langkah yang sistematik dapat memberi peluang kepada guru pelatih untuk mempraktikkannya semasa menjalani praktikum di SJKT. Dengan cara ini, mereka dapat menguasai kaedah ini dan membantu murid meningkatkan kefahaman bacaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4 Guru

Guru ditakrifkan sebagai tenaga pengajar atau pendidik yang bertugas di institusi pendidikan seperti sekolah atau tuisyen iaitu di kelas bimbingan. Pada masa ini, guru ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai kepakaran khusus dalam sesuatu bidang. Dalam sistem pendidikan, guru berfungsi sebagai pelaksana utama. Walau bagaimanapun, pengajaran tidak terhad kepada guru sahaja.Seperti yang dinyatakan oleh Syafawani binti Jamil dan Siti Nurdiyana Nabilla Binti Samsuri (2022), usaha guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran boleh memberi impak kepada pembelajaran murid. Guru yang melakukan perubahan positif dalam kaedah pembelajaran atau pembaharuan dalam penggunaan bahan bantu mengajar pasti akan mempengaruhi suasana pembelajaran di dalam bilik darjah. Amalan reflektif ini dapat membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, adalah penting bagi seorang guru untuk memastikan rancangan yang telah ditetapkan membolehkan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan mencapai matlamat. Teknik yang berkesan bergantung kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan murid. Hal ini kerana guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing sepanjang proses PdPc. Guru bertindak sebagai pembimbing untuk membantu murid memperoleh kemahiran yang diajar. Teknik PdPc mempunyai kesan yang ketara terutamanya terhadap kebolehan membaca murid.

Seterusnya, pembelajaran berpusatkan murid ialah pendekatan pendidikan yang boleh menggalakkan murid untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan memperoleh pengetahuan melalui pengalaman mereka sendiri. Teknik pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga penting dalam menggunakan strategi berpusatkan murid. Teknik membaca yang berkesan perlu diajar kepada murid untuk pembelajaran pemahaman bacaan.

Oleh itu, kajian ini memberikan penerangan yang menyeluruh tentang cara menggunakan teknik SQ3R, supaya guru boleh menggunakannya untuk mengajar pemahaman bacaan murid. Teknik SQ3R boleh digunakan oleh guru untuk menggabungkan pelbagai kaedah pengajaran bagi mencapai hasil pengajaran yang terbaik. Menurut Rafli Ramadhan et al. (2021), untuk menarik minat murid terhadap proses penguasaan membaca, aktiviti pengajaran perlu dijalankan dengan menggunakan kaedah yang sesuai. Untuk mewujudkan suasana bilik darjah yang mesra dan menggalakkan minat murid untuk belajar, kaedah pengajaran adalah sangat penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan kefahaman bacaan murid-murid mereka. Dapatan kajian juga boleh digunakan oleh penyiasat lain sebagai rujukan untuk penyelidikan selanjutnya. Hal ini akan mengukuhkan lagi penemuan penyelidikan dan menggalakkan penyiasatan yang lebih penting.

1.8.5 Murid

Murid ialah istilah yang merujuk kepada individu yang menyertai program pendidikan di institusi pendidikan, mungkin di bawah bimbingan seorang atau lebih guru. Selain itu, murid merupakan golongan yang paling terkesan dengan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran guru. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada murid dengan mengaplikasikan kaedah membaca dalam proses pembelajaran pemahaman bacaan.

Murid berpeluang mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran melalui bimbingan guru. Untuk mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik, murid akan dilatih untuk belajar secara berdikari melalui kaedah membaca. Kaedah ini menambahkan keupayaan murid-murid bagi berfikir secara kritis dan menggalakkan pembelajaran aktif melalui interaksi rakan sebaya. Selain itu, murid boleh menggunakan kaedah ini dalam bidang lain selain daripada bidang pendidikan.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wahyuni Hamzanwadi et al. (2023), pembelajaran secara konvensional memfokuskan kepada guru sebagai satu-satunya sumber pembelajaran. Guru juga akan menggunakan pendekatan syarahan dan menggunakan buku teks sebagai alat pembelajaran. Guru menjadi lebih aktif dalam pembelajaran dan murid menjadi lebih pasif. Pembelajaran yang membosankan ini akan menjadikan murid semakin tidak berminat, yang akan memberi kesan kepada prestasi akademik mereka pada masa hadapan. Justeru, pendekatan SQ3R digunakan untuk kumpulan rawatan dalam proses mengajar dan mengajar pemahaman bacaan. Teknik SQ3R didedahkan kepada kumpulan rawatan dalam lima langkah iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Tinjau *(Survey)*

Pada mulanya, murid akan membaca dengan pantas untuk mendapatkan pemahaman awal tentang kandungan mengikut apa yang mereka faham. Fokus murid terhad kepada teks, tajuk umum, subtajuk, gambar, simbol, ilustrasi, graf dan pemenggalan.

ii. Tanya (*Question)*

Berdasarkan teknik penyoalan 5W1H yang bermaksud Apa (*What*), Siapa (*Who*), Di mana (*Where*), Bila (*When*), Mengapa (*Why*) dan Bagaimana (*How*), murid-murid akan memikirkan dan menyenaraikan soalan ringkas yang berkaitan dengan teks dengan bantuan guru. Soalan-soalan adalah berdasarkan apa yang murid ingin tahu tentang teks. Selain itu, soalan juga boleh ditakrifkan sebagai senarai siri soalan yang berkaitan dengan tugasan yang telah diberikan kepada mereka. Selain itu, soalan berfungsi sebagai sumber rujukan untuk jawapan yang paling sesuai. Pada masa yang sama, murid mencari dan meramalkan pilihan yang paling sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Baca (*Read*)

Kemudian murid-murid akan membaca secara serius atau perlahan dan memberi fokus pada teks. Murid juga akan cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan yang dibina secara serentak. Murid juga boleh menambahkan soalan. Penaakulan maklumat yang terkandung dalam petikan teks atau bahan bacaan juga boleh dilakukan oleh murid semasa mereka membaca. Selain itu, murid mempunyai keupayaan untuk bertukar-tukar idea dengan sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerima atau menolak idea yang dibaca. Hal ini menunjukkan bahawa murid tidak semestinya menerima semua maklumat yang terkandung dalam teks.

iv. Imbas kembali (*Recite*)

Murid harus mengingat semua atau sebahagian daripada maklumat yang dibincangkan selepas mereka membaca teks secara keseluruhan. Murid boleh membuat satu senarai tentang maklumat yang berkaitan dengan soalan atau tugasan. Kemudian, murid boleh menggunakan maklumat yang terkandung dalam teks untuk menjawab semua soalan tugasan. Selain itu, murid boleh merujuk kepada jawapan yang terdapat dalam teks sebelum memberikan jawapan kepada soalan asal. Murid juga mempunyai keupayaan untuk membandingkan ketepatan jawapan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Baca semula (*Review*)

Pada peringkat ini, murid diminta membaca soalan dan jawapan yang ditulis dengan teliti. Pada peringkat *Recite* (imbas kembali) di atas, jawapan mesti disahkan pada peringkat ini. Selain itu, murid harus memastikan bahawa fakta dan maklumat dalam teks membentuk jawapan mereka kepada bahagian tertentu. Selain itu, murid harus memastikan bahawa mereka tidak terlepas maklumat atau fakta yang terkandung dalam tugasan pada peringkat soalan. Melalui proses teknik SQ3R, murid mendapat maklumat yang betul dengan cepat dan menyiapkan tugasan dengan berkesan.

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kefahaman bacaan murid melalui markah Ujian Pemahaman Bacaan (UPB). Tambahan pula, kajian menyeluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan terhadap tahap pemahaman bacaan murid dalam kumpulan rawatan mengikut kategori literal, inferens dan kritikal. Tujuannya adalah untuk menentukan kesan dan pengaruh kaedah SQ3R terhadap semua kategori pemahaman bacaan. Selain itu, kajian ini akan mengkaji tahap penerimaan teknik SQ3R oleh murid. Untuk kajian ini, kategori literal, inferens dan kritikal digunakan untuk menilai aspek kefahaman membaca. Tambahan pula, setiap kategori kefahaman mempunyai set kemahiran yang berbeza. Hal ini adalah berdasarkan aras kognitif rendah hingga tinggi. Literal, inferens dan kritikal ialah lapan kebolehan yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini.

Terdapat tiga kemahiran dalam kategori kefahaman literal iaitu kemahiran L1 mencari makna perkataan atau frasa, kemahiran L2 melihat isi tersurat, dan kemahiran L3 mengenal pasti rangkaian peristiwa. Selain itu, kategori kefahaman inferens terdiri daripada tiga kemahiran iaitu kemahiran F1 menaksir isi tersurat, kemahiran F2 membuat perbandingan dan kemahiran F3 menaksir idea utama. Sementara itu, kategori kritikal pula terdiri daripada dua kemahiran iaitu K1 menilai dan K2 mengenal pasti nilai pengajaran. Kod L, F dan K masing-masing berfungsi sebagai wakil kritikal, literal dan inferens (Yahya Che Lah & Nor Hashimah Hashim, 2014).

Kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam ketiga-tiga kategori kefahaman membaca adalah sesuai untuk digunakan dalam menguji kefahaman murid tahun tiga. Hal ini juga selaras dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca DSKP Bahasa Tamil Tahun Tiga, yang menetapkan bahawa murid mesti membaca dan memahami teks, memahami isi tersurat dan tersirat teks dan mengapresiasi keindahan bahasa (KPM,2017).


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual kajian yang bertujuan untuk mengkaji kesan teknik SQ3R terhadap pencapaian dan tahap penguasaan kefahaman membaca teks bahasa Tamil digambarkan dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operational

Beberapa konsep dan istilah diterangkan melalui definisi operasional mengikut konteks kajian ini. Ia bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan memudahkan pemahaman terhadap kajian ini.

1.10.1 Teknik SQ3R

Dalam kajian ini, strategi membaca menggunakan teknik SQ3R yang merupakan alternatif untuk diguna oleh guru dan murid sebagai satu kaedah bacaan dan kaedah kemahiran belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan menggunakan teknik ini dalam kajian ini adalah untuk menguji pemahaman murid berdasarkan bahan atau teks yang dibaca untuk menyelesaikan tugasan. Di samping itu, teknik ini juga dapat memanjangkan proses ingatan murid dan maklumat yang diperoleh tidak mudah untuk dilupai. Hasil kajian Andi Karman dan Sehe Sehe (2021), menunjukkan kelebihan teknik SQ3R sebagai satu kaedah kemahiran belajar terbukti berkesan bagi membantu murid meningkatkan pencapaian kemahiran kefahaman membaca. Penggunaan kaedah ini juga membantu meningkatkan motivasi murid untuk belajar membaca.

Kajian ini melibatkan murid tahun tiga, jadi hanya beberapa perubahan telah dibuat tanpa mengubah langkah-langkah dalam kaedah SQ3R. Hal ini menjadikannya lebih sesuai dengan tahap murid. Ini kerana kaedah SQ3R pada mulanya digunakan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah menengah (Smith,2017). Oleh itu, perubahan perlu dilaksanakan mengikut tahap penguasaan murid dan peringkat umur mereka.

Tinjauan (*Survey)* adalah satu lagi langkah sistematik dalam teknik SQ3R yang diubah suai. Murid melihat tajuk teks, gambar, dan senarai perbendaharaan semasa langkah ini. Mereka juga membaca teks sepintas lalu. Semasa langkah tanya (*Question*), murid memikirkan dan menulis soalan secara ringkas yang berkaitan dengan teks. Murid menggunakan teknik penyoalan 5W1H. Teknik ini termasuk soalan yang berkaitan dengan idea utama dan nilai yang terdapat dalam teks. Dalam langkah Baca (*Read)*, murid membaca dengan teliti dan cuba menjawab soalan dengan menulis jawapan atau menandakan pada teks. Murid secara berpasangan mengimbas dan mengulas jawapan rakan semasa langkah Imbas Kembali (*Recite*). Kemudian, murid mendapat maklum balas daripada rakan mereka dalam langkah Baca Semula (*Review)*, mereka membaca teks semula untuk mengesahkan jawapan mereka dan perbincangan dengan guru juga dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Kaedah Konvensional

Kaedah konvensional ialah kaedah pengajaran yang berpusatkan guru. Guru biasanya menggunakan kaedah ini dengan menyampaikan maklumat secara berterusan dan sehala tanpa mengetahui tahap penerimaan dan pemahaman murid tentang kandungan pembelajaran. Guru biasanya mengajar dalam bentuk perkuliahan yang termasuk hafalan, syarahan, soal jawab dan perbincangan. (Theepa Asualingam, Siti Hajar Halili & Selvajothi Ramalingam, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, murid tidak diajar tentang teknik membaca dan mereka hanya berfokus pada soalan yang diajukan oleh guru. Dalam proses pengajaran, murid akan membaca teks dengan lantang sebelum guru bertanya soalan mengenai kandungan teks. Penglibatan secara aktif tidak wujud antara rakan sebaya. Selain itu, murid - murid diberi penjelasan oleh guru tentang maksud dan kandungan teks. Setelah kelas tamat, murid diberi latihan dan tugasan untuk diselesaikan (Xu, 2017).

1.10.3 Kefahaman Membaca

Kefahaman ialah satu peringkat di mana murid menentukan dan mentafsir maksud, menilai maksud, menyusun konsep dan menghubungkannya dengan apa yang mereka ketahui dan alami. Pemahaman membaca adalah satu set tindakan kognitif yang termasuk penggabungan pelbagai maklumat, penglibatan proses kognitif yang kompleks, dan pemahamaan perkataan dan makna (Meniado, 2016). Pembaca boleh memahami teks dengan berinteraksi dengan teks pada peringkat yang berbeza.

Menurut Wahyuni Hamzanwadi et al., (2023), kefahaman membaca ialah usaha membaca yang dilakukan oleh seseorang untuk memahami sepenuhnya kandungan bacaan. Seseorang murid membaca untuk memahami sesuatu petikan dengan jelas, merumuskan isi bacaan dan mengatakannya secara lisan dan bertulis.

Secara ringkasnya, kefahaman membaca merangkumi pemahaman bukan sahaja pemahaman makna perkataan atau frasa secara literal, tetapi juga proses kognitif yang kompleks yang berkaitan dengan membaca teks yang memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman yang lebih mendalam. Dengan itu, kefahaman membaca murid dalam kajian ini melibatkan pemahaman mereka bukan sahaja teks naratif secara literal tetapi juga pemahaman kritikal dan mendalam. Terdapat tiga kategori pemahaman membaca iaitu literal, inferens dan kritikal. Keupayaan untuk memahami membaca juga termasuk keupayaan untuk mengecam makna perkataan atau frasa, mengecam isi tersurat, mengenal pasti urutan peristiwa, mentafsir isi tersirat, membuat perbandingan, mentafsir idea utama, menilai dan menentukan nilai pengajaran yang terkandung dalam teks. Pemahaman kajian ini adalah menyeluruh dan merangkumi semua aspek dari perkataan, frasa, ayat, perenggan dan petikan.

1.10.4 Kategori Kefahaman Membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pendapat ahli-ahli sarjana, tahap pemahaman membaca boleh dikategorikan mengikut beberapa kategori. Kategori-kategori ini bergantung pada definisi yang diberikan oleh ahli-ahli sarjana masing-masing mengenai kefahaman membaca. Ahli-ahli sarjana yang terlibat adalah seperti Smith (1969), Barret (1972), Lamberg dan Lamb (1980), Swaby (1989) dan Gagne (1993).

Dalam kajian ini, kategori kefahaman membaca adalah berdasarkan kepada Teori Lamberg dan Lamb (1980) yang membahagikan kategori kefahaman membaca kepada tiga kategori iaitu literal, inferens dan kritikal. Kategori ini selaras dengan peringkat pembelajaran kefahaman membaca yang bermula dengan pengecaman perkataan dan berakhir dengan pemahaman makna. Kurikulum bahasa Tamil tahun tiga mengutamakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Oleh itu , kategori ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga sesuai digunakan. Menurut KPM (2017), KBAT melibatkan kemahiran berfikir inferens dan kritikal yang memerlukan murid membuat penaakulan dan penilaian rasional berdasarkan bukti yang kukuh. Oleh itu, kategori kritikal, literal dan inferens yang digariskan oleh Lamberg dan Lamb (1980) telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Yahya Che Lah dan Nor Hashimah Hashim, (2014), setiap kategori kefahaman membaca juga mengandungi beberapa kemahiran yang bertujuan untuk menilai secara lebih mendalam keupayaan kefahaman membaca murid. Dengan itu, keupayaan untuk memahami membaca kajian ini dinilai menggunakan kategori literal, inferens dan kritikal yang yang merangkumi beberapa kemahiran seperti berikut:

i. Kategori kefahaman literal

   L1 mengecam makna perkataan atau frasa

   L2 mengecam isi tersurat

   L3 mengenal pasti urutan peristiwa

ii. Kategori kefahaman inferens

   F1 mentafsir isi tersirat

   F2 membuat perbandingan

   F3 mentafsir idea utama

iii. Kategori kritikal

   K1 menilai

   K2 mengenal pasti nilai pengajaran dalam teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.5 Keberkesanan

Keberkesanan merujuk kepada sejauh mana sesuatu usaha, program, atau proses mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan menggunakan sumber yang ada secara optimum dan tanpa pembaziran. Menurut Lim dan Chan (2021), keberkesanan boleh diukur melalui hasil yang dicapai berbanding dengan sasaran atau matlamat yang ingin dicapai serta melalui kesesuaian pendekatan yang digunakan untuk mencapai hasil tersebut. Keberkesanan juga melibatkan aspek peningkatan berterusan, penglibatan pihak berkepentingan, dan penyesuaian dengan keperluan serta konteks peserta atau persekitaran yang terlibat. Jamaludin (2020) menyatakan bahawa keberkesanan bergantung kepada kesesuaian strategi yang digunakan dengan keperluan kumpulan sasaran. Beliau berpendapat bahawa keberkesanan tidak boleh diukur hanya berdasarkan hasil yang dicapai tetapi juga pada kesesuaian intervensi dengan konteks peserta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.6 Teks Bahasa Tamil

Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), teks bahasa Tamil menjadi bahan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teks bahasa Tamil di sekolah bertujuan untuk mengembangkan kemahiran membaca, menulis, dan berkomunikasi dalam Bahasa Tamil. Teks yang digunakan dalam kajian ini hanya merujuk kepada teks naratif yang terkandung dalam buku teks KSSR Bahasa Tamil tahun Tiga untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sebanyak lapan petikan telah digunakan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Dalam kajian oleh Krishnan (2018), beliau menunjukkan bahawa teks yang berbentuk naratif sangat berkesan dalam meningkatkan kefahaman membaca murid, kerana ia menghubungkan pembelajaran dengan pengalaman harian murid. Ciri-ciri teks naratif ini, seperti urutan peristiwa, watak, dan latar, memberi peluang kepada murid untuk lebih memahami nilai-nilai budaya dalam Bahasa Tamil.

1.11 Rumusan

Bab ini merupakan bab pengenalan yang berkaitan dengan penguraian latar belakang kefahaman membaca teks bahasa Tamil di SJKT, isu yang menimbulkan permasalahan dalam proses membaca dan juga mengandungi penerangan berkaitan dengan teknik SQ3R. Bab ini juga menerangkan masa tentang persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian. Penerangan ini memberikan gambaran awal dan membimbing bab-bab berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa aspek utama telah dibincangkan dalam bab ini. Aspek ini termasuklah teori konstruktivisme yang dikaitkan dengan teknik SQ3R dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca serta penerangan kefahaman membaca yang melibatkan definisi dan konsep, proses, kategori dan kemahiran, penilaian, masalah dan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman membaca. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan asal usul dan konsep teknik SQ3R. Jenis-jenis teks dan penerangan tentang teks naratif serta kaedah bacaan turut dibincangkan secara terperinci. Selain itu, bab ini turut menyoroti kajian-kajian lepas sama ada di luar negara atau dalam negara yang berkaitan dengan penggunaan teknik SQ3R serta kategori dan kemahiran kefahaman membaca yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Teori Konstruktivisme

Teori konstruktivisme dijadikan asas dan tunjang kepada kajian ini. Penerangan terperinci berkaitan konsep dan prinsip teori konstruktivisme dijelaskan seperti berikut. Selain itu, aplikasi teori konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran serta implikasinya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran turut dibincangkan.

2.2.1 Konsep Dan Prinsip Teori Konstruktivisme

Perkataan teori konstruktivisme iaitu *Constructvism* diambil daripada perkataan bahasa Inggeris yang bermaksud falsafah membina. Teori Konstruktivisme menekankan hubungan antara pengetahuan, pemikiran dan keperibadian individu berdasarkan sudut sosial. Teori konstruktivite menegaskan bahawa pengetahuan adalah hasil interaksi manusia dengan dunia fizikal dalam mencapai konsistensi dan persefahaman.

Tokoh-tokoh kenal bagi aliran pemikiran konstruktivisme adalah seperti Jean Piaget, Luv Vygotsky, Jaume Binner, Seymour Papert dan John Dewey (Bagas Mukti Nasrowi, 2021). Dalam konteks kajian ini, teori konstruktivisme lebih menjurus kepada pandangan Jean Piaget. Pinget meninjau perkembangan kognitif kanak-kanak berdasarkan perspektif faktor dalaman dan faktor lain. Beliau berpendapat bahawa kanak-kanak membina pengetahuan tentang dunia secara beransur-ansur melalui proses interaksi dengan persekitaran, sehingga mengembangkan struktur kognitif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Pengetahuan yang dibina terhasil berdasarkan pengalaman kendiri yang berguna dan bermakna (Bernadette Sinaga & Choiriyah, 2023).

Berdasarkan pandangan Piaget, terdapat empat prinsip utama dalam konteks pembelajaran. Pertama, setiap murid mempunyai pengetahuan asas atau pengetahuan sedia ada hasil dari pengalaman lalu. Kedua, murid membina pengetahuan baharu secara kendiri. Ketiga, proses membina pengetahuan melibatkan interaksi sosial dan keempat, guru bertindak sebagai pembimbing dalam pembinaan pengetahuan murid (Dwi Agus Prasetio, Abdul Khaliq Lubis & Gusmaneli Gusmaneli, 2024).

Menurut Siska Wahyuni, Fitri Nelfia Nofitri, Wulan Say dan Darul Ilmi (2023), konstruktivisme menekankan kepada inisiatif dan komitmen murid dalam pembinaan pengetahuan secara kendiri. Seseorang murid boleh membina pengetahuan sendiri melalui pelbagai media sedia ada. Kedudukan guru hanya sebagai perantara antara murid dengan objek atau sumber pembelajaran mereka. Konstruktivisme beranggapan bahawa ilmu tidak diperoleh secara pasif, sebaliknya ia dibina secara aktif oleh individu. Idea yang dipegang oleh guru tidak mudah disalurkan kepada murid secara langsung, tetapi murid harus mampu berfikir secara kreatif dan inovatif dalam membentuk idea dalam diri individu.

Purwanto (2013) menyatakan bahawa “Proses belajar merupakan proses yang unik dan kompleks. Keunikan itu disebabkan kerana hasil belajar hanya terjadi pada individu yang belajar, tidak pada orang lain dan setiap individu menampilkan perilaku belajar yang berbeza. Setiap manusia mempunyai cara yang khas untuk mengusahakan proses belajar terjadi dalam dirinya. Individu yang berbeza dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan proses belajar dengan kemampuan yang berbeza dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotorik".

Manakala menurut Susi Gustiana Mardiana (2022), murid yang aktif dalam proses pembelajaran dicirikan oleh dua aktiviti iaitu aktiviti dalam berfikir (*minds-on*), dan aktiviti dalam melakukan (*hands-on*). Maka, strategi dan teknik pembelajaran yang menekankan "*hands-on*" dan "*minds-on*" dapat merangsangkan pembelajaran aktif murid dalam membina pengetahuan secara kendiri. Oleh itu, proses murid aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti pembelajaran yang mesti dijalankan secara berterusan dan tanpa henti. Ini boleh dilakukan sekiranya interaksi antara guru dan murid terjalin dengan baik.

Konstruktivisme berdasarkan prinsip ketiga adalah berkaitan dengan interaksi sosial antara murid dengan rakan atau guru. Piaget membezakan pengetahuan kepada tiga jenis, iaitu pengetahuan secara fizikal, logik matematik dan pengetahuan sosial (Villanueva Aguilera, 2014). Manakala Syahida (2015) pula mengatakan bahawa pengetahuan secara fizikal dan logik matematik dibina secara kendiri, manakala pengetahuan sosial pula dibina melalui interaksi dengan rakan turut menjelaskan bahawa murid membina pengetahuan melalui interaksi dengan rakan dari aspek sosial. Prinsip ini menyatakan pengaruh rakan dalam lingkungan sosial dapat membawa kesan kepada proses pembelajaran (Utami, 2016) .Maka interaksi sosial boleh berlaku menerusi refleksi dan perkongsian maklumat dengan rakan untuk membina atau mengukuhkan pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berdasarkan teori konstruktivisme lebih mengutamakan peranan murid dan ini bertentangan dengan pengajaran konvensional yang lebih berfokuskan kepada peranan guru dalam menguasai sepenuhnya pembelajaran murid. Menurut Rahmi Agusti, Syahrul dan Ramalis Hakim (2021), peranan guru dalam pendekatan konstruktivisme ialah sebagai fasilitator dan motivator. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran lebih memberi tumpuan kepada pembelajaran murid berbanding dengan pengajaran guru. Guru juga mesti boleh menghubungkaitkan pengalaman murid dalam menghasilkan skema dan dibantu dengan penggunaan alatan atau media yang sesuai. Sebelum melaksanakan aktiviti PdPc, guru terlebih dahulu menghubungkan mata pelajaran yang akan ajar dengan pengetahuan atau pengalaman yang telah dimiliki oleh murid.

Secara rumusnya, teori konstruktivisme mengutamakan pengetahuan sedia ada dan interaksi murid dengan persekitaran. Dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran adalah menepati teori konstruktivisme terutamanya pembelajaran kefahaman membaca. Lebih-lebih lagi kefahaman membaca merupakan lanjutan dari pemerolehan muka perkataan yang memerlukan pembinaan pengetahuan dan pemahaman secara kendiri.

2.2.2 Aplikasi Teori Konstruktivisme Melalui Teknik SQ3R Dalam Pengajaran

Dalam kajian ini, teori konstruktivisme diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca melalui teknik SQ3R. Bahagian ini menjelaskan pelaksanaan teknik SQ3R dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teks bahasa Tamil dan menepati prisip-prinsip teori konstruktivisme. Seterusnya teori konstruktivisme dapat digunakan sebagai teori asas bagi kajian ini.

Berdasarkan teori konstruktivisme, pengetahuan sedia ada individu penting dalam proses pembinaan pengetahuan. Wan Dyaruddin Wan Mustappa (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa *Survey* (tinjau) ialah langkah membaca untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang apa yang terkandung di dalam bahan yang dibaca. Hal ini dilakukan dengan meneliti tajuk besar, tajuk-tajuk kecil, gambar-gambar atau ilustrasi, lakaran grafik, membaca perenggan pengenalan dan perenggan terakhir di bahagian-bahagian buku atau teks. Di sini juga murid sebenarnya menggunakan teknik membaca pantas iaitu *skimming* dan *scanning*.

Selain itu, sifat ingin tahu murid tinggi dan mereka sering bertanya untuk mendapatkan jawapan bagi memenuhi rasa ingin tahu dan keinginan memahami sesuatu ataupun menyelesaikan masalah. (Naili Aulia Rahmani, Arba'iyah Yusuf, Nazala Wahda Izzati & Nofi Arum Aqilla, 2023). Dengan ini, dalam langkah Tanya (*Question*), guru membimbing murid membina soalan sendiri dengan menggunakan teknik penyoalan *5WIH* untuk memahami teks naratif secara terperinci. Soalan yang dibina dapat memberi panduan kepada murid untuk pembacaan seterusnya. Di samping itu, kemahiran bertanya dapat dipupuk dan kemahiran berfikir sambil membaca dapat dikembangkan dalam langkah ini. Teknik SQ3R juga merupakan kaedah inkuiri penemuan, iaitu murid mencari jawapan untuk soalan yang telah dibina semasa langkah Baca (*Read*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Pallavi Kobalan (2016), membuktikan bahawa murid-murid tahun tiga dapat menunjukkan peningkatan yang baik dalam penguasaan tatabahasa bahasa Tamil dengan teknik penyoalan 5WIH.Selain itu, kemahiran berfikir secara kritis juga dapat dapat dipertingkatkan dalam kalangan kumpulan rawatan. Oleh itu, murid lebih bersemangat dan ingin tahu tentang perkara yang mereka lakukan sepanjang proses PdPc. Hal ini adalah kerana pendekatan pembelajaran inkuiri penemuan membolehkan murid mencari jawapan sendiri dengan menggunakan bahan semula jadi, yang memudahkan pemahaman mereka tentang subjek.

Penggunaan teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman turut melibatkan interaksi murid bersama rakan dalam langkah imbas kembali (*Recite)* yang telah diubah suai mengikut konteks kajian ini. Murid mengulas jawapan kepada rakan berdasarkan soalan yang telah siap dibina tanpa merujuk buku teks, kemudian rakan akan memberi maklum balas terhadap jawapan murid tersebut. Interaksi dua hala antara murid dengan rakan dapat menggalakkan pembinaan pengetahuan secara aktif dan lebih bermakna. Hal ini juga sepadan dengan prinsip teori konstruktivisme yang menekankan interaksi sosial dalam proses pembelajaran.

Teori konstruktivisme menjelaskan peranan guru bertindak sebagai pembimbing. Guru perlu merancang aktiviti yang bersesuaian dengan tahap murid supaya murid dapat mengaitkan pengalaman sedia ada dengan pembelajaran yang bakal dimuridi. Dalam hal ini, guru boleh memperkenalkan teknik membaca kepada murid. Guru membimbing dan melatih murid menggunakan teknik SQ3R dalam memahami kandungan teks dan bukan hanya menyalurkan pengetahuan kepada murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja. Pada langkah terakhir dalam teknik SQ3R, iaitu baca semula (*Review*) memerlukan murid untuk melihat semula maklumat dalam teks untuk mendapatkan jawapan yang betul (Smith, 2017). Dalam langkah ini, guru melakukan perbincangan dengan murid dan membimbing murid memperoleh jawapan yang tepat. Justeru, teknik SQ3R dapat menepati prinsip konstruktivisme dalam mengubah peranan guru daripada penyalur pengetahuan kepada fasilitator atau pembimbing.

Secara rumusnya, teknik SQ3R yang dicadangkan dalam kajian ini selari dengan teori konstruktivisme yang mengutamakan peranan murid dalam usaha membina pemahaman terhadap teks yang dibaca. penguasaan teknik SQ3R, murid berpeluang belajar untuk belajar dan pembelajaran tidak hanya terbatas di sekolah sahaja. Guru juga bukan lagi sumber utama ilmu pengetahuan di dalam kelas. Maka, teori konstruktivisme sesuai untuk dijadikan teori sokongan bagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Implikasi Teori Konstruktivisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran sering berhubung kait dengan teori konstruktivisme. Kajian-kajian lepas yang menerapkan teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak diketengahkan sehingga menjadikan ia mantap dan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Implikasi teori konstruktivisme terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bidang diterangkan melalui kajian-kajian berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori konstruktivisme sebagai asas teori digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa telah menunjukkan kesan positif terhadap hasil pembelajaran (Andi Asrafiani Arafah, Sukriadi dan Auliaul Fitrah Samsuddin, 2023; Rina Rahayu, 2022; Akbar Avicenna, 2021; Herdi dan Santika, 2020).

Andi Asrafiani Arafah, Sukriadi dan Auliaul Fitrah Samsuddin (2023) telah menjalankan kajian untuk menghuraikan teori pembelajaran konstruktivis secara terperinci khususnya bagi mata pelajaran matematik. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian literatur dengan meneliti beberapa sumber literatur yang berkaitan berkaitan teori pembelajaran konstruktivisme. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa teori pembelajaran konstruktivisme mempunyai pengaruh yang besar terhadap proses pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Di mana pada awalnya pembelajaran ini berpusatkan guru tetapi dengan konstruktivisme ia berpusatkan murid. Begitu juga dengan konsep pembelajaran matematik, murid mesti dibiasakan mencuba dan mencari pengalaman sendiri yang berkaitan dengan matematik. Oleh itu, apabila murid dapat menemui sendiri ilmu baru, ia akan sukar untuk melupakan ilmu tersebut dan apabila mereka lupa, mereka akan cepat ingat semula.

Tujuan kajian Imelda Ch. Poceratu (2023), adalah untuk menghuraikan implikasi teori konstruktivisme Vygotsky dalam pelaksanaan model pembelajaran Pendidikan Agama Kristian dan implikasi konstruktivisme dalam Pembelajaran Abad Ke 21(PAK 21). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa implikasi teori konstruktivisme dalam pelaksanaan pembelajaran PAK 21 adalah sangat sesuai. Oleh kerana pembelajaran lebih fokus kepada murid, maka murid menjadi lebih bersemangat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rina Rahayu (2022), telah menjalankan penyelidikan yang menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dengan tujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan mengenai implikasi teori konstruktivisme dalam pembelajaran di sekolah rendah yang menggunakan pendekatan program ilmiah yang dijalankan di Negeri SD, Indonesia dengan menggunakan murid seramai 101,775 sebagai sampel kajian. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa murid sebagai individu yang aktif dan boleh membina pengetahuan sendiri. Model pembelajaran konstruktivisme telah menyokong proses pembelajaran berkesan yang dijalankan oleh guru. Selain itu, guru sebagai fasilitator menjadi lebih inovatif agar matlamat pendidikan dapat dicapai secara optimum.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Akbar Avicenna (2021) bertujuan untuk menggambarkan peningkatan kebolehan menulis puisi murid Kelas I SMA Satria Makassar, Indonesia melalui penerapan teori pembelajaran konstruktivisme. Seramai 42 responden telah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid telah mampu mengarang puisi, murid dapat bekerjasama dengan baik dalam kumpulan dan cara guru mengarahkan murid adalah baik.

Herdi dan Santika (2020) telah menjalankan kajian tindakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman membaca murid terhadap teks deskriptif melalui pendekatan konstruktivisme. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan konstruktivisme tersebut melibatkan lima langkah, iaitu orientasi, sumbang saran, pembinaan idea, aplikasi idea dan kaji semula. Kelima-lima langkah tersebut adalah berpaksikan kepada konsep pembinaan makna dan pengetahuan melalui pengalaman sendiri seperti yang diketengahkan dalam teori konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian tersebut menunjukkan pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan kefahaman membaca murid terhadap teks deskriptif dengan peningkatan purata skor dari 69.5 hingga ke 77.

Teknik SQ3R bertunjangkan teori konstruktivisme telah menegaskan peranan murid adalah penting dalam proses pembinaan pengetahuan secara aktif, manakala guru berperanan sebagai penyampai aktiviti dan pereka bentuk bahan pengajaran. Kreativiti guru merupakan perkara penting dalam mempelbagaikan aktiviti pengajaran dengan menggabungkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.Hal ini dapat dilihat melalui kajian oleh Chew dan Wong (2020), Kusumawati (2019), Nelson (2018) serta Wood dan Lipman (2017) dalam mengaplikasikan teknik SQ3R secara dalam talian. Chew dan Wong (2020) telah mengemukakan cadangan pelaksanaan teknik SQ3R melalui model kelas berbalik (Flipped Classroom). Proses pembelajaran berlaku dalam dua fasa, iaitu pembelajaran luar kelas dan pembelajaran dalam kelas. Pembelajaran luar kelas merupakan pembelajaran pra bacaan sebelum pembelajaran bersemuka dalam kelas dimulakan. Pembelajaran luar kelas berlaku secara kadar sendiri dengan menggunakan teknik SQ3R melalui platform Google Classroom. Guru memuat naikkan video yang berkaitan dengan teks yang diajari di kelas untuk ditontoni oleh murid. Kemudian murid menjawab soalan-soalan yang disediakan oleh guru. Jadi semasa fasa pembelajaran dalam kelas, murid menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks secara lebih terperinci.

Cadangan pelaksanaan pembelajaran menerusi model kelas berbalik oleh Chew dan Wong (2020) turut sepadan dengan kajian tindakan yang dijalankan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wood dan Lipman (2017). Kajian tindakan dijalankan ke atas 12 orang murid di sekolah menengah adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman membaca terhadap pembelajaran Sains. Kajian tersebut menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah soal selidik tidak berstruktur dan juga pendekatan kuantitatif yang melibatkan ujian penilaian pra dan pasca. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran turut berlaku dalam dua fasa, iaitu pembelajaran luar kelas dan pembelajaran dalam kelas. Semasa pembelajaran luar kelas, murid membaca teks elektronik dan mencatat nota dengan pelbagai teknik seperti SQ3R, KWL dan analisis morfemik. Semasa pembelajaran dalam kelas pula, murid diberikan pelbagai aktiviti individu dan kumpulan yang melibatkan kaedah pembelajaran Jigsaw. Melalui dapatan dari soal selidik, majoriti murid memberi maklum balas yang positif terhadap pengalaman belajar melalui model kelas berbalik. Dapatan ujian pra dan pasca juga menunjukkan peningkatan pencapaian secara positif. Wood dan Lipman (2017) berpendapat teknik membaca yang digunakan seperti SQ3R menerusi model kelas berbalik dapat melatih murid belajar secara kendiri dengan mengakses maklumat tanpa bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang diberikan oleh guru.

Kajian tinjauan yang dilaksanakan oleh Kusumawati (2019) adalah bertujuan untuk meninjau perspektif murid terhadap teknik SQ3R dengan penggunaan bantuan teknologi. Teknik SQ3R diaplikasikan menerusi tiga proses bacaan, iaitu sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca melalui platform Google Classroom. Langkah Tinjau (*Survey*) dan Tanya (*Question)* dijalankan dalam proses sebelum membaca, kemudian langkah Baca (*Read*) dan imbas semula (*Recite*) dijalankan semasa proses membaca, manakala langkah Baca semula (*Review*) dilaksanakan selepas proses membaca. Melalui dapatan soal selidik daripada 105

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sampel menunjukkan bahawa kepuasan murid adalah tinggi terhadap teknik SQ3R dengan penggunaan bantuan teknologi. Selain itu, ia turut memberi manfaat kepada murid dalam membantu peningkatan hasil pembelajaran kefahaman membaca secara optimum.

Nelson (2018) menstruktur semula amalan pedagogi dengan menggunakan model dwi kelas untuk menggalakkan pembelajaran aktif melalui aktiviti membaca. Beliau telah menyenaraikan empat teknik seperti Grafik Visual, Pengajaran Timbal Balik, SQ3R serta Penggunaan Otak Kiri dan Kanan untuk meningkatkan pembelajaran aktif dalam model dwi kelas. Model dwi kelas oleh Nelson (2018) dilaksanakan melalui dua langkah, iaitu Kelas dan Kelas 2. la mempunyai persamaan dengan model kelas berbalik seperti yang dicadangkan oleh Chew dan Wong (2020) dan kajian oleh Wood dan Lipman (2017). Dalam mengaplikasikan teknik SQ3R menerusi langkah kelas 1, guru telah menyediakan beberapa tugasan kepada murid secara dalam talian seperti soalan jenis berfikir secara kritikal, kuiz berbentuk betul atau salah dan perbincangan bersama rakan di ruangan perbincangan. Manakala dalam langkah kelas 2 pula, pembelajaran tertumpu kepada perbincangan bersemuka bersama guru berkenaan soalan dan masalah yang dihadapi oleh murid dalam kelas 1. Nelson (2018) turut mencadangkan beberapa aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam model dwi kelas ini. Aktiviti-aktiviti boleh diubahsuai mengikut kesesuaian murid bagi mewujudkan pembelajaran secara aktif.

Namun, kajian Chew dan Wong (2020) serta kajian Nelson (2018) hanya mencadangkan pelaksanaan teknik SQ3R melalui pembelajaran dalam talian dan masih memerlukan pelaksanaan secara praktikal. Maka, ia memberi peluang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini untuk mengisi kelonggaran melalui pelaksanaan kajian secara empirikal. la juga sesuai diaplikasikan berikutan transformasi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian semasa pandemik Covid 19. Di samping itu, kajian Kusumawati (2019) serta Wood dan Lipman (2017) dapat dijadikan panduan kepada kajian ini untuk menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian dengan gabungan teknik SQ3R.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, dapat dikatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran berlandaskan teori konstruktivisme dapat memberi kesan positif kepada hasil pembelajaran. Maka, kajian-kajian tersebut dapat dijadikan sokongan kepada kajian ini untuk mengkaji hasil pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil dari aspek pengaplikasian teori melalui teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kefahaman membaca

Dalam proses untuk mencapai tujuan kefahaman, perlakuan membaca adalah wajib dan tidak dapat dipisahkan. Melalui pembacaan, murid dapat meneroka maklumat dan berkongsi idea terhadap bahan bacaan yang dibaca. Oleh itu, aktiviti membaca bukan sekadar tertumpu kepada perkataan atau simbol pada bahan bacaan, tapi ia lebih berfokus kepada kefahaman mengenai kandungan yang dibaca. Dalam bahagian ini, kemahiran membaca diterangkan secara jelas menerusi definisi dan konsep kefahaman membaca serta kategori dan kemahiran kefahaman membaca yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Definisi Dan Konsep Kefahaman Membaca

Dalam menerangkan definisi kefahaman membaca, terdapat pelbagai takrifan daripada para ahli sarjana. Secara umumnya, kefahaman membaca bermaksud kebolehan memahami sepenuhnya bahan yang dibaca.


McKenna dan Stahl (2009) memberi penerangan yang jelas berkenaan kefahaman membaca berdasarkan tiga dimensi melalui model kognitif yang dibina. Tiga dimensi tersebut adalah pengecaman perkataan, kefahaman bahasa dan pengetahuan strategi. Dimensi pengecaman perkataan melibatkan keupayaan membaca teks dengan lancar, menyahkod dan mengecam perkataan secara pandang, sedar terhadap fonologi serta mempunyai konsep gambaran yang jelas terhadap perkataan. Manakala dimensi kefahaman bahasa pula melibatkan tiga elemen, iaitu pengetahuan perbendaharaan kata, pengetahuan sedia ada serta pengetahuan teks dan struktur ayat. Elemen-elemen tersebut mampu mempengaruhi proses kefahaman bahasa. Bagi dimensi pengetahuan strategi pula melibatkan pengetahuan penggunaan strategi membaca untuk tujuan pembacaan secara spesifik ataupun secara umum. Rajah 2.1 berikut dapat menunjukkan perkaitan antara ketiga-tiga dimensi dalam model kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.1

Model kognitif kefahaman membaca McKenna dan Stahl (2009)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yusfarina Mohd Yusoff, Abdul Rasid Jamian, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Samsilah Roslan (2014) berpendapat bahawa untuk mencapai tujuan pemahaman, seseorang perlu memahami kandungan teks yang dibaca secara tersurat dan tersirat. Hal ini merangkumi proses kognitif seperti keupayaan memahami, memproses, menganalisis dan membuat penilaian serta menghayati kandungan teks yang dibaca. Proses yang rumit ini membawa kepada pemahaman kepada keseluruhan teks. Menurut Santi dan Reed (2015), kefahaman membaca adalah proses kognitif yang rumit melibatkan pembaca berinteraksi dengan teks menggunakan pelbagai strategi untuk membina makna bagi keseluruhan teks. Manakala Alderson (2000), berpendapat bahawa seseorang dapat mencapai kefahaman membaca sekiranya dia mampu berinteraksi dengan teks yang mengandungi pelbagai tahap kesukaran secara baik. Hal ini bermakna pembaca dapat mencapai kefahaman dari segi literal dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teks menerusi proses pengekodan dan mampu menganalisis teks secara kritikal dengan membuat inferens terhadap teks yang dibaca bersama gabungan pengetahuan sedia ada.

Kefahaman membaca merupakan elemen utama yang terkandung dalam kemahiran membaca. la merujuk kepada perlakuan berfikir dan pembinaan makna sebelum, semasa dan selepas membaca. Dalam proses pembacaan tersebut, kefahaman membaca dicapai meliputi proses mentafsir dan mengenal pasti maklumat yang diperoleh daripada hasil penulisan (Bulut, 2017). Ia melibatkan proses interaktif yang kompleks bermula dari mengecam perkataan, memilih makna bersesuaian dengan konteks, memahami dari struktur tatabahasa, membuat generalisasi hingga membuat penilaian. Manakala menurut Cain, Compion dan Parrilla Sousa (2017), murid perlu membaca secara kritis dan mengukuhkan kemahiran membaca secara berkesan supaya mencapai tahap kefahaman membaca yang tinggi. Dalam proses membaca, murid perlu membuat hubung kait dengan bahan yang dibaca secara kognitif. Selain itu, murid juga perlu menapis, meramal, menilai dan mengesahkan maklumat yang dibaca (Wan Dyarudin, 2017).

Dengan ini, kefahaman membaca dapat dirumuskan sebagai keupayaan individu dalam membina, mentafsir dan memperoleh makna, menjana idea serta menghubungkaitkan maklumat bersama pengetahuan sedia ada atau pengalaman lalu dalam membuat penilaian. Kefahaman membaca tidak dapat dipisahkan dengan aktivit membaca. Tanpa kefahaman, pembacaan menjadi tidak bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Proses Kefahaman Membaca

Proses kefahaman membaca mempunyai corak urutan yang melibatkan beberapa siri aktiviti. Proses aktiviti perlu dilaksanakan mengikut urutan sebelum memulakan aktiviti seterusnya. Terdapat tiga proses yang terlibat dalam aktiviti kefahaman membaca, iaitu proses bawah-ke-atas, proses atas-ke-bawah dan proses interaktif.

2.3.2.1 Proses Bawah-Ke-Atas

Pembacaan berkonsepkan proses bawah-ke-atas (*Bottom Up Processing*) bermula dari mengecam maklumat visual dalam bentuk limbang atau huruf berdasarkan pengetahuan sedia ada. Maklumat visual tersebut bukan sekadar simbol malah ia diterjemahkan kepada pembentukan makna melalui perkataan, frasa dan ayat. Proses kefahaman ini bermula dari huruf hingga terhasilnya makna melihatkan beberapa komponen termasuklah sintaksis, semantik dan fonologi (Mitchell, 1983).

Grabe dan Stoller (2002) menjelaskan proses kefahaman membaca dari bawah-ke-atas melibatkan pemprosesan secara visual, iaitu mata tertumpu kepada teks melalui siri perlakuan secara linear. Pembaca membaca dengan mata menyusuri dari kiri ke kanan untuk melihat setiap perkataan dalam teks. Hal ini bermakna pembacaan bermula dari perkataan, frasa, ayat, perenggan hingga ke teks penuh bagi memperoleh makna. Bagi mendapatkan kefahaman mengenai teks, pembaca perlu menambah makna bagi perkataan terlebih dahulu supaya mendapatkan makna klausa.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pengajaran kefahaman membaca yang melibatkan proses bawah ke atas lebih tertumpu kepada aktiviti mengenal perkataan dan penguasaan tatabahasa. Aktiviti mengenal perkataan dilakukan melalui proses pengulangan dan latihan untuk membunyikan perkataan. Proses bawah-ke-atas pada kebiasaannya digunakan pada awal pembelajaran dan lebih mengutamakan kepada pembinaan makna bagi perkataan secara tepat (Yahya, 2008). Oleh itu, proses bawah-ke-atas adalah asas untuk mencapai tujuan kefahaman dan berada pada tahap pemprosesan yang lebih rendah. Proses bawah-ke-atas dapat ditunjukkan melalui rajah 2.2 berikut.

Rajah 2.2

Rajah proses bawah-ke-atas



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.2 Proses Atas-Ke-Bawah

Berbeza dengan kefahaman proses bawah-ke-atas, proses atas-ke-bawah (*Top-Down Processing*) tidak memerlukan pembaca membaca setiap perkataan dalam teks secara terperinci. Pembaca hanya perlu membaca dan memahami makna teks secara keseluruhan. Kemudian, membuat penelitian bagi setiap perenggan dan mencerakinkan ayat-ayat sekiranya perlu.

Proses kefahaman tersebut mengutamakan pemerolehan maklumat secara menyeluruh melalui pengetahuan sedia ada dan tidak menekankan sebutan serta fonik perkataan. Hal ini kerana proses kefahaman membaca berfokuskan kepada pembinaan makna dan bukannya penguasaan sebutan. Proses ini lebih sesuai untuk pembaca yang cekap membaca kerana pengetahuan bahasa dan pengetahuan sedia ada dapat membantu dalam proses pembinaan makna. Oleh itu, kefahaman membaca melalui proses atas ke bawah menekankan pembaca sebagai individu yang aktif dan mempunyai motivasi yang tinggi dalam proses membaca. Penguasaan pengetahuan bahasa seperti perbendaharaan kata dan pengalaman sedia ada dijadikan asas kepada pembaca untuk membuat ramalan dan andaian terhadap teks yang dibaca (Grabe dan Stoller, 2002).


Penerangan bagi proses atas-ke-bawah dapat ditunjukkan melalui rajah 2.3 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.3

Proses atas-ke-bawah



2.3.2.3 Proses Interaktif

Gabungan dua proses, iaitu bawah-ke-atas dan atas-ke-bawah yang berlaku pada masa yang sama secara serentak atau saling berganti antara satu sama lain dapat ditakrifkan sebagai proses interaktif (*Interactive Processing*) (Rumelhart, 1977). Beliau menegaskan bahawa proses kefahaman membaca tidak sepatutnya berlaku dalam proses secara linear. Kefahaman membaca bagi proses interaktif meliputi proses bawah-ke-atas untuk pembacaan secara fasih dan proses atas-ke-bawah yang mengutamakan kefahaman pada kandungan teks. Dengan ini, kefahaman membaca dengan proses interaktif dipengaruhi oleh pemerolehan makna dan pengetahuan sedia ada pembaca.

Proses membaca ini bermula dengan mengenal pasti makna dan maklumat dalam teks, kemudian mengintegrasikan maklumat tersebut bersama pengetahuan sedia ada mengikut proses atas- ke-bawah. Sekiranya pembaca mengalami kesukaran dalam memahami makna sesuatu perkataan, pembaca masih dapat memahami teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui petunjuk dalam konteks ayat (Zahratun, 2019). Oleh itu, pemprosesan bawah-ke-atas dan atas-ke-bawah dikatakan berlaku pada masa yang sama dan saling berhubung kait dalam proses kefahaman membaca. Dengan ini, pembaca sedar bahawa telah menggunakan dua jenis pemprosesan secara berganti untuk membina kefahaman.

Ramai sarjana berpendapat bahawa pembelajaran kefahaman membaca seharusnya berlaku dalam proses interaktif yang bersifat lebih komprehensif (Yahya, 2008: Grabe dan Stoller, 2002). Hal ini kerana kefahaman membaca bukan hanya berlaku secara bawah-ke-atas dengan melibatkan kemahiran asas seperti mengekod, mengecam perkataan dan mengintepretasi tatabahasa, malahan ia juga melibatkan proses atas-ke-bawah dengan mengaktifkan pengetahuan sedia ada bagi mengenal pasti maklumat penting dalam teks yang dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusnya, proses kefahaman membaca dapat berlaku melalui tiga proses, iaitu proses bawah-ke-atas, proses atas-ke-bawah dan proses interaktif. Bagi kajian ini, fokus utama kefahaman membaca adalah tertumpu kepada aspek pemahaman makna dan juga pemahaman kandungan teks secara mendalam. Oleh itu, pemprosesan ini saling mempengaruhi dalam proses membaca. Dengan ini, teknik SQ3R yang digunakan dalam kajian ini menepati proses kefahaman secara interaktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Kategori Dan Kemahiran Kefahaman Membaca

Kefahaman membaca adalah proses interaktif secara dinamik antara pembaca dengan bahan bacaan. Kefahaman membaca perlu ditinjau dengan lebih mendalam mengikut kategori agar penilaian kefahaman menjadi lebih menyeluruh. Ramai sarjana membahagikan tahap perkembangan kefahaman membaca mengikut kategori yang berbeza.

Antara penyumbang kepada pembentukan tahap perkembangan kefahaman membaca adalah Smith (1969), Barret (1972), Lamberg dan Lamb (1980), Swaby (1989) dan Gagne (1993). Lamberg dan Lamb (1980) serta Gagne (1993) membahagikan tahap perkembangan kefahaman membaca kepada tiga kategori, sementara Smith (1969) dan Swaby (1989) membahagikan kepada empat kategori. Barret (1972) pula membahagikan tahap perkembangan kefahaman membaca kepada lima kategori.

Sementara Lamberg dan Lamb (1980) membahagi kefahaman membaca ke dalam empat kategori iaitu literal, inferens, menilai, dan kritikal. Manakala, Gagne (1993) membahagi kefahaman membaca ke dalam kategori literal, inferens, dan pemantauan. Sebaliknya, Smith (1969) membahagi kefahaman membaca ke dalam empat kategori iaitu literal, inferens, menilai, dan kritikal. Selain itu, Barret (1972) membahagi pemahaman tentang membaca ke dalam lima kategori iaitu literal, penyimpulan, pentaksiran, penilaian, dan penikmatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori kefahaman membaca bagi kajian ini adalah berdasarkan konsep oleh Lamberg dan Lamb (1980). Lamberg dan Lamb (1980) menjelaskan tahap perkembangan kefahaman membaca berlaku mengikut tiga kategori, iaitu kategori literal, inferens dan kritikal. Namun, Nor Hashimah Hashim et al., (2006) telah menambah unsur kreatif ke dalam kategori kritikal dan membahagikan tahap perkembangan kefahaman membaca kepada kategori literal, inferens dan kritikal kreatif.

Setiap kategori dalam kefahaman membaca bermula dari tahap kefahaman yang rendah sehingga ke tahap yang tinggi melibatkan beberapa kemahiran. Kemahiran-kemahiran bagi setiap kategori dapat menguji tahap kefahaman membaca murid secara terperinci. Kemahiran kefahaman membaca yang digunakan bagi kajian ini berdasarkan kepada kemahiran yang dicadangkan oleh Nor Hashimah Hashim et al., (2006). Penerangan bagi setiap kategori dan kemahiran kefahaman membaca dijelaskan seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3.1 Kategori Literal

Kefahaman membaca semula dari kefahaman literal. Literal melibatkan pengancaman kepada bentuk, simbol atas lambang, dan kemudian menterjemahkan lambang tersebut bersama bunyi untuk membentuk makna perkataan (Marohaini, 2014).

Literal bermaksud mendapat makna secara terus dari perkataan dalam teks yang dibaca tanpa mengubah makna asalnya (Dagostino, Carifio, Bauer, Zhao dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nor Hashimah Hashima, 2014). Gagne (1985) menyatakan kefahaman membaca bagi kategori literal melibatkan dua proses, iaitu pemerolehan makna dan analisis tatabahasa. Dalam proses pemerolehan makna, pembaca mengenal pasti makna bagi setiap perkataan, termasuk mengingat bentuk perkataan dan membaca perkataan secara tepat. Manakala dalam proses analisis tatabahasa, pembaca menganalisis komposisi ayat dan dikaitkan bersama perkataan untuk memahami makna keseluruhan ayat. Kedua-dua proses ini harus dilaksanakan secara serentak dan tidak boleh dilaksanakan secara berasingan supaya dapat memahami bahan bacaan dengan tepat.

Kemahiran membaca secara literal membawa maksud kecekapan dan kepandaian memerhatikan tulisan serta memahamkan maksudnya (Nurul Iza Salsabila Che Rani dan Kaseh Abu Bakar, 2021). Selain itu, kefahaman literal turut menekankan kepada penghafalan fakta dalam teks yang dibaca. Murid mengenal pasti dan menyatakan maklumat dalam teks. Kemudian murid-murid mengingat dengan menghafal maklumat tersebut. Rubin (1991) menyatakan kefahaman literal memerlukan tahap pemikiran yang rendah dan menjadi asas kepada pemikiran tahap lebih tinggi (Yahya Che Lah & Nor Hashimah Hashim, 2014). Dengan ini, kategori literal adalah tahap terendah dalam kefahaman membaca.

Kefahaman literal merupakan langkah pemerolehan makna daripada teks sebelum memahami dengan lebih mendalam dan terperinci. Ia melibatkan keupayaan murid dalam mengecam, mengingat dan mengeluarkan maklumat tersurat yang terkandung dalam teks. Maklumat dari petikan diambil secara terus tanpa memerlukan keupayaan kefahaman yang tinggi. Elemen perbendaharaan kata dan pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedia ada memberi sumbangan yang besar kepada kefahaman literal. Kedua-dua elemen ini penting dan turut mempengaruhi keupayaan kefahaman inferens yang merupakan tahap kefahaman yang lebih tinggi secara tidak langsung (Cromley dan Azevedo, 2007). Oleh itu, kefahaman literal perlu dikuasai sebelum melangkah ke kategori seterusnya.

Yahya Che Lah dan Nor Hashimah Hashim (2014) telah menyenaraikan enam kemahiran yang terkandung dalam kategori kefahaman literal. Hal ini termasuklah:

i. Mengenal pasti makna perkataan, frasa atau ayat: Murid diminta menjelaskan dengan jelas perkataan, frasa atau ayat yang terdapat dalam teks.
ii. Mengenal pasti idea utama: Murid mesti mencari konsep, tema atau prinsip yang dinyatakan dengan jelas dalam teks.
iii. Mengenal pasti perkara penting: Murid mesti mencari watak, masa atau peristiwa yang ditulis dengan jelas dalam teks.
iv. Membuat perbandingan: Murid diminta mencari persamaan atau perbezaan dan membandingkan dua perkara (seperti watak, masa, lokasi, kemudahan atau peristiwa) yang dinyatakan secara eksplisit dalam teks.
v. Mengenal pasti sebab akibat: Murid dikehendaki menentukan sebab peristiwa, perasaan, watak atau kisah yang dinyatakan secara jelas dalam teks.
vi. Mengenal pasti urutan idea atau peristiwa: Murid mesti menentukan urutan idea atau peristiwa tertentu yang dinyatakan dengan jelas dalam teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3.2 Kategori Inferens

Selain memahami makna perkataan dan ayat, kefahaman membaca memerlukan pemeringkatan yang lebih tinggi dalam memahami teks secara lebih mendalam terhadap idea tersurat dan tersirat. Kefahaman inferens melibatkan kemahiran berfikir beraras tinggi kerana jawapan tidak diperoleh secara terus daripada teks. Murid menggunakan strategi meringkas, menginterpretasi, merumus dan membuat ramalan untuk memperoleh makna tersirat yang terkandung dalam bahan bacaan (Swaby, 1989). Untuk membuat inferens, ia turut melibatkan pengintegrasian pengetahuan sedia ada bersama dengan pengetahuan literal.

Selain itu, jenis teks yang dibaca turut mempengaruhi keupayaan membuat inferens. Keupayaan membuat inferens bagi teks naratif adalah lebih mudah berbanding dengan teks ekspositori. Hal ini disebabkan teks naratif pada lazimnya mempunyai struktur teks bersama maklumat yang jelas jika dibandingkan dengan teks ekspositori yang bersifat kompleks dengan membawa maklumat berinformasi yang padat. Untuk membuat inferens terhadap teks naratif, pengetahuan sedia ada sebagai asas diperlukan, manakala bagi teks ekspositori perlu mempunyai pengetahuan yang secukupnya berkaitan topik tersebut untuk mencapai tujuan kefahaman membaca (Butterfuss, Kim dan Kendeou, 2020).

Antara kemahiran yang terlibat dalam kategori inferens adalah seperti berikut.

i. Mentafsir idea utama: Murid dikehendaki memberikan konsep, tema atau prinsip utama dalam teks yang tidak dinyatakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Mentafsir maklumat penting: Murid mesti mentafsir isi atau maklumat penting tentang seseorang, masa atau peristiwa yang tidak dinyatakan secara eksplisit dalam teks. Murid-murid mesti mentafsir atau meramalkan peristiwa atau perkara tertentu yang berlaku sebelum atau selepas dalam cerita.

iii. Mentafsir perbandingan: Murid dikehendaki mentafsir persamaan dan perbezaan watak, masa, tempat, idea atau peristiwa yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam teks.

iv. Mentafsir sebab akibat: Murid mesti mentafsir sebab atau kesan tindakan, sikap atau peristiwa yang dinyatakan dalam teks.

v. Membuat kesimpulan: Murid dikehendaki membuat kesimpulan tentang watak, kejadian, tindakan, idea atau pendapat yang terkandung dalam teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3.3 Kategori Kritikal

Membaca dalam kategori ini melibatkan pemikiran yang kompleks. Ia merupakan tahap tinggi dalam proses kefahaman membaca. Ia berkait rapat dengan daya pemikiran murid dalam pemeringkatan yang lebih tinggi berbanding dengan kategori literal dan inferens. Kefahaman kritikal memerlukan murid membuat penilaian secara keseluruhan terhadap teks yang dibaca dan membuat kesimpulan berdasarkan kandungan teks. Hal ini memerlukan pemikiran yang kritis dalam membuat penilaian dengan memberi justifikasi yang bernas serta melibatkan keupayaan murid berfikir secara rasional. Selain itu, murid juga perlu mengaplikasikan maklumat dan menghasilkan idea baharu. Dengan ini, gabungan antara pengetahuan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman diri adalah penting untuk membantu meningkatkan penguasaan keupayaan kefahaman kritikal.

Terdapat empat kemahiran bagi kategori kritikal (Yahya Che Lah & Nor Hashimah Hashim, 2014). Ia melihatkan keupayaan murid dalam:

i. Menilai: Murid dikehendaki memberikan pendapat atau sokongan terhadap peristiwa, situasi, perasaan, tindakan atau watak tertentu dalam teks dan menyumbang ke arah menyelesaikan masalah.
ii. Membuat kesimpulan: Murid dikehendaki membuat kesimpulan terhadap teks yang dibaca mengenai subjek, peristiwa, situasi atau watak tertentu.
iii. Penghayatan: Murid dapat menunjukkan perasaan simpati dan empati serta peka terhadap watak, peristiwa atau idea yang diutarakan dalam teks dengan memberikan pendapat atau menyatakan perasaan mereka.
iv. Mengenal pasti moral atau nilai pengajaran cerita: Murid dikehendaki menyatakan moral atau nilai pengajaran dari watak, jalan cerita atau perkara tertentu dalam teks.

Kajian ini hanya memilih sebahagian daripada kemahiran-kemahiran yang tersenarai berikutan pertimbangan atas faktor beban masa dan tahap murid. Dengan ini, tiga kategori kefahaman membaca iaitu literal, inferens, dan kritikal digunakan untuk menentukan skop pemahaman membaca penelitian ini. Kategori-kategori ini mencakup kemampuan untuk memeriksa makna kata atau frasa, memeriksa isi tersurat, mengenal pasti rangkaian peristiwa, memahami isi tersirat, membuat perbandingan, memahami konsep utama, menilai, dan menentukan nilai pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga-tiga kategori dan kemahiran-kemahiran yang terlibat turut dijadikan kriteria dan merupakan aspek penilaian utama dalam instrumen ujian bertulis.

Secara rumusnya, perkembangan kefahaman membaca bermula dari tahap mudah hingga ke tahap kompleks yang melibatkan kategori literal, inferens dan kritikal serta merangkumi pelbagai kemahiran. Kategori dan kemahiran kefahaman membaca tersebut dapat dijadikan panduan dalam meninjau tahap penguasaan murid terhadap kefahaman membaca bagi kajian ini. Ia juga dapat menggambarkan keupayaan murid dalam memahami petikan secara mendalam dari aspek kategori dan kemahiran- kemahiran kefahaman membaca.

2.3.4 Masalah Membaca Dan Faktor-Faktor Mempengaruhi Kefahaman Membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Spear-Swerling (2016) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis masalah utama dalam membaca yang sering dihadapi oleh murid. Hal ini meliputi kesukaran membaca perkataan, kesukaran memahami bacaan dan kesukaran membaca bercampur.

Kesukaran membaca perkataan merupakan masalah ketika membaca perkataan dan perlakuan membaca bukan bertujuan untuk memahami teks. Kajian Anjelita Sembiring dan Irna Sjafei (2023) menunjukkan bahawa sebilangan murid masih salah membaca perkataan dan ayat. Keadaan ini menyebabkan murid-murid tersebut gagal memahami teks bacaan. Manakala, kesukaran memahami bacaan adalah masalah yang dihadapi untuk memahami bacaan walaupun murid dapat mengecam perkataan dengan baik. la juga berkait dengan kesukaran untuk mengingat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat semasa melaksanakan tugasan tambahan. Murid yang mengalami kesukaran memahami bacaan turut menghadapi masalah dalam memahami struktur teks dan penggunaan strategi serta kekurangan pengetahuan sedia ada lagi. Bagi kesukaran membaca bercampur pula melibatkan masalah dalam mengecam perkataan dan juga masalah memahami bacaan. Murid mungkin lemah dalam memahami bacaan walaupun mereka dapat menyahkod dan mengecam perkataan dengan baik. Hal ini berlaku kerana mereka mempunyai kekangan dalam perbendaharaan kata, memori kerja atau pengetahuan berkaitan penggunaan strategi. Kajian Rafli Ramadhan et.al, (2021) menunjukkan bahawa penguasaan murid memahami bacaan masih rendah. Hal ini membuktikan murid belum dapat menguasai pembelajaran pemahaman bacaan dengan baik. Keadaan ini disebabkan oleh kebosanan murid dengan teks yang terlalu panjang dan juga penggunaan kaedah konvensional oleh guru di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah membaca yang kerap berlaku dipengaruhi oleh banyak faktor. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman membaca ialah pengecaman perkataan, pengetahuan sedia ada, teknik membaca, tujuan membaca, struktur teks dan motivasi. Dalam kefahaman membaca, pengetahuan sedia ada yang mencukupi adalah penting. Pengetahuan sedia ada adalah prasyarat dalam proses kefahaman membaca. Ia mampu membantu pembaca memahami bahan bacaan dengan lebih mudah dan cepat (Ajurun Begum, 2018).

Seterusnya tujuan membaca turut mempengaruhi kefahaman membaca seseorang. Pembacaan bagi tujuan yang berlainan akan menjurus kepada fokus dan matlamat yang berbeza. Perlakuan membaca untuk tujuan menghadapi peperiksaan dan membaca untuk tujuan rekreasi memberi kesan yang berbeza kepada tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman membaca (Ajurun Begum, 2018). Ia jelas dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod, Rohaida Mazlan, Norziah Amin dan Mohd Zaki Abd. Rahman (2021). Ada responden yang digunakan dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka kurang membaca di rumah dan hanya akan membaca sekiranya guru memberi tugasan.

Selain itu, kefahaman membaca turut dipengaruhi oleh faktor kandungan dan struktur teks. Pemahaman untuk teks ekspositori adalah lebih mencabar kerana strukturnya berbeza dengan struktur penceritaan yang kebiasaannya didedahkan oleh murid (Rochling, Hebert, Nelson dan Bohaty, 2017).

Di samping itu, teks yang kurang menarik akan menjejaskan motivasi murid untuk meneruskan pembacaan. Motivasi untuk membaca adalah emosi dalaman yang mendorong seseorang untuk melakukan pembacaan secara automatik. Berdasarkan hasil pemerhatian kajian Andi Sulistio (2023), pengkaji menganalisis dan mendapati ada murid yang leka ketika menghadapi teks bacaan yang akan dibaca. Murid juga tidak dapat membaca teks dengan tepat dan lancar. Keadaan ini berlaku kerana murid tidak gemar membaca teks dan hanya berminat membaca sekiranya topik yang dibincangkan menepati citarasa mereka. Maka penyelidik perlu mengambil langkah untuk memotivasikan mereka tentang kepentingan membaca dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Teknik SQ3R

Teknik SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, Review*) merupakan kaedah yang digunakan untuk menambah baik teknik membaca kepada murid agar dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan bacaan dengan langkah-langkah yang sistematik. SQ3R mengandungi langkah-langkah yang berstruktur dalam membantu murid membaca dengan cepat, memperli makna daripada pembacaan. (Nur'azmi Farah Shofa, Reyhan Maulana dan Elsa Nabilla Saputri, 2023).

2.4.1 Konsep Teknik SQ3R

Teknik SQ3R merupakan pendekatan pembelajaran induktif yang menerapkan kaedah secara bersistematik. Kaedah bacaan SQ3R adalah praktikal dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai pendekatan pembelajaran untuk semua mata pelajaran. Kaedah ini menjadikan murid bersemangat, penuh rasa ingin tahu untuk menjawab persoalan yang timbul dalam fikiran mereka. Aktiviti membaca akan menjadi menyeronokkan dan membolehkan murid mengingati bacaan yang telah dibaca dengan lebih lama. (Andi Nurfaida, 2023).

2.4.1.1 *Survey*-Tinjau

Sebelum aktiviti membaca dijalankan, murid terlebih dahulu menjalankan tinjauan terhadap bacaan yang hendak dibaca dengan tujuan untuk mendapatkan gambaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umum tentang teks bacaan, kemudian diteruskan dengan membuat soalan berdasarkan bacaan. Hal ini penting supaya dapat mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid dan memudahkan proses pembelajaran kefahaman membaca (Rafli Ramadhan et.al, (2021).

Robinson (1961) berpendapat tajuk utama teks mewakili tema dan murid boleh membuat ramalan menerusi tajuk utama berkenaan dengan kandungan teks yang akan baca (Smith, 2017). Selain itu, bacaan sekilas terhadap tajuk, gambar dan konteks lain yang terdapat pada teks dapat membantu murid membuat ramalan secara logik berkenaan maklumat yang bakal diperolehi. Pengesan terhadap ramalan yang telah dilakukan akan dijalankan pada langkah baca. Oleh itu, langkah tinjau kerap dilaksanakan dalam proses pra bacaan sebelum pembacaan secara lebih mendalam dan teliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah tinjau ini tidak menjadi kesukaran kepada murid kerana proses meninjau hanya memakan masa lebih kurang 10 minit untuk memperoleh gambaran umum terhadap teks yang ditinjau. Walaupun langkah ini mengambil masa yang singkat, namun proses tinjau amat penting dan tidak boleh diabaikan. Imbasan secara pantas ini dapat menarik perhatian dan minat murid untuk mengetahui maklumat selanjutnya dalam bahan bacaan. Ia juga membolehkan murid mendapat persepsi secara keseluruhan dan gambaran awal terhadap teks yang dibaca serta membentuk pengetahuan secara kasar (Agustina, 2015). Selain itu, langkah tinjau merupakan proses integrasi antara pembinaan pengetahuan baharu dan lama. Hal ini membolehkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada berhubung bersama maklumat dan input baharu dari pembacaan untuk mengarah kepada pembacaan yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendalam dan berfokus. la dapat memudahkan murid untuk mengingat lebih banyak maklumat dan memahami teks dengan lebih mudah.

2.4.1.2 *Question*-Tanya

Langkah tanya adalah langkah yang penting dan mustahak dalam membantu murid memahami sesebuah teks. Langkah tanya dalam teknik SQ3R merujuk kepada penjanaan soalan oleh murid sendiri semasa proses pembelajaran dan bukannya terhad kepada pertanyaan daripada guru kepada murid sahaja. Soalan dibina oleh murid sendiri seiring dengan perubahan pedagogi masa kini yang menyokong pembelajaran kendiri. Melalui soalan yang dijana dapat mengarah murid ke arah pembentukan konsep pemahaman yang tersendiri. Menurut Wahyuni Hamzanwadi et al., (2023) dalam langkah tanya, murid dilatih untuk mengingat fakta dengan mengubah fakta kepada bentuk soalan. Pada peringkat soalan, guru memberi arahan dan contoh kepada murid untuk menyusun soalan yang jelas, pendek dan relevan dengan teks bacaan.

Manakala, sesetengah kajian mencadangkan soalan seperti "apa", "siapa", "di mana", "bila", "bagaimana" dan "mengapa" yang biasa dikenali sebagai 5W1H sesuai digunakan kepada murid pada peringkat tahap rendah untuk menerokai pemahaman bagi cerita pendek (Cohen, 1983). Soalan "mengapa" dan "bagaimana" boleh juga digunakan untuk merangsang pemikiran secara konvergen. Maka teknik 5WIH digunakan secara berleluasa semasa proses memahami teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Robinson (1961) menjelaskan pada langkah tanya memerlukan murid mengubah setiap tajuk dan sub tajuk dalam teks menjadi soalan. Selain itu, Asiri dan Momani (2017) mengatakan soalan-soalan lain boleh dibina seperti "Apakah yang disampaikan dalam bab ini?", "Apakah soalan yang cuba dijawab dalam bab ini", "Bagaimanakah maklumat ini dapat membantu saya?". Contoh soalan- soalan tersebut dapat merangsangkan corak pemikiran baharu dan membolehkan murid memberi pandangan sendiri terhadap teks yang dibaca.

Langkah tanya dapat mengubah pembelajaran pasif kepada aktif. Semasa murid membaca atau meninjau teks, murid berfikir secara aktif untuk menjana soalan. Soalan yang dibina dapat merangsangkan keinginan murid untuk memahami teks secara lebih mendalam. Soalan yang digubal kemudian dicatatkan dalam kertas. Tujuan membina soalan adalah memberi asas kepada murid untuk memilih dan mengatur idea yang dikemukakan. Soalan yang dibina dapat memudahkan pembacaan teks pada langkah baca seterusnya dan menumpukan perhatian kepada maklumat yang penting dalam teks.

Dalam kajian ini, ketiga-tiga jenis penyoalan juga digunakan menerusi kategori kefahaman membaca. Penyoalan melibatkan pengeluaran maklumat secara terus daripada teks digunakan dalam kategori literal, manakala penyoalan melibatkan intepretasi maklumat digunakan dalam kategori inferens. Sementara ini, penyoalan melibatkan pemahaman secara mendalam seperti membuat penilaian diaplikasi dalam kategori kritikal. Dengan ini, soalan yang dibina oleh murid melibatkan soalan aras tinggi kerana kategori inferens dan kritikal memerlukan tahap pemikiran aras tinggi. Dalam langkah ini, guru memainkan peranan yang penting dalam membimbing murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membina soalan mengikut kategori kefahaman membaca yang mempunyai tahap kesukaran yang berbeza. Aras kesukaran soalan yang dijana perlu dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan kognitif murid yang semakin berkembang.

Cara penyoalan yang baik dalam langkah tanya mampu memberi kesan kepada hasil pembelajaran. Ia dapat meningkatkan sifat ingin tahu murid di samping meningkatkan kefahaman terhadap teks yang dibaca dan merangsang proses pembelajaran secara aktif (Asin dan Momani, 2017, Agustina, 2015). Grindon (2014) menyatakan penyoalan secara aktif dapat menyumbang kepada kefahaman kritikal.

2.4.1.3 *Read*-Baca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Robinson menjelaskan aktiviti membaca adalah proses yang aktif untuk mencari jawapan kepada persoalan yang timbul ketika membaca (Asiri dan Momani, 2017). Menurut beliau, langkah ini memerlukan murid membaca secara intensif dan kemudian menjawab soalan yang dibina dengan mencatatkan jawapan pada kertas. Murid juga boleh membuat nota dan catatan mengenai isi-isi penting. Selain itu, murid perlu menulis rumusan atau ringkasan bagi setiap perenggan teks selepas membaca untuk menilai kefahaman mengenai teks secara kendiri (Smith, 2017). Langkah membaca dapat mengesahkan ramalan yang dilakukan semasa pra bacaan pada langkah tinjau.

Dalam langkah ini, perlakuan membaca bukan bersifat pasif, iaitu membaca dari permulaan hingga ke akhir teks sahaja yang menekankan kepada kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca teks. Malahan, membaca adalah bertujuan untuk membolehkan murid menguasai pemahaman terhadap teks yang dibaca. Dalam pelaksanaan teknik SQ3R, proses membaca adalah bersifat aktif. Pembacaan berfokus kepada perenggan tertentu untuk mendapatkan jawapan bagi soalan yang dibina sebelum ini. Ia memberi peluang kepada murid untuk mencuba menjawab sendiri soalan yang dibina berdasarkan teks yang dibaca.

Dalam usaha mendapat jawapan, murid dilatih untuk membaca secara teliti sambil menandakan jawapan pada buku teks atau menulis jawapan. Semasa membaca, banyak soalan lain mungkin akan timbul dan murid berusaha untuk mendapatkan jawapan. Hal ini merupakan proses soal dan jawab secara proaktif yang berlaku pada langkah membaca. Ia juga dapat memperkukuhkan tahap pemprosesan maklumat, di samping meningkatkan kefahaman membaca dan daya ingatan terhadap kandungan teks yang dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.4 *Recite*-Imbas Kembali

Seterusnya, murid perlu mengimbas kembali isi-si penting dalam teks berpandukan soalan-soalan yang dibina. Langkah ini dijalankan dengan mengimbas kembali kandungan teks secara kendiri sama ada secara menulis semula atau mengulang dan membaca jawapan dengan menggunakan perkataan sendiri (Smith, 2017).

Murid mengingat kembali isi-isi penting tanpa melihat dan merujuk kepada teks yang dibaca. Namun sekiranya murid lupa dan mengalami kesulitan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengimbas kembali isi-isi penting, murid boleh melihat dan membaca teka semula secara sepintas lalu, seterusnya cuba mengimbas beberapa kali tanpa melihat kepada teks. Setelah mengimbas beberapa kali, murid akan dapat mengingat isi-isi penting (Agustina, 2015). Langkah ini penting untuk membantu murid memantau keupayaan kefahaman secara kendiri dan memastikan murid dapat memahami sepenuhnya teks yang dibaca. Hal ini kerana semasa mengimbas kembali isi-isi penting dan soalan bersama jawapan murid perlu menyusun maklumat dalam minda dan mengulas dengan menggunakan perkataan sendiri sama ada secara lisan atau menulis.

2.4.1.5 *Review*-Baca Semula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Robinson (1961), peringkat ini merupakan pengesahan kepada langkah imbas kembali dengan menyemak catatan dan rumusan yang ditulis sebelum ini. Beliau mencadangkan langkah ini boleh bermula dengan membaca semula idea utama kemudian diikuti dengan idea-idea sampingan (Thomas, 2016).

Sekiranya masih terdapat keraguan terhadap isi-isi dalam teks, murid perlu mengulang semula pembacaan. Pembacaan berulang dapat menguatkan lagi ingatan terhadap kandungan teks yang dibaca dengan membantu murid mengekalkan maklumat di dalam memori. Catatan dan nota yang ditulis sebelum ini juga boleh disimpan untuk tujuan ulangkaji dan mengelakkan murid melupakan isi pembelajaran sejurus selepas proses pembelajaran tamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, dalam proses dan menambah ingatan terhadap teks yang dibaca dengan menggunakan teknik SQ3R, beberapa langkah perlu dilaksanakan. Terlebih dahulu, murid meninjau teks sepintas lalu untuk membentuk idea umum terhadap teks tersebut. Kemudian murid membuat ramalan terhadap tajuk atau maklumat yang ditinjau. Semasa proses membaca, murid membina soalan dan cuba mencari jawapan tanpa bergantung kepada guru. Murid mengulas jawapan bersama rakan dan rakan memberi maklum balas terhadap jawapan tersebut. Murid membaca semula teks untuk mendapatkan jawapan yang betul dan kemudian memperbetulkan jawapan yang salah.

Kesemua aktiviti yang dilakukan dalam setiap langkah adalah atas usaha sendiri dan tidak bergantung kepada guru sepenuhnya. Bermula dari pembinaan soalan dan kemudian mendapatkan jawapan sehingga mengalas bersama rakan memberi peluang kepada murid untuk belajar atas kemampuan sendiri. Ini secara tidak langsung dapat memupuk sifat belajar secara kendiri dan lebih berdikari dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, lima langkah dalam teknik membaca SQ3R adalah saling berkait rapat supaya menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Ini bertepatan dengan pernyataan Snow (2002) bahawa pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca perlu dilaksanakan secara bersistematik dan berterusan dengan menggunakan teknik membaca yang eksplisit untuk memberi kesan yang optimum kepada murid. Oleh itu, guru perlu mendedahkan teknik membaca kepada murid, manakala murid mempraktikkan teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Kelebihan Teknik SQ3R

Teknik SQ3R mempunyai beberapa kelebihan yang dapat membantu murid meningkatkan kefahaman membaca. Kelebihan teknik SQ3R ditunjukkan melalui kesan positif kepada murid dari aspek kognitif dan afektif seperti berikut.

i. Aspek Kognitif

Robinson (1961), merupakan pengasas kepada teknik SQ3R. Beliau telah membuktikan keberkesanan teknik SQ3R dalam meningkatkan ingatan jangka panjang murid terhadap kandungan bahan bacaan yang dibaca melalui kajian yang beliau lakukan terhadap muridnya. Murid dapat mengingat kandungan teks yang dibaca dan tidak mudah lupa kerana daya ingatan murid telah dipertingkatkan melalui penggunaan teknik SQ3R (Adila dan Weganofa, 2018, Jannah, 2018, Agustina, 2015). Hal ini berlaku kerana dalam langkah imbas kembali (*Recite*) memerlukan murid mengingat semula maklumat yang dibaca dengan mengulas kembali maklumat penting. Ingatan menjadi lebih kekal dan kukuh apabila murid membaca maklumat tersebut secara berulang pada langkah baca semula (*Review*) untuk mengesahkan jawapan yang telah ditulis.

Asiri dan Momami (2017) mengatakan bahawa dengan mencatat nota menggunakan ayat sendiri kemudian mengulas kembali isi-si penting dan membaca semula teks selepas pembacaan sesuatu bab dapat membantu murid menyimpan lebih banyak maklumat. Robana (2018) menyatakan pembelajaran kefahaman membaca menjadi lebih berkesan sekiranya murid membaca secara bertujuan dan ia dapat menghilangkan keraguan terhadap kandungan teks. Nelson (2018) turut menyokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa membaca secara bertujuan dapat meningkatkan tumpuan murid terhadap pembacaan untuk menjadi lebih berfokus. Teknik SQ3R yang digunakan dapat membantu murid meneroka maklumat dan idea-idea penting yang terkandung dalam teks, di samping menguasai dan menyimpan maklumat tersebut dalam ingatan.

Andi Nurfaida (2023), mengatakan bahawa ciri-ciri teknik SQ3R yang mengandungi langkah-langkah tersusun bagi murid menjalankan proses pembelajaran secara bersistematik. Menurut Wijayanti, (2018) pula, setiap langkah mempunyai tugasan-tugasan tertentu untuk diselesaikan oleh murid sebelum mereka meneruskan ke langkah seterusnya. Dengan ini, ia dapat mendorong murid menumpukan perhatian kepada pembelajaran dengan menyelesaikan semua tugasan mengikut susunan langkah. Langkah-langkah berstruktur ini turut memberi panduan kepada murid yang lemah untuk mengikut pembelajaran bagi memperbaiki keupayaan kefahaman membaca kepada murid. Pembelajaran aktif dirangsang melalui pembacaan teks bersama perjanaan soalan dalam pemikiran yang berlaku secara serentak.

Dalam langkah tinjau, murid mengkilas tajuk, gambar dan teks untuk menyusun maklumat yang diterima sambil membuat ramalan kepada persoalan. Soalan yang dibina dalam pembacaan memberi peluang kepada murid untuk meneroka lebih banyak maklumat dalam teks. Dengan ini, penjanaan soalan dan penerokaan maklumat oleh murid secara kendiri dalam teknik SQ3R berupaya mengaktifkan pembelajaran murid. Situasi pembelajaran aktif juga berlaku apabila murid berkongsi idea bersama rakan pada langkah baca semula (*Review*) (Andres, 2020, Wan Dyarudin, 2017). Wijayanti (2018) turut mendapati murid dapat bekerjasama dalam kumpulan untuk bertukar-tukar pendapat dan idea masing-masing

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan dengan kandungan dalam bahan bacaan melalui penggunaan teknik SQ3R. Jannah (2018) turut bersetuju dengan teknik SQ3R yang dianggap sebagai teknik membaca yang berkesan dan masih popular walaupun teknik ini telah lama diperkenalkan.

ii. Aspek Afektif

Teknik SQ3R juga memberi kesan positif terhadap murid dari aspek afektif. Sifat ingin tahu murid dapat dirangsang melalui penggunaan teknik SQ3R dalam pembelajaran. Sifat ingin tahu merupakan motivasi intrinsik yang dapat mendorong murid untuk mengetahui dengan lebih lanjutnya berkenaan dengan teks yang dibaca dalam langkah Tinjau (Agustina, 2015). Murid menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran dengan menjalankan pelbagai aktiviti mengikut setiap langkah dalam teknik SQ3R. Ini berbeza dengan kaedah pembelajaran konvensional yang hanya menerima input daripada guru sahaja. Oleh itu, ia dapat menarik murid untuk belajar dan mengelakkan rasa bosan terhadap pembelajaran kefahaman membaca (Najwa Rohima, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, penguasaan teknik SQ3R dapat memupuk amalan pembelajaran secara kendiri. Pembelajaran sebegini telah mengubah kaedah pembelajaran konvensional, iaitu guru bertanya dan murid menjawab soalan. la merupakan penyesuaian kepada kaedah pembelajaran masa kini dan murid dapat mengalami pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Penglibatan diri secara langsung dalam proses pembelajaran juga dapat meningkatkan motivasi dan memupuk sikap yang positif dalam kalangan murid (Yusmidarnis, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teks

Teks secara amnya merujuk kepada huruf-huruf yang tersusun bagi membentuk satu makna yang boleh difahami atau membawa pengertian yang tertentu. Teks merupakan sumber informasi dalam membantu pembaca memperoleh ilmu pengetahuan. Teks juga merujuk kepada semua jenis simbol, huruf, abjad, nombor, statistik dan pelbagai jenis tulisan dan fon yang menjadi asas utama bagi penyaluran maklumat masa dahulu dan juga masa kini.

2.5.1 Jenis-Jenis Teks

Jenis teks merujuk kepada struktur organisasi dan ciri bahasa yang digunakan dalam teks untuk mencapai tujuan komunikasi dan retorik (Jacobs & Yang, 2004). Teks dapat dikategorikan kepada pelbagai jenis seperti puisi kanak-kanak, cerita, teks naratif, ekspositori dan sebagainya mengikut tetapan dan takrifan yang berbeza.

Secara umumnya, teks dapat diklasifikasikan kepada dua kategori yang utama, iaitu teks sastera dan prosa. Teks sastera melibatkan jenis teks seperti sajak, puisi, novel, cerita pendek dan drama yang lebih menjurus kepada bidang kesusasteraan. Teks prosa pula dibahagikan kepada dua, iaitu teks biasa dan teks praktikal. Teks biasa merangkumi jenis teks seperti teks naratif, ekspositori dan argumentatif yang biasanya terkandung dalam buku teks sekolah. Manakala teks praktikal pula merujuk kepada teks yang mempunyai format penulisan tertentu seperti surat formal, dairi dan notis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teks prosa adalah bersifat praktikal untuk menyampaikan mesej atau maklumat yang mengutamakan kepada penjelasan dan ungkapan bertulis secara rasional. (Chen 2006). Beliau turut menjelaskaan bahawa teks sastera menggunakan pelbagai gaya bahasa untuk menyalurkan idea secara artistik. Ini berbeza dengan teks prosa yang lebih bersifat praktikal dan rasional. Teks sastera adalah hasil seni yang melibatkan penceritaan imaginasi yang berlaku di luar dunia nyata melalui bahasa. Ia lebih mementingkan imej kesenian yang nyata serta ekspresi emosi dan estetik.

Walaupun teks sastera prosa mempunyai jenis- jenis teks yang berbeza dari segi ciri-ciri dan fungsi yang tersendiri, namun kedua-dua teks adalah saling melengkapi. Teks sastera dan prosa telah dimasukkan dalam buku teks bahasa Tamil sekolah rendah dengan pemberatan jenis teks yang berbeza mengikut tahun. Ini adalah penting supaya menepati dan bersesuaian dengan perkembangan kognitif murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Teks Naratif

Teks naratif adalah teks yang umum dan praktikal untuk murid. la merupakan jenis teks yang digunakan dalam buku teks SJKT. Sri Yanti (2022) dalam kajiannya menyatakan bahawa ciri-ciri dan struktur teks naratif adalah sesuai dengan tahap murid. Kebanyakan teks naratif yang terkandung dalam buku teks SJKT adalah bersesuaian dengan tahap murid bagi tujuan pengembangan pemikiran, penstrukturan semula keperibadian, perkembangan moral serta penguasaan kefahaman literasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2.1 Konsep Teks Naratif

Rebecca (2003) mendefinisikan teks naratif merupakan satu ciri penceritaan secara logikal dan mempunyai kronologi tersusun melalui pengalaman diri. la mengemukakan idea-idea utama secara langsung atau tidak langsung melalui teks serta mengintegrasikan pemikiran dan emosi penulis melalui penceritaan. Beliau turut menjelaskan bahawa untuk memahami teks naratif dengan jayanya perlu mengambil perhatian kepada plot, sema, watak dan peristiwa serta bagaimana ciri-ciri tersebut dapat dihubungkan bersama.

Menurut Linda Charlotte Habibah dan Agni Muftianti (2020), mempelajari kemahiran membaca untuk memahami teks naratif merupakan salah satu kemahiran yang mesti dikuasai oleh seseorang murid. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui gambaran keseluruhan kaedah SQ3R dalam penerapan pembelajaran kemahiran membaca untuk memahami teks naratif dalam murid di sekolah rendah. Secara umum masalah yang berlaku adalah kebanyakan murid tidak memahami apa yang dibaca, sehingga hasil yang dicapai oleh murid dalam pemahaman membaca teks naratif masih rendah. Maka, pengkaji menggunakan kaedah SQ3R untuk mengatasi masalah ini.

2.5.2.2 Struktur Dan Unsur Dalam Teks Naratif

Teks naratif mempunyai struktur dan unsur yang tersendiri. Anderson dan Anderson (2002) menyatakan bahawa struktur teks naratif merangkumi lima aspek, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orientasi (*orientation*), kerumitan (*complication*), urutan peristiwa (*sequence of events*), penyelesaian (*resolution*) dan penutup (*code*).

Penerangan Bagi Struktur Teks Adalah Seperti Berikut:

i. Orientasi (*Orientation*): Ia merupakan pengenalan dalam sesuatu teks (dalam bentuk perenggan atau gambar) bagi memberitahu pembaca siapa, bila dan di mana peristiwa berlaku.
ii. Kerumitan (*Complication*). Rangkaian peristiwa yang memaklumkan masalah yang berlaku dan mempengaruhi keseluruhan aliran penceritaan.
iii. Urutan peristiwa (*Sequence of events*): la menceritakan bagaimana watak bertindak balas dengan kerumitan tersebut dan perasaan yang terlihat.
iv. Penyelesaian (*Resolution*): Masalah yang diselesaikan melibatkan kesudahan gembira atau sedih.
v. Penutup (*Code*): la adalah penutup bagi sesuatu teks dan merupakan pilihan la mengandungi nilai pengajaran dan nasihat daripada penulis untuk disampaikan kepada pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2.3 Kelebihan Teks Naratif

Struktur dan unsur pada teks naratif memberi kelebihan kepada murid untuk memahami teks dan membantu perkembangan moral murid melalui nilai pengajaran yang terdapat pada teks naratif. Kelebihan yang terdapat pada teks naratif menjadikan ia sesuai untuk murid sekolah rendah (Gu, 2019). Beliau juga menyatakan teks naratif mempunyai beberapa kelebihan dalam aspek seperti struktur dan unsur teks,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman konsep, pengalaman dan kegembiraan membaca yang dapat memberi kesan kepada keupayaan kefahaman membaca.

2.6 Kaedah Bacaan Teks

Dalam proses membaca tidak terhad kepada satu landab bacaan sahaja. Kaedah bacaan yang digunakan perlu bergantung kepada tujuan membaca. Justeru itu, beberapa kaedah bacaan teks dan pengintegrasian kaedah dalam pembelajaran teknik SQ3R diterangkan seperti berikut:

2.6.1 Bacaan Mekanis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Rosyati Manaf dan Kamariah Abu Bakar (2022), bacaan mekanis memerlukan murid membaca dengan kuat dan perkara penting yang ditekankan di sini adalah sebutan dan bunyi huruf dengan betul. Selain itu, membaca mengikut intonasi dan tekanan yang betul. Manakala bahan bacaan adalah yang mudah difahami dan tidak membebankan murid. Bacaan mekanis sesuai dibuat pada proses membaca yang pertama iaitu mengenal huruf. Pada peringkat ini, sekiranya murid sudah boleh menguasai, maka proses seterusnya akan menjadi lebih mudah.

Kajian Muhamad Aniq Bin Azlan dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar (2019) menyatakan bahawa bacaan mekanis dikenali sebagai membaca sambil bersuara. Bacaan ini sesuai untuk golongan atau kalangan murid sekolah rendah terutamanya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana murid sekolah rendah yang berumur tujuh hingga sembilan tahun memerlukan kaedah pembacaan atau teknik yang jelas dan lancar. Penggunaan teknik yang sesuai mampu memberi kefahaman dan semangat jiwa untuk membaca.

Semasa menggunakan teknik SQ3R dalam proses membaca, murid perlu membaca teks secara bersuara dalam langkah *survey*. Melalui bacaan mekanis pemahaman awal terhadap petikan dapat dinilai melalui intonasi membaca. Murid juga dapat memastikan perkataan yang dibaca adalah tepat, manakala bagi murid yang lemah juga tidak tercicir dan ketinggalan kerana mereka turut dibimbing melalui bacaan bersuara daripada rakan-rakan yang lain.

2.6.2 Bacaan Mentalis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bacaan mentalis juga dikenali sebagai bacaan akaliah, bacaan senyap atau bacaan dalaman. Ia merupakan bacaan dalam hati dan tanpa mengeluarkan suara. Ia berlainan dengan bacaan mekanis, iaitu tidak menekankan aspek-aspek sebutan, nada dan intonasi. Sebaliknya, lebih mementingkan pemerolehan maklumat dan menjurus kepada tujuan pemahaman terhadap teks yang dibaca. Murid yang cekap dalam bacaan mampu melakukan bacaan mentalis dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2.1 Bacaan Intensif

Syamsidar, Puspita dan Sum (2022) mengatakan bacaan intensif ialah aktiviti membaca yang bertujuan untuk memahami isi kandungan bacaan secara mendalam. Bacaan intensif merupakan aktiviti membaca yang memerlukan tumpuan yang tinggi untuk memahami dan mentafsir maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan. Bacaan intensif memberi penekanan kepada aspek kandungan bahan bacaan dan juga bahasa yang digunakan.

Dalam pembacaan yang berfokuskan aspek kandungan, lazimnya melibatkan bacaan secara teliti, bacaan untuk pemahaman, bacaan kepada idea, bacaan secara kritikal dan bacaan secara kreatif (Wijayanti, 2018). Manakala bacaan intensif untuk sapuan pembelajaran bahasa pula lebih tertumpu kepada bacaan pada bahasa dan juga sastera. Dengan ini, penggunaan bahasa seperti tatabahasa dan ayat yang gramatis dapat dihalusi melalui bacaan intensif.

Untuk menyokong dan mengukuhkan bacaan intensif, teknik membaca yang membolehkan murid memahami bahan bacaan secara berperingkat diperlukan. Teknik SQ3R mempunyai kerangka dan susunan pelaksanaan yang tersendiri dapat membantu murid meneroka maklumat yang berkaitan dalam teks. Teknik tersebut dapat menyumbang kepada bacaan intensif dengan membantu murid menganalisis kandungan teks dan tatabahasa secara lebih teliti (Andres, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2.2 Bacaan Ekstensif

Bacaan ekstensif merupakan aktiviti membaca secara kendiri yang berlaku di luar kelas tanpa memerlukan bimbingan guru. Bacaan ekstensif bersifat pembacaan secara meluas tidak terhad kepada buku teks. Sebaliknya pembacaan seperti akhbar, majalah, novel, buku cerita dan sebagainya yang bertujuan santai dan tidak membebankan murid. Tujuan membaca lebih cenderung kepada perasaan seronok, minat dan kepuasan diri. Melalui bacaan ekstensif dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap bahan bacaan dan menambah ilmu pengetahuan, di samping memupuk tabiat gemar membaca.

Kajian Azizah Arsad dan Dahlia Janan (2022), ada menyatakan bahawa bacaan ekstensif menjadi panduan kepada murid untuk menjalankan kegiatan membaca di luar bilik darjah serta dilaksanakan oleh murid mengikut keinginan dan dan gaya mereka sendiri. Murid akan memilih bahan bacaan yang disukai sehingga menjadikan aktiviti membaca memperoleh kesan yang positif. Pendapat ini disokong oleh Collett (2018), yang mengatakan bahawa buku-buku yang menarik perlu disediakan ketika kegiatan membaca untuk menarik minat murid dan menjadikan aktiviti membaca lebih berkesan. Kesannya, pembaca berupaya mengaplikasi pengetahuan melalui bacaan dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh mereka apabila mereka seronok membaca bahan yang digemari.

Bacaan ekstensif boleh dilakukan melalui dua cara, iaitu membaca sekilas (*skimming*) dan membaca sepintas lalu (*scanning*). Menurut Dea Ananda, Dwita Kurnia Amalia dan Pidekso Adi (2024), *skimming* ataupun membaca sekilas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan bacaan secara pantas yang melibatkan pergerakan mata yang cepat untuk mendapat gambaran awal terhadap teks dan mengesan teks yang dibaca supaya bersesuaian dengan tujuan tertentu. Pembaca dapat memperoleh maklumat yang penting dengan pantas berkaitan dengan topik utama atau idea sokongan yang terkandung dalam teks yang dibaca.

Sementara itu, membaca sepintas lalu (*scanning)* adalah bacaan pantas yang memberikan tumpuan kepada pencarian maklumat-maklumat tertentu tanpa membaca keseluruhan teks. la melibatkan pergerakan mata secara pantas dan tidak berlaku secara linear (Hartini, 2014). Hal ini bermaksud murid boleh membaca tanpa mengikut susunan perenggan dan membaca secara bertujuan untuk mencari jawapan kepada sesuatu soalan atau memperoleh maklumat tertentu yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam teknik SQ3R, *skimming* atau membaca sekilas digunakan dalam langkah Tinjau (*Survey*) dengan membaca tajuk petikan dan mengkilas gambar untuk mendapat gambaran awal berkenaan petikan (Asiri & Momani, 2017). Teknik ini adalah teknik membaca dengan cepat dengan tujuan untuk menemukan bahagian tertentu dari bacaan atau isi umum pada bacaan. Manakala, dalam langkah baca semula (*Review*), murid boleh *scanning* atau membaca sepintas lalu pada perenggan atau ayat dalam petikan untuk mengesahkan jawapan. Selain itu, pembacaan bahan-bahan luar turut menggunakan cara membaca sekilas (*skimming*) dan membaca sepintas lalu (*scanning*) dengan pembacaan secara pantas.

Secara rumusnya, pelbagai kaedah bacaan seperti bacaan mekanis, bacaan mentalis, bacaan intensif dan bacaan ekstensif dapat diaplikasikan menerusi teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SQ3R. Teknik SQ3R yang digunakan semasa pembelajaran kefahaman membaca turut memberi peluang kepada murid untuk menggunakan kaedah bacaan yang pelbagai. Pembacaan berulang yang melibatkan pelbagai kaedah bacaan ini membantu murid memahami teks dengan lebih baik, di samping mengukuhkan ingatan terhadap kandungan teks yang telah dibaca.

2.7 Kajian-Kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan berkaitan dengan penggunaan teknik SQ3R dalam pengajaran dan pembelajaran di luar negara dan di Malaysia. Kekuatan dan kelemahan teknik SQ3R turut dibincangkan melalui hasil dapatan kajian-kajian lepas. Kelemahan dan masalah yang dihadapi ketika penggunaan teknik SQ3R perlu dikenal pasti supaya dapat menambah baik pelaksanaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kajian ini turut membincangkan kajian lepas berkenaan strategi dan teknik pengajaran dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil di luar negara dan Malaysia. Kelompangan pada kajian-kajian lepas turut dibincangkan untuk memastikan kajian ini dapat memenuhi kelompangan kajian-kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Kajian Berkaitan Teknik SQ3R Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Luar Negara

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan teknik SQ3R telah dijalankan di negara - negara seperti Indonesia, Turkey, China, Taiwan, Amerika dan sebagainya.

Teknik SQ3R dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merentas pelbagai bidang bahasa. Melalui sorotan kajian yang dilakukan didapati teknik SQ3R banyak digunakan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Hal ini berlaku kerana teknik mula diperkenalkan oleh Robinson di Amerika, iaitu negara Barat. Oleh itu, mata pelajaran bahasa Inggeris pasti dijadikan pilihan utama dalam mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan teknik SQ3R dalam pengajaran bahasa Inggeris di negara barat membawa percubaan kepada penyelidik-penyelidik dari negara lain untuk turut mengaplikasikan teknik tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajian-kajian yang menggunakan teknik SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris sebagai bahasa utama ataupun bahasa kedua melibatkan kajian oleh Andres (2020), Adila dan Weganofa (2018), Biringkanae (2018), Bulut (2017) dan Betaubun (2016).

Kajian yang dilakukan oleh Andres (2020) merupakan kajian tindakan terhadap sekumpulan murid yang belajar di sebuah universiti di negara Colombia. Kajian tersebut bertujuan untuk meninjau keberkesanan bacaan intensif yang melibatkan teknik SQ3R bagi meningkatkan kefahaman membaca bahasa Inggeris. Instrumen yang digunakan dalam kajian beliau ialah ujian bacaan, soal selidik, ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertulis pra dan pasca. Beliau mendapati bahawa keupayaan membaca murid telah meningkat dan sikap murid turut berubah secara positif. Aktiviti membaca merupakan sesuatu yang menyeronokkan dan hal ini berlaku semasa murid mempraktikkan teknik membaca. Murid mampu membuat ramalan sebelum membaca dan membina soalan secara kendiri untuk tujuan pemahaman yang lebih merilalam terhadap teks yang dibaca

Adila dan Weganofa (2018) juga mengkaji kesan teknik SQ3R terhadap penguasaan kefahaman membaca Bahasa Inggeris bagi murid sekolah menengah tingkatan satu. Kajian mereka berbentuk kuasi-eksperimen dengan menggunakan teknik persampelan mudah. Dua buah kelas tingkatan satu dipilih melalui kaedah balingan syiling untuk dijadikan kumpalan rawatan dan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan rawatan meningkatkan kefahaman membaca Bahasa Inggeris dengan menggunakan teknik SQ3R, manakala kumpulan kawalan pula menggunakan teknik *skimming* dan *scanning*. Hasil analisis Ujian-t bagi ujian pasca kedua-dua kumpulan menunjukkan teknik SQ3R lebih berkesan berbanding dengan teknik *skimming* dan *scanning* melalui perbezaan skor min secara signifikan. Selain itu, murid turut memberi maklum balas secara positif berkenaan penggunaan teknik SQ3R dan ingin mengaplikasikan teknik tersebut dalam proses pembelajaran walaupun sesetengah murid kurang berminat untuk membaca teks Bahasa Inggeris. Di samping itu, hasil dapatan kajian menonjolkan kekuatan teknik SQ3R dalam membantu murid mengingat idea atau maklumat utama yang penting dengan mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Biringkanae (2018) menjalankan kajian kuasi-eksperimen ke atas 24 orang murid sekolah menengah. Beliau menggunakan kaedah campuran yang melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui instrumen ujian membaca dan borang soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan teknik ini berkesan dalam membantu peningkatan kefahaman membaca murid dalam aspek makna perbendaharaan kata, mengenal pasti idea utama dan maklumat tersirat dalam teks. Selain itu, majoriti murid bersetuju dengan penggunaan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran serta menunjukkan sikap dan motivasi belajar secara positif.

Hasil dapatan kajian oleh Hiringkanse (2018) tersebut mengukuhkan lagi kajian Betauban (2016) yang merupakan kajian kes bertujuan meninjau pelaksanaan teknik SQ3R dalam pengajaran bahasa Inggeris di sebuah sekolah menengah vokasional Indonesia. Berdasarkan analisis deskriptif kuantitatif yang melibat kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik menunjukkan bahawa keupayaan murid dalam kefahaman membaca meningkat setelah melaksanakan teknik SQ3R jika dibandingkan dengan hasil pembelajaran sebelumnya. Selain itu, beliau turut mengesan beberapa faktor seperti teknik pengajaran guru, keadaan kelas, peruntukan masa dalam pembelajaran kefahaman membaca dan pembacaan jenis-jenis teks mampu mempengaruhi keupayaan murid dalam kefahaman membaca.

Bulut (2017) pula menjalankan kajian tindakan ke atas murid tahun empat di sekolah rendah untuk mengenal pasti keupayaan kefahaman membaca murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris selepas pendedahan teknik SQ3R. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kemahiran murid dalam menganalisis teks, meramal dan membuat nota meningkat selepas menggunakan teknik SQ3R dalam proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran. Dapatan daripada hasil temu bual kumpulan rawatan menunjukkan teknik SQ3R dapat membantu murid belajar secara aktif semasa proses pemahaman. Murid dapat mentafsir dan mengingat maklumat dalam teks dengan berkesan. Namun begitu, beliau juga mengutarakan beberapa masalah yang dihadapi oleh murid ketika menggunakan teknik SQ3R. Semasa membina soalan berdasarkan gambar, ada murid hanya membina satu soalan sahaja, manakala ada murid yang menceritakan gambar tanpa membina soalan. Hal ini berlaku kerana tahap pengetahuan dan keupayaan hagi setiap murid adalah berbeza. Murid yang lemah mengalami kesukaran dalam membina dan menulis soalan. Maka ia menyebabkan mereka sukar untuk mengalas kepada rakan pada langkah imbas semula (*Recite*). Oleh itu, beliau mencadangkan guru perlu menjalankan pelbagai aktiviti untuk melatih murid menulis dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut yang mungkin berlaku pada kajian ini. Antaranya ialah perlu memberi arahan yang jelas dan memantau murid ketika membina soalan berdasarkan teks terutamanya bagi murid yang lemah. Bagi murid yang lemah dalam menulis, mereka boleh memikirkan jawapan kepada soalan yang dibina atau menggarisi jawapan yang terkandung dalam petikan. Dalam langkah imbas semula (*Recite*), murid boleh menulis jawapan secara ringkas. Pengubahsuaian pada teknik pelaksanaan SQ3R perlu dilakukan supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang pernah berlaku pada kajian-kajian lepas.

Selain itu, teknik SQ3R juga diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Indonesia. Hasil dapatan kajian tindakan ke atas murid tahun enam oleh Mangasi (2019) menunjukkan teknik SQ3R dapat meningkatkan kefahaman membaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid dalam bahasa Indonesia. Mangasi (2019) merumuskan bahawa teknik SQ3R dapat meningkatkan kefahaman membaca dan memperbaiki kemahiran berfikir secara kritikal. Beliau juga mencadangkan kajian lanjutan boleh dilakukan kepada mata pelajaran yang lain untuk turut mengaji keberkesanan teknik SQ3R.

Penggunaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga dibandingkan dengan teknik-teknik yang lain untuk mengkaji kesannya terhadap kefahaman membaca. Ia dapat dilihat melalui kajian oleh Indah Rizqia Putri Warganegara (2022), Pamungkas dan Suhardi (2019), Gurning dan Siregar (2017), Smith (2017) dan Thomas (2016). Kajian-kajian mereka menunjukkan keputusan yang berbeza berkenaan keberkesanan teknik SQ3R terhadap hasil pembelajaran.

Indah Rizqia Putri Warganegara (2022) telah menggunakan teknik SQ3R dan KWL untuk meninjau keberkesanannya dalam pencapaian kefahaman membaca bahasa Inggeris di Bandar Lampung, Indonesia. Seramai 64 murid telah menjadi responden kajian. Data kajian dikumpulkan melalui *t-test*, ujian pra dan pasca. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik SQ3R dan KWL dapat meningkatkan kefahaman membaca bahasa Inggeris. Namun, keberkesanan teknik SQ3R adalah lebih menonjol berbanding teknik KWL.

Keberkesanan teknik SQ3R lebih ditonjolkan melalui kajian oleh Pamungkas dan Suhardi (2019). Kajian dijalankan ke atas murid tahun empat di sekolah rendah untuk meningkatkan kefahaman membaca. Beliau menggunakan intervensi teknik SQ3R serta teknik Integrasi Bacaan dan Karangan Keperatif (CIRC) ke atas dua kumpulan rawatan, manakala kumpulan kawalan pula menggunakan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konvensional. Dapatan menunjukkan kumpulan eksperimen yang menggunakan CIRC mempunyai purata skor 73.96, kumpulan yang menggunakan teknik SQ3R mendapat purata skor sebanyak 75.55 manakala kumpulan kawalan pula hanya mendapat purata skor 65.67. Dapatan ini membuktikan teknik SQ3R dan CIRC membawa kesan yang positif terhadap kefahaman membaca murid dan teknik SQ3R lebih berkesan berbanding dengan CIRC.

Thomas (2016) pula menggunakan tiga kumpulan rawatan untuk meninjau strategi yang paling berkesan dalam meningkatkan prestasi pencapaian ujian murid. Tiga kumpulan rawatan digunakan adalah kumpulan yang menggunakan strategi generatif bacaan, kumpulan yang menggunakan teknik SQ3R dan kumpulan yang tiada intervensi, manakala kumpulan kawalan pula menggunakan strategi ujian umum. Kumpulan-kumpulan yang menggunakan pelbagai strategi pengajaran diuji melalui ujian dan kuiz. Hipotesis kajian yang meramalkan bahawa strategi generatif bacaan adalah lebih berkesan dalam meningkatkan skor peperiksaan murid berbanding SQ3R atau strategi ujian umum tidak dapat disahkan. Namun begitu, hasil kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan yang menggunakan strategi intervensi, iaitu strategi generitif bacaan dan teknik SQ3R mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan kumpulan yang tidak menggunakan intervensi walaupun tidak dapat terbukti secara signifikan.

Dapatan kajian oleh Guming dan Siregar (2017) pula berbeza dengan kajian Pamungkas dan Suhardi (2019) serta Thomas (2016) yang menunjukkan teknik pengajaran lain lebih berkesan berbanding dengan teknik SQ3R. Gurning dan Siregar (2017) membandingkan penggunaan teknik SQ3R dengan strategi "*The Interactive*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Notation System for Effective Reading and Thinking (INSERT)" dalam pembelajaran kefahaman membaca ke atas 76 orang murid sekolah menengah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen faktorial 2x2 untuk membandingkan dua teknik pengajaran INSERT dan SQ3R dan juga dua kumpulan murid mengikut sifat ingin tahu tinggi dan rendah. Hasil dapatan menunjukkan pencapaian murid dalam kefahaman membaca yang menggunakan strategi INSERT lebih tinggi berbanding dengan teknik SQ3R. Selain itu, dapatan turut menunjukkan murid yang mempunyai sifat ingin tahu tinggi memperoleh pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang mempunyai sifat ingin tahu yang rendah. Beliau merumuskan bahawa strategi pengajaran dan sifat ingin tahu murid merupakan faktor-faktor mempengaruhi pencapaian dalam pembelajaran.

Selain itu, Smith (2017) pula menggunakan tiga teknik pembelajaran iaituSQ3R, Nota Cornell dan *Apropos Summation* (*ApSum*) untuk menentukan kesan terhadap pembelajaran bacaan murid melalui kaedah campuran. Pembelajaran bacaan tersebut meliputi kemahiran literasi dalam aspek pemahaman kandungan, mengenal pasti idea utama, merumus, menyoal dan penguasaan perbendaharaan kata. Dalam kajian tersebut, beliau telah membuat tiga pengubahsuaian pada teknik SQ3R berikutan subjek kajian ialah murid sekolah rendah tahun lima. Hal ini melibatkan rumusan yang perlu dilakukan oleh murid pada langkah baca semula (*Review*) sebelum langkah imbas kembali (*Recite*), penggunaan komponen warna untuk membezakan soalan dan jawapan bagi tajuk dan juga setiap sub tajuk. Selain itu, soalan ditulis pada kad indeks menggantikan lembaran kertas, manakala jawapan ditulis di belakang soalan kad indeks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, kajian Smith (2017) tidak dapat menonjolkan keberkesanan antara ketiga-tiga teknik dalam memberi kesan yang ketara terhadap hasil pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada hasil temu bual oleh kebanyakan murid adalah positif terhadap teknik SQ3R dengan menyatakan teknik SQ3R dapat membantu mereka menguasai kemahiran bertanya dan menjawab soalan. Namun, terdapat juga sesetengah murid mempunyai persepsi yang negatif terhadap pelaksanaan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran. Pada pandangan guru pula, teknik SQ3R dan Nota Cornell tidak dapat melatih murid untuk mencipta soalan yang beraras tinggi. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan murid berkecenderungan untuk membina soalan yang berbentuk aras rendah pada langkah tanya. Murid boleh terus mendapat jawapan daripada teks dan ini tidak dapat melatih murid untuk berfikir secara kritikal. Oleh itu, guru-guru berpendapat bahawa ApSum adalah lebih sesuai digunakan dalam pembelajaran baca kerana teknik ini dapat menggabungkan kemahiran literasi untuk membantu murid memahami bacaan dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian oleh Smith (2017) boleh dijadikan rujukan untuk tujuan penambahbaikan bagi kajian ini. Untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku, murid berkecenderungan untuk membina soalan berbentuk aras rendah. Dalam kajian ini, guru memainkan peranan yang penting bagi membimbing murid membina beberapa soalan dengan teknik penyoalan 5W1H yang menjurus kepada aras soalan yang lebih tinggi tertumpu kepada kemahiran-kemahiran yang diuji. Panduan diberikan kepada murid melalui lembaran kertas supaya murid jelas dengan soalan yang dibina. Disebabkan subjek kajian ini ialah murid tahun tiga, oleh mereka perlu diberikan bimbingan sepenuhnya dalam membina soalan. Arahan dan panduan yang diberikan oleh guru adalah penting supaya soalan yang dibina oleh murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengandungi soalan aras tinggi dan berkait dengan teks yang dibaca. Selain itu, murid juga boleh merujuk soalan yang terkandung dalam buku teks semasa proses pembinaan soalan.

Selain membandingkan teknik SQ3R dengan teknik-teknik yang lain, terdapat juga beberapa penyelidik yang menggabungkan teknik SQ3R dengan teknik pengajaran lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk melihat kesannya terhadap kefahaman membaca (Yuliyanti, 2017: Al-Ghazo, 2015). Kajian oleh Yuliyanti (2017) yang menggunakan teknik SQ3R dan teknik pemetaan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca bahasa Inggeris memberi hasil dapatan yang positif. Dapatan daripada kajian tindakan tersebut menunjukkan kefahaman membaca murid bertambah baik selepas menggunakan teknik SQ3R dan pemetaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini selari dengan kajian Al-Ghazo (2015) yang turut menggabungkan teknik SQ3R dan teknik pemetaan semantik dalam kefahaman membaca bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan gabungan teknik SQ3R dan teknik pemetaan semantik lebih berkesan dan menyumbang ke arah peningkatan pembelajaran kefahaman membaca Al-Ghazo (2015) merumuskan bahawa teknik SQ3R dapat memberi panduan kepada murid yang lemah untuk memperbaiki kemahiran membaca.

Di samping itu, teknik SQ3R turut diaplikasikan dalam pelbagai jenis teks seperti kajian yang dijalankan oleh Agustina (2015), Jannah (2016), Wijayanti (2018), Habibah dan Muftianti (2020), Sandiarsa, Tantra dan Ratminingsih (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, kebanyakan kajian lepas tersebut telah mengaplikasikan teknik SQ3R dalam teks jenis naratif.

Kajian oleh Habibah dan Muftianti (2020) menggunakan teknik SQ3R dalam kefahaman membaca teks naratif untuk pembelajaran bahasa Indonesia. Kajian tersebut dilaksanakan ke atas 30 orang murid tahun empat. Melalui ujian pasca yang dilaksanakan menunjukkan peningkatan murid melonjak hingga 88% dan mencapai tahap penguasaan yang sangat baik dalam pembelajaran kefahaman membaca. Berdasarkan hasil pemerhatian juga mendapati teknik SQ3R dapat meningkatkan keaktifan murid kerana murid terlibat secara langsung ketika menggunakan teknik tersebut dalam proses pembelajaran. Selain itu, melalui hasil temu bual, kebanyakan murid berpendapat teknik SQ3R menarik dan senang untuk dikuasai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sandiarsa, Tantra dan Ratminingsih (2020) telah menjalankan kajian kuasi eksperimen dengan menggunakan faktorial 2x2 untuk mengkaji kesan teknik PQRST dan SQ3R berdasarkan jenis teks naratif dan teks penceritaan semula (*recount text*). Seramai 179 orang murid sekolah menengah daripada empat buah kelas telah digunakan sebagai sampel dalam kajian tersebut. Sampel kajian dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu dua kumpulan untuk teknik PQRST dan kumpulan lain untuk teknik SQ3R. Teknik PQRST dan SQ3R turut diuji terhadap teks naratif dan teks penceritaan semula. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian murid dalam keupayaan membaca yang menggunakan teknik PQRST lebih tinggi berbanding dengan teknik SQ3R. Selain itu, teknik PQRST dan SQ3R dapat meningkatkan pencapaian murid dalam teks naratif berbanding dengan teks penceritaan semula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Wijayanti (2018) menjalankan kajian kuasi-eksperimen untuk mengkaji keberkesanan teknik SQ3R terhadap pengajaran kefahaman membaca bagi teks naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan secara signifikan dalam pencapaian kefahaman membaca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Selain itu, teknik SQ3R dapat meningkatkan pencapaian kumpulan rawatan yang lebih tinggi dan signifikan selepas intervensi. Walau bagaimanapun, beliau juga menyenaraikan beberapa kelemahan yang terdapat dalam teknik SQ3R. Antaranya ialah peruntukan masa digunakan untuk memahami teks dengan teknik SQ3R mungkin tidak jauh beza dengan pembelajaran secara konvensional. Selain itu, murid juga tidak melibatkan diri secara aktif dalam sesi perbincangan mengenai kandungan teks bersama rakan. Oleh itu, beliau mencadangkan agar lebih banyak penyelidikan bakal dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca teks naratif bagi memantapkan dapatan kajian beliau. Justeru, kajian yang dijalankan ini berupaya untuk menyokong dan memantapkan lagi kajian belian walaupun dalam konteks yang berbeza.

Agustina (2015) menggunakan teknik SQ3R dalam pengajaran pembelajaran bahasa Inggeris yang melibatkan tiga jenis teks, iaitu teks naratif, deskriptif dan teks berkenaan berita (*news item text*). Sampel yang digunakan dalam kajian adalah murid berumur 15 hingga 16 tahun yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kumpulan rawatan didedahkan dengan teknik SQ3R manakala kumpulan kawalan menggunakan teknik 3R. Hasil kajian daripada Ujian-t menunjukkan terdapat peningkatan yang lebih signifikan kepada kumpulan yang menggunakan teknik SQ3R berbanding dengan kumpulan yang menggunakan teknik 3R. Selain itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau mendapati bahawa penglibatan menjadi lebih aktif ketika aktiviti membaca dan sifat ingin tahu murid terhadap teks yang dibaca juga meningkat. Tambahan pula, murid dapat mengingat kandungan teks dalam jangka masa yang panjang dan ini membantu murid menyelesaikan tugasan tanpa merujuk kembali teks yang dibaca.

Secara rumusnya, teknik SQ3R dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang bahasa dan memberi kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Selain itu, teknik SQ3R juga dapat diaplikasi dalam teks naratif berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Hasil dapatan daripada kajian-kajian tersebut dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada kajian ini kerana kekurangan kajian empirikal yang mengaplikasikan teknik SQ3R dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.2 Kajian Berkaitan Teknik SQ3R Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Malaysia

Beberapa penyelidik di Malaysia juga menjalankan kajian mengenai penggunaan teknik SQ3R dalam bidang pengajaran masing-masing. Wan Dyarudin (2017) telah menjalankan kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca bahasa Melayu dan juga mengkaji perubahan sikap murid. Reka bentuk kuasi-eksperimen dijalankan ke atas 50 orang murid tingkatan satu, iaitu kumpulan rawatan menggunakan teknik SQ3R, manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. Dapatan kajian membuktikan teknik SQ3R berkesan dalam memupuk sikap positif murid terhadap kefahaman membaca. Selain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, ia juga membuktikan secara signifikan bahawa pencapaian kefahaman membaca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan.

Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya mengkaji pencapaian kefahaman membaca secara keseluruhan dan tidak meninjau dari aspek kategori kefahaman membaca secara lebih terperinci seperti kategori literal, inferens dan sebagainya. Dengan ini, kajian yang dijalankan dapat memenuhi jurang yang terdapat pada kajian tersebut dengan meninjau pencapaian murid mengikut kategori kefahaman membaca selepas diberi pendedahan teknik SQ3R.

Selain itu, kajian oleh Awatif et al., (2016) turut menunjukkan kesan positif dalam bacaan bahasa Arab. Kajian tersebut merupakan kajian tindakan yang dilaksanakan terhadap 90 orang murid kolej melibatkan instrumen senarai semak, pemerhatian dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid mencapai tahap kemahiran membaca yang tinggi dengan nilai min penguasaan kefahaman bahan bacaan sebanyak 3.49. Selain itu, murid dapat menerima teknik SQ3R dalam pembelajaran dengan memberi respon yang positif.

Kajian-kajian tersebut telah menerapkan teknik membaca dalam pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab. Hasil kajian mereka menunjukkan tahap kefahaman membaca dapat dipertingkatkan melalui teknik SQ3R yang mampu membawa kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran. Oleh itu, hasil kajian tersebut dijadikan asas untuk penyelidikan masa hadapan dan memberi inspirasi kepada para pendidik untuk mempraktikkan teknik membaca SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian yang dijalankan di negara kita, hanya sedikit sorotan yang dapat dilakukan berikutan kekurangan kajian mengenai teknik SQ3R yang telah dijalankan. Tambahan pula, kajian-kajian tersebut hanya menjurus kepada peringkat sekolah menengah ataupun kolej yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab. Oleh itu, kelompangan boleh diisi dengan menjalankan kajian yang tertumpu kepada peringkat sekolah rendah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Memandangkan penggunaan teknik SQ3R dalam kajian-kajian lepas telah menunjukkan kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran, maka kajian ini juga perlu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada teknik SQ3R turut berkesan dalam konteks sekolah rendah aliran Tamil.

2.7.3 Kajian Berkaitan Kategori Dan Kemahiran Kefahaman Membaca Di Luar Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penguasaan kefahaman membaca dari aspek kategori kefahaman yang melibatkan pelbagai kemahiran membaca ditinjau melalui sorotan kajian-kajian lepas. Sorotan kajian-kajian luar negara yang dilakukan meliputi negara Sri Lanka, India, Indonesia, China dan Taiwan untuk mengkaji keupayaan kefahaman membaca berdasarkan kategori dan kemahiran kefahaman membaca melalui pelbagai strategi (Vasudeva Raja,2020, A.S.P. Yumna, 2021, Setyaningsih, 2019, Chen 2017, Car, 2016 dan Wu, C.T., Zhang, W.H. Lin, F.Y., & Liu, Y.C. (2016).

Kajian Vasudeva Raja (2020) telah dijalankan untuk melihat tabiat dan sikap membaca serta kesannya terhadap prestasi akademik murid sekolah di daerah Virudhunagar, Tamil Nadu, India. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan deskriptif. Sebanyak 17 buah sekolah telah dipilih di daerah Virudhunagar, Tamil Nadu untuk menjalankan kajian. Seramai 680 murid dipilih secara rawak dengan cara persampelan rawak berstrata. Borang soal selidik, ujian pra dan ujian pasca telah digunakan untuk pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid akan membaca dengan kerap sekiranya mempunyai masa lapang yang banyak. Kebanyakkan murid menyatakan bahawa mereka mendapat motivasi daripada ibubapa dan guru untuk membaca.

A.S.P. Yumna (2021), telah menjalankan sebuah kajian di negara Sri Lanka bagi melihat kesan perbezaan bahasa serantau dan tahap pengetahuan linguistik ibu bapa terhadap kebolehan anak membaca bahasa Tamil.Pengkaji telah menggunakan buku teks, buku cerita, serta teks dalam aplikasi dalam telefon sebagai bahan bacaan. Hasil kajian menunjukkan keadaan lokasi dan tahap pengetahuan linguistik ibu bapa telah menjadi faktor utama dalam penurunan rasa minat terhadap pembacaan bahasa Tamil. Beberapa cadangan telah dicadangkan oleh pengkaji. Antaranya ialah penggunaan bahan digital dalam aktiviti PdPc dan pengumpulan bahan bacaan bahasa Tamil yang sangat diminati oleh anak.

Kajian yang dijalankan oleh Setyaringale (2019) bertujuan meninjau dari aspek kefahaman kritikal dengan menggunakan model prototaip yang menggabungkan model FRF (*Four Resources Framework*) sebagai kerangka teori dan teknik SQ3R sebagai pelaksanaan model. Beliau menjalankan kajian terhadap 39 murid universiti di Indonesia dengan menggunakan kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, ujian, temu bual dan soal selidik. Berdasarkan dapatan kajian, beliau merumuskan bahawa kefahaman kritikal murid dapat dirangsangkan melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan bahan bacaan dan penyoalan beraras tinggi. Beliau turut mengemukakan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh guru ketika pelaksanaan model terhadap kefahaman kritikal. Antaranya ialah pengajaran eksplisit mengenai kefahaman kritikal harus dilakukan semasa sesi pengenalan serta bahan bacaan yang dipilih berdasarkan jenis dan kerumitan teks perlu bersesuaian dengan tahap murid. Selain itu, peruntukan masa juga perlu mencukupi untuk memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian kes yang dijalankan oleh Chen (2017) terhadap enam orang murid tahun empat bertujuan untuk mengkaji kefahaman membaca murid dari pelbagai tahap pencapaian setelah melaksanakan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Enam orang murid yang terlibat adalah dari kategori tahap pencapaian tinggi, sederhana dan rendah. Penilaian kefahaman membaca yang digunakan adalah berdasarkan konsep penilaian antarabangsa PIRLS yang melibatkan keupayaan mengeluarkan maklumat, membuat inferens, menginterpretasi dan mengintegrasi serta menilai dan mengkritik.

Kaedah intervensi yang digunakan dalam kajian beliau ialah teknik *Survey, Question, Read, Recite, Record, Reflect and Review* (SQ5R) yang berasal dari teknik SQ3R dengan penambahan langkah refleksi dan rekod. Berdasarkan hasil pemerhatian dan analisis hasil kerja murid, beliau mendapati tahap kefahaman membaca dan motivasi murid tahun empat telah meningkat. Murid yang berpencapaian rendah dan sederhana menunjukkan peningkatan yang ketara dalam keupayaan mengeluarkan maklumat, membuat inferens, menginterpretasi dan mengintegrasi serta menilai dan mengkritik, manakala murid berpencapaian rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak menunjukkan peningkatan yang ketara. Hasil temu bual daripada lima orang guru juga menunjukkan guru-guru dapat menerima teknik SQ5R sebagai kaedah pengajaran yang berkesan dan bersetuju bahawa teknik ini perlu disokong dan diterapkan dalam proses pengajaran. Selain itu, guru-guru juga berpendapat dalam mengaplikasikan teknik tersebut perlu mengambil kira faktor masa pengajaran dan juga penguasaan guru terhadap teknik SQ5R sebelum didedahkan kepada murid. Beliau menumuskan teknik SQ5R merupakan teknik yang baharu dan juga lama yang bersifat praktikal untuk meningkatkan keupayaan kefahaman membaca murid. Walau bagaimanapun masih terdapat kekurangan pada kajian beliau kerana ia melibatkan bilangan murid yang terlalu sedikit.

Wu et al., (2016) menjalankan kajian kuasi eksperimen ke atas murid tahun enam dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian tersebut mengkaji sistem pembacaan SQRS untuk membantu meningkatkan keupayaan kefahaman membaca. Teknik SQRS adalah *self questioning reading system*, iaitu pembacaan melalui rangsangan penyoalan secara kendiri melalui teknik QAR (*Question Answer Relationship).* Mereka mengkategorikan kefahaman membaca kepada keupayaan mengekstrak maklumat, menyusun dan menjelas serta membuat refleksi dan menilai. Hasil dapatan melalui Ujian-t menunjukkan kumpulan rawatan mencapai hasil pembelajaran yang lebih signifikan berbanding dengan dua kumpulan lagi yang menggunakan teknik penyoalan biasa dan kaedah konvensional. Mereka merumuskan dengan SQ3R, kefahaman membaca murid meningkat terutamanya dalam keupayaan menyusun dan menjelas. Selain itu, keupayaan membuat refleksi dan menilai yang makan tahap pemahaman pada peringkat tertinggi turut mencapai peningkatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusnya, sorotan kajian dari negara Indonesia, China dan Taiwan dapat memberi gambaran jelas mengenai kemahiran-kemahiran yang terlibat dalam kategori kefahaman membaca melalui pelaksanaan pelbagai strategi pengajaran. Oleh itu, kajian-kajian tersebut dapat dijadikan rujukan kepada kajian ini untuk mengkaji tahap penguasaan kefahaman membaca murid tahun tiga mengikut kategori dan kemahiran melalui pendedahan teknik SQ3R.

2.7.4 Kajian Berkaitan Kategori Dan Kemahiran Kefahaman Membaca Di Malaysia

Strategi dan teknik pengajaran amat penting dan ia membawa pengaruh yang besar terhadap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran kefahaman membaca dapat dinilai berdasarkan kategori dan kemahiran-kemahiran yang diuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Looi dan Norfaneliza (2000) menguji pencapaian kefahaman membaca murid tahun lima yang melibatkan kategori kefahaman inferens melalui penggunaan strategi membaca. Strategi membaca yang adalah berfokuskan kepada strategi membuat inferens yang melibatkan kemahiran menginterpretasi terhadap idea utama, sebab-akibat dan isi tersirat. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dan pencapaian murid mengikut pelbagai tahap dapat dikenal pasti melalui pentadbiran ujian pemahaman. Hasil dapatan menunjukkan strategi membuat inferens berkesan dalam meningkatkan kefahaman membaca murid dalam kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan. Murid tahap pencapaian lemah dan sederhana menunjukkan peningkatan dalam memahami teks melalui strategi membuat inferens.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, ujian pemahaman yang ditadbirkan oleh penyelidik adalah berbentuk objektif yang mempunyai lima item aneka pilihan. Bilangan item soalan yang sedikit tidak dapat menguji kefahaman membaca murid secara eksplisit. Selain itu, empat pilihan jawapan yang tersedia memberi peluang kepada murid untuk meneka jawapan. Oleh itu, soalan subjektif perlu ditadbir supaya tahap kefahaman membaca murid dapat diuji dengan lebih tepat, lebih-lebih lagi bagi murid tahun lima yang memerlukan soalan yang beraras tinggi untuk merangsang kemahiran berfikir.

Ooi (2020) menjalankan kajian dengan menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik untuk mengkaji kemahiran membaca dan minat membaca murid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang melibatkan 63 orang murid tahun lima dengan menggunakan instrumen ujian, borang soal selidik dan temu bual. Murid didedahkan kepada empat strategi membaca iaitu meramal, menyoal, menjelas dan merumus melalui Strategi Pengajaran Timbal Balik. Hasil daripada ujian pra dan pasca yang ditadbir menunjukkan kumpulan eksperimen mencapai hasil yang lebih signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan .Selain itu , data yang dikumpul melalui soal selidik dan temu bual menunjukkan minat membaca murid meningkat selepas didedahkan kepada Strategi Pengajaran Timbal Balik.

Kajian yang dijalankan oleh Yahya Che Lah (2014) bertujuan untuk mengenal pasti aras dan kemahiran kefahaman membaca murid tahap II sekolah rendah berdasarkan tahun persekolahan, jantina dan lokasi. Sampel kajian beliau terdiri daripada murid luar bandar dan bandar berjumlah seramai 2014 orang murid. Kefahaman membaca yang diuji adalah berdasarkan kepada kefahaman literal, inferens dan kritikal yang mengandungi 14 kemahiran melalui 50 item aneka pilihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid tahap II sekolah rendah dapat mencapai tahap penguasaan baik dalam kefahaman membaca bahasa Melayu. Selain itu, hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan secara signifkan dalam skor min antara ketiga-tiga kategori kefahaman membaca. Kategori dan kemahiran kefahaman membaca dalam kajian Yahya Che Lah (2014) dapat dijadikan panduan kepada kajian ini untuk menilai kefahaman membaca murid.

2.8 Rumusan

Keberkesanan pengajaran guru amat bergantung kepada teknik pengajaran yang digunakan. Begitu juga dengan pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca yang memerlukan teknik yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan pemahaman. Teknik yang mampu mencapai hasil pembelajaran dapat membawa hasil yang optimum menerusi gaya pengajaran guru. Maka, kajian ini mengaplikasikan teknik SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca yang berlandaskan teori konstruktivisme.

Kajian-kajian lepas juga telah membuktikan bahawa teori konstruktivise dapat mendasari pelaksanaan teknik mengajar terhadap pembelajaran kefahaman membaca dan mencapai hasil pembelajaran secara berkesan. Tinjauan literatur yang dijalankan di luar negara mahupun dalam negara menunjukkan teknik SQ3R telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, kajian yang mengkhususkan kepada pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil dengan penggunaan teknik SQ3R di Malaysia adalah sangat kurang dan tidak cukup banyak untuk dirujuk. Justeru, penggunaan teknik SQ3R perlu dikaji bagi melihat kesannya terhadap pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil dalam konteks sekolah rendah di Malaysia. Selain itu, penguasaan kefahaman membaca ditinjau dari pelbagai kategori dan kemahiran yang terlihat melalui sorotan kajian yang telah dilakukan.

Secara rumusnya, tinjauan literatur yang berkaitan dengan konsep kefahaman membaca dan teori konstruktivisme telah dibincangkan dalam bab ini. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan teknik SQ3R serta kategori dan kemahiran kefahaman membaca juga dibincangkan untuk dijadikan sokongan kepada kajian ini. Perbincangan ini juga dapat memberi hala tuju dan idea yang jelas bagi melengkapkan dan memantapkan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang merangkumi proses mengumpul dan menganalisis data. Metodologi merangkumi pendekatan, populasi dan sampel kajian, instrumen, kajian rintis, prosedur untuk mengumpul dan menganalisis data, serta teknik untuk membentuk, mengumpul, dan menganalisis data untuk menghasilkan bukti yang boleh dipercayai. Matlamat setiap perbincangan adalah untuk melihat bagaimana teknik SQ3R memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan murid dalam pemahaman bacaan, penguasaan mereka dalam kategori literal, inferensi dan kritikal, dan tahap penerimaan mereka terhadap kaedah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kuantitatif berasaskan reka bentuk kuasi eksperimen yang merangkumi ujian pra dan ujian pasca untuk melihat perbezaan setiap keputusan yang diperolehi (Shuhada Nasuha Hairol Azli, Mohd Afifi Bahurudin Setambah, A Rahim, 2023). Penyiasat boleh menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen jika individu tidak boleh dipilih secara rawak (Creswell, 2018). Reka bentuk kajian ini memerlukan pengkaji memilih sampel berbanding populasi sebenar (Fraenkel, Wallen dan Hyun (2012). Sampel dalam kajian kuasi eksperimen tidak memerlukan saiz sampel yang besar seperti yang digunakan dalam kajian rakan sebaya (Fraenkel et al., 2012; Creswell, 2018).

Oleh itu, kajian ini memilih reka bentuk kuasi eksperimen kerana kedua-dua kumpulan yang digunakan dalam kajian ini tersedia tanpa mengubah pencapaian, jantina atau kedudukan. Manakala pemilihan rawak hanya dijalankan ke atas kumpulan untuk dijadikan kumpulan penyelenggaraan dan kumpulan kawalan.

Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra ujian kumpulan kawalan bukan setara. Menurut Creswell (2018), ia merujuk kepada pemboleh ubah bersandar diukur dalam satu kumpulan peserta sebelum dan selepas rawatan serta kumpulan kawalan tidak seimbang yang tidak menerima sebarang rawatan dalam ujian pra dan pasca.

Mengikut Jadual 3.1, 01 dan 03 merupakan pelaksanaan ujian pra, manakala 02 dan 04 adalah pelaksanaan ujian pasca. X1 adalah kaedah intervensi, iaitu teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SQ3R yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan manakala X2 adalah merupakan kaedah konvensional yang dijalankan ke atas kumpulan kawalan.

Memandangkan kedua-dua kumpulan murid dipilih secara terus berdasarkan laporan penilaian bilik darjah yang disediakan oleh guru, ujian pra telah dijalankan untuk kedua-dua kumpulan penyelenggaraan dan kumpulan kawalan untuk menentukan tahap kefahaman bacaan semasa mereka. Selepas sesi pembelajaran selesai, kedua-dua set diuji semula.

Satu eksperimen kuasi telah direka bentuk untuk melihat keputusan penggunaan kaedah SQ3R terhadap pencapaian murid dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hal ini juga dilakukan untuk membandingkan kesan kaedah konvensional terhadap kumpulan kawalan dalam pemahaman bacaan. Reka bentuk kuasi eksperimen yang dijalankan dalam penyelidikan ini dibentangkan dalam Jadual 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Reka Bentuk Ujian Pra Dan Pasca Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Kumpulan	Ujian Pra	Kaedah	Ujian Pasca
Kawalan	O_1	X_1	O_2
Rawatan	O_3	X_2	O_4

(Sumber dari Creswell, 2018)

Petunjuk:
O_1 O_3 = Ujian pra X_1 = Teknik SQ3R
O_2 O_4 = Ujian pasca X_2 = Kaedah Konvensional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell (2018), menjelaskan pemboleh ubah merujuk kepada ciri atau sifat individu atau sesuatu organisasi yang dapat diukur atau diperhatikan. Pemboleh ubah dapat dikategorikan kepada pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar yang merupakan kaedah yang umum dan berguna dalam penyelidikan. Pemboleh ubah tidak bersandar merupakan pemboleh ubah yang dikaji untuk menilai kesannya terhadap satu atau lebih pemboleh ubah yang lain. Hal ini bermaksud pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah yang lain, manakala pemboleh ubah bersandar pula bergantung dan dipengaruhi oleh pemboleh ubah tidak bersandar.

Dalam kajian ini, teknik SQ3R merupakan pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bersandar adalah pencapaian murid dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Hal ini bermaksud teknik SQ3R sebagai kaedah rawatan digunakan ke atas kumpulan rawatan untuk melihat kesannya terhadap pencapaian murid dalam kefahaman membaca. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah dapat ditunjukkan dalam rajah 3.1 seperti berikut.

Rajah 3.1

Pemboleh ubah kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi Dan Sampel

Menurut Nidia Suriani, Risnita, M. Syahran Jailan (2023), populasi ialah keseluruhan objek kajian yang terdiri daripada manusia, haiwan, objek, tumbuhan, fenomena, gejala dan peristiwa lain yang mempunyai ciri-ciri tertentu dalam sesuatu kajian. NurAisya Atierah Mohd Azahar, Nor Hayati Sa'at dan NorFatiha Othman (2024) dalam kajiannya menyatakan bahawa populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji atau kumpulan yang akan digunakan untuk menggeneralisasikan keputusan kajian. Selain itu, responden kajian yang dipilih untuk mewakili populasi dikenali sebagai sampel kajian. Penetapan populasi kajian adalah penting kerana ia akan menentukan kaedah, jumlah sampel dan perbelanjaan kajian.

Manakala menurut Fraenkel et al., (2012), populasi merupakan kumpulan individu atau benda yang lebih besar berada dalam konteks penyelidik yang hendak dikaji. Populasi terdiri daripada populasi sasaran dan populasi capaian. Populasi sasaran merujuk kepada populasi yang ingin dikaji untuk tujuan membuat generalisasi. Namun, populasi sasaran yang ingin digeneralisasi jarang diperoleh. Oleh itu, ia juga dikenali sebagai populasi pilihan ideal. Populasi capaian pula lebih bersifat realistik dan kebanyakan penyelidik menggunakannya untuk membuat generalisasi bagi dapatan kajian. Sampel pula merujuk kepada kumpulan kecil daripada populasi capaian yang menjadi sasaran penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Dalam kajian ini, populasi sasaran adalah semua murid tahun tiga yang belajar di SJKT dalam Malaysia. Populasi yang boleh dicapai adalah murid tahun tiga di dua


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buah SJKT di daerah Sepang, Selangor. Seramai 63 orang murid akan dijadikan sampel bagi kajian ini.

Rajah 3.2

Populasi sasaran, populasi capaian dan sampel



Kajian ini menggunakan murid tahun tiga sebagai sampel kajian berdasarkan beberapa ciri-ciri seperti berikut:

i. Perkembangan kognitif murid pada umur 9 hingga 11 tahun berada pada tahap operasi konkrit dan pemikiran secara abstrak turut berkembang. Murid berupaya memahami konsep, membuat hipotesis yang mudah serta berfikir secara logik. (Li.S.P, 2019).

ii. Kajian Emmi Silvia Herlina (2019) mengatakan bahawa tahap perkembangan membaca Chall (1983) menunjukkan murid berumur 9-10 tahun mampu membaca secara kendiri dengan lancar dan cekap. Chall menambah pada tahap ini motivasi untuk membaca dah berubah. Perubahan dari "*learning to read"* menuju "*reading to learn* "akan berlaku. Pada tahap ini, murid-murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca teks adalah untuk memperoleh informasi dan perbendaharaan mereka semakin berkembang pesat.

iii. Teori perkembangan kognitif yang dikemukakan oleh Jean Piaget menyatakan semasa peringkat umur 7-11 tahun, kanak-kanak mula berfikir secara logik mengenai peristiwa konkrit. Mereka mula memahami konsep pemuliharaan dan boleh mengelaskan objek kepada kumpulan yang berbeza. (Isnani Fauziah Septiyanti, Sutrisna Wibawa, Yuyun Yulia & Berliana Henu Cahyani,2023).

Secara rumusnya, kajian ini memilih murid tahun tiga sebagai sampel kerana perkembangan kognitif mereka yang mula berkembang pesat dan kukuh. Sebelum mereka memasuki tahun 4, mereka perlu menguasai teknik membaca supaya dapat membaca dengan lebih lancar. Tambahan pula, keupayaan kefahaman membaca juga meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Teknik Persampelan

Persampelan bukan kebarangkalian digunakan dalam penyelidikan ini. Hal ini kerana ciri-ciri sampel tertentu diperlukan untuk tujuan penyelidikan. Penggunaan pensampelan bukan kebarangkalian hanya dilakukan dalam situasi di mana saiz populasi tidak dapat dipastikan atau diketahui dan tidak digunakan untuk menyamaratakan populasi. (Fung Yen Chong & Laimah Sungap, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persampelan bertujuan dilakukan berdasarkan demografi dan ciri-ciri sampel seperti berikut.

i. Murid merupakan kaum India dan bahasa pertuturannya adalah bahasa Tamil.
ii. Murid-murid ini mempunyai pengalaman pembelajaran di SJKT
iii. Tahap pencapaian murid dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil adalah berada pada tahap sederhana.

3.4.1 Sampel Kajian

Sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah berbeza dari dua buah SJKT. Dua buah kelas tahun tiga akan terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, sebuah kelas tahun 3 dari Sekolah A akan dijadikan kumpulan rawatan manakala sebuah kelas tahun 3 sekolah B akan dijadikan sebagai kumpulan kawalan.

Walaupun sampel kajian dari sekolah yang berlainan, namun situasi pembelajaran dan pengalaman belajar bagi sampel adalah lebih kurang sama. Kedua-dua sekolah terletak di lokasi bandar. Murid-murid dari kedua -dua kelas hampir sama dari segi tahap penguasaan kefahaman membaca berdasarkan Laporan Pentaksiran Bilik Darjah yang diberikan oleh pihak sekolah. Murid-murid ini juga diuji kesetaraan dari segi tahap penguasaan kefahaman membaca melalui pelaksanaan Ujian Pra Pemahaman Bacaan (UPB). Hal ini adalah untuk memastikan sampel bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah homogen dan setara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, bilangan murid bagi kedua-dua kelas adalah lebih kurang sama, iaitu seramai 32 murid dalam kelas Sekolah A manakala 31 murid di sekolah B. Perkara ini menepati reka bentuk kuasi-eksperimen yang mencadangkan sampel minimum seramai 25 individu dalam satu kumpulan untuk memperoleh hasil dapatan yang memuaskan (Chua,2016). Hal ini menjadikan seramai 63 murid menjadi sampel kajian. Tambahan pula, sampel dari kedua-dua kelas adalah kaum India, belajar dalam bahasa Tamil dan taburan jantina juga lebih kurang sama. Jadual 3.2 menunjukkan bilangan sampel kajian bagi kedua-dua kumpulan mengikut jantina.

Jadual 3.2

Bilangan Murid Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Mengikut Jantina

Kumpulan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Rawatan	15	17	32
Kawalan	13	18	31
Jumlah murid			63

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Guru-Guru Yang Terlibat Dalam Kajian

Seramai dua orang guru terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Kedua-dua guru yang terlibat adalah merupakan guru perempuan dan beropsyen bahasa Tamil. Guru A yang mengajar kumpulan rawatan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Tamil selama 23 tahun, manakala guru B yang mengajar kumpulan kawalan pula mempunyai pengalaman mengajar selama 26

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun. Jadual 3.3 merupakan latar belakang bagi kedua-dua guru yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3.3

Latar Belakang Guru-Guru Yang Terlibat Dalam Kajian

Guru	Kumpulan	Latar Belakang
Guru A	Rawatan	• Berumur 47 tahun
		• Diploma perguruan dalam bidang bahasa Tamil (IPG Kampus Raja Melewar)
		• Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Tamil selama 23 tahun
		• Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Tamil)
Guru B	Kawalan	• Berumur 53 tahun
		• Diploma perguruan dalam bidang bahasa Tamil (IPG Kampus Tuanku Bainun)
		• Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Tamil selama 26 tahun
		• Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Tamil dan Matematik)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Instrumen

Menurut Cresswell, 2028 satu alat yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan penyelidikan ialah instrumen. Ia terdiri daripada soalan, ujian, temu bual dan pemerhatian, yang digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan untuk mencapai objektif penyiasatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Ujian Kefahaman Bacaan (UPB) dan borang soal selidik penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam aktiviti PdPc telah digunakan sebagai instrumen kajian. Maklumat mengenai instrumen ini terdapat dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Instrumen Untuk Menjawab Persoalan Kajian

Instrumen	Persoalan Kajian
UPB (Ujian pra dan ujian pasca)	1.Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan? 2.Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?
Borang soal selidik	3.Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Ujian Pra Dan Pasca Pemahaman Bacaan (UPB)

Menurut Ngu Keh Hee dan Siti Mistima Maat (2022), ujian pra dan ujian pasca dikenali sebagai alat pengukuran untuk menilai tahap pencapaian murid sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Ujian pra dijalankan sebelum rawatan dilaksanakan. Manakala ujian pasca dijalankan selepas rawatan dilaksanakan. Instrumen ujian perlu dibina dengan teliti supaya ia bersesuaian untuk menggambarkan pencapaian sebenar murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat lima langkah yang perlu diikuti dalam pembinaan instrumen ujian (Mok, 2008). Langkah-langkah tersebut meliputi penetapan tujuan ujian, penetapan kandungan ujian, pembentukan jadual spesifikasi ujian (JSU), penulisan item ujian serta penyemakan dan pemurnian item soalan.

Dalam kajian ini, ujian yang dibina dikenali sebagai Ujian Pemahaman Bacaan (UPB). Menurut Wan Dyarudin Wan Mustappa (2017) UPB dijalankan dengan bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian antara kedua-dua kumpulan sebelum dan selepas pelaksanaan proses pembelajaran kefahaman membaca. Ujian UPB diberikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan (Rujuk Lampiran A). Ia digunakan bagi mengukur tahap kefahaman membaca murid dan menentukan tiada perbezaan signifikan antara kedua-dua kumpulan. Ia juga bertujuan untuk memastikan aras pemahaman bagi kedua-dua kumpulan adalah sama. Ini penting supaya dapat meningkatkan kesahan dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas mendapatkan tujuan ujian, kandungan ujian perlu ditentukan dari segi pemilihan petikan dan juga item-item soalan yang dibina. Petikan yang digunakan dalam ujian UPB adalah dipilih dari buku latihan bahasa Tamil Tahun 3. Teks naratif yang terkandung dalm buku teks tidak digunakan dalam kajian ini. Hal ini adalah bagi memastikan kesahihan dapatan kajian. Petikan dalam ujian UPB adalah bertemakan keselamatan kanak-kanak.

UPB yang disediakan mengandungi sebuah petikan yang terdiri daripada lapan soalan pemahaman berdasarkan tiga kategori kefahaman membaca, iaitu literal, inferens dan kritikal. Sebanyak 3 soalan telah diberi berdasarkan kefahaman literal, 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan berdasarkan kefahaman inferens manakala 2 soalan bagi kategori kefahaman kritikal. Segala format dan bentuk soalan yang digubal adalah berdasarkan kepada bentuk soalan yang terkandung dalam buku aktiviti jilid 1 dan jilid 2 bahasa Tamil Tahun Tiga SJKT.

Kelapan-lapan soalan adalah berbentuk objektif dan juga subjektif. Daripada lapan soalan, enam soalan adalah jenis objektif, iaitu dalam bentuk jawapan pendek, dalam bentuk pelbagai pilihan, berkelas dan padan. Manakala dua soalan lagi adalah subjektif. Semua soalan menguji kebolehan seperti mengkritik makna perkataan, mengkritik isi tersurat, mengenal pasti rangkaian peristiwa, mentafsir isi tersirat, membuat perbandingan, mentafsir konsep utama, menilai, dan mencari nilai pembelajaran dalam teks bacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum pembinaan soalan ujian UPB, pengkaji telah mengubal Jadual Spesifik Ujian (JSU). Pengubalan ini bertujuan untuk memastikan pemberatan dan aras soalan sesuai dengan kebolehan murid dan menepati standard pembelajaran. Ujian ini mengandungi sebuah petikan yang berbentuk teks naratif dengan lapan soalan yang terdiri daripada tiga soalan aras rendah, tiga soalan aras sederhana dan dua soalan aras tinggi seperti yang terkandung dalam JSU yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Jadual Spesifikasi Ujian Bagi Ujian Pemahaman Bacaan (UPB)

Kategori	Kemahiran	Aras Kesukaran			Jumlah markah
		Rendah	Sederhana	Tinggi	
Literal	1.1Mengecam makna, perkataan dan frasa	1			4
	1.2 Mengecam isi tersurat	1			4
	1.3 Mengenal pasti urutan peristiwa		1		4
Inferens	F1 Mentafsir isi tersirat	1			4
	F2 Membuat perbandingan		1		4
	F3 Mentafsir idea utama		1		4
Kritikal	K1 Menilai			1	3
	K2 Mengenal pasti nilai pengajaran			1	3
	Jumlah	3	3	2	
	Jumlah soalan keseluruhan		8		
	Jumlah Skor				30
	Tempoh penilaian		60 minit		

Bagi ujian pasca UPB, set soalan yang sama digunakan dengan ujian pra. Skema jawapan bagi ujian UPB turut disediakan untuk memudahkan penyemakan jawapan.

Cara pemarkahan turut ditentukan selepas penyediaan item soalan dan skema jawapan disediakan. Dari segi pemarkahan, UPB mengandungi markah sebanyak 30. Kemudian markah ujian diterjemahkan dalam bentuk peratusan (%) dengan pengiraan formula: markah yang diperoleh / 30 x 100%. Masa yang diperuntukan untuk menjawab ujian adalah sebanyak 60 minit. Gred pemarkahan yang terkandung dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rubrik menggunakan penetapan gred mengikut UPSR yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Julat Gred Markah Penentuan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi UPB

Julat Markah (%)	Skala Gred	Catatan
80-100	A	Cemerlang
65-79	B	Baik
50-64	C	Memuaskan
40-49	D	Mencapai tahap minimum
0-39	E	Belum mencapai tahap minimum

(Sumber dari Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pentadbiran UPB, skor ujian pasca dalam bentuk peratus dikira dan seterusnya mendapatkan min keseluruhan bagi kedua-dua kumpulan untuk dibuat perbandingan. Seterusnya, markah min pra dan pasca peperiksaan bagi kumpulan rawatan dibandingkan sebelum dan selepas intervensi. Dengan cara ini, impak kaedah SQ3R terhadap pencapaian am murid dalam pembelajaran pemahaman bacaan dapat dikenalpasti.

Namun, skala gred yang digunakan hanya dapat menunjukkan pencapaian murid dalam kefahaman membaca secara keseluruhan. Oleh itu, tahap penguasaan kefahaman membaca perlu diberi keutamaan berdasarkan setiap kategori kefahaman supaya dapat mengesan kategori kefahaman membaca yang dapat dikuasai atau tidak dikuasai oleh murid selepas menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui pengesanan ini, pengaruh teknik SQ3R terhadap setiap kategori kefahaman membaca dapat ditentukan secara lebih terperinci dan eksplisit.

Seterusnya, pengukuran tahap penguasaan kefahaman membaca dalam kajian ini adalah berdasarkan Standard Prestasi yang ditetapkan oleh KPM. Terdapat enam tahap penguasaan yang terkandung dalam Standard Prestasi kemahiran membaca bahasa Tamil iaitu Tahap 1, Masih belum menguasai: Tahap 2, Memerlukan penambahbaikan: Tahap 3, Dapat menguasai: Tahap 4, Memuaskan: Tahap 5, Sangat baik: Tahap 6, Cemerlang (KPM, 2017). Tafsiran umum bagi tahap penguasaan telah diubahsuai supaya ia selari dengan objektif kajian ini, walaupun begitu ia masih mengikut tetapan seperti yang terkandung dalam DSKP bahasa Tamil tahun 3.

Tahap penguasaan kefahaman membaca dalam kajian ini diukur berdasarkan skor min bagi kemahiran-kemahiran dalam setiap kategori dan ditentukan berdasarkan piawaian yang ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7

Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Mengikut Kategori

Pemahaman	Skor Min	Tahap penguasaan	Tafsiran Umum
Kategori Literal	0-1.99	1	Masih belum menguasai kefahaman literal
	2.00-3.99	2	Memerlukan penambahbaikan dalam kefahaman literal
	4.00-5.99	3	Dapat menguasai kefahaman literal
	6.00-7.99	4	Mencapai tahap memuaskan dalam kefahaman literal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemahaman	Skor Min	Tahap penguasaan	Tafsiran Umum
	8.00-9.99	5	Mencapai tahap sangat baik dalam kefahaman literal
	10.00-12.00	6	Mencapai tahap cemerlang dalam kefahaman literal
Kategori Inferens	0-1.99	1	Masih belum menguasai kefahaman inferens
	2.00-3.99	2	Memerlukan penambaikan dalam kefahaman inferens
	4.00-5.99	3	Dapat menguasai kefahaman inferens
	6.00-7.99	4	Mencapai tahap memuaskan dalam kefahaman inferens
	8.00-9.99	5	Mencapai tahap sangat baik dalam kefahaman inferens
	10.00-12.00	6	Mencapai tahap cemerlang dalam kefahaman inferens
Kategori Kritikal	0-0.99	1	Masih belum menguasai kefahaman kritikal
	1.00-1.99	2	Memerlukan penambaikan dalam kefahaman kritikal
	2.00-2.99	3	Dapat menguasai kefahaman kritikal
	3.00-3.99	4	Mencapai tahap memuaskan dalam kefahaman kritikal
	4.00-4.99	5	Mencapai tahap sangat baik dalam kefahaman kritikal
	5.00-6.00	6	Mencapai tahap cemerlang dalam kefahaman kritikal

Diadaptasi dari DSKP bahasa Tamil tahun 3, 2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah item-item soalan UPB bersama skema jawapan dan cara pemarkahan dibina, penyemakan dan pemurniaan item soalan perlu dilaksanakan. Item-item soalan meliputi aspek bahasa, kandungan dan struktur perlu disemak supaya ia tidak menimbulkan sebarang kesilapan sebelum diuji kepada murid. Penyemakan dan pemurnian dibincangkan secara lanjut pada bahagian 3.8.1 kesahan instrumen.

3.5.2 Soal Selidik

Seperti yang dinyatakan oleh kajian Vinoothini Mannogaran dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023), soal selidik ialah satu set soalan yang digunakan sama ada dalam bentuk cetak atau dalam talian yang membantu para pengkaji mendapatkan atau mengutip data kajian secara individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang perkara seperti fakta-fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya. Selain itu, ia boleh meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas atau jawapan responden sambil tidak dipengaruhi oleh tingkah laku atau personaliti penyelidik. Selain itu, responden berasa yakin untuk memberikan jawapan yang tepat dan berani. Salah satu kaedah mudah untuk mendapatkan data ialah soal selidik. Kajian menggunakan borang soal selidik kerana ia adalah persampelan yang praktikal untuk sampel yang besar berbanding dengan pemerhatian dan temu bual. (Zakaria bin Saad, Baskaran Subramaniam, Malar Muthiah et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Architha Aithal dan P.S. Aithal (2020) pula mengatakan bahawa soal selidik sesuai digunakan untuk mengenal pasti fakta-fakta bagi menguji hipotesis atau pemboleh ubah yang hendak diukur melalui item-item yang dibina. Setiap item yang digunakan dalam soal selidik hendaklah ditujukan kepada satu isu sahaja dan mengelakkan soalan utama yang menghasilkan respons berat sebelah diperlukan.

Dalam kajian ini, soal selidik tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R telah dibina (Rujuk Lampiran C). Kajian Zazila Shafinaz Zaharon Lai dan Ahmad Nurzid Rosli (2021) ada menyatakan bahawa soal selidik bentuk berstruktur digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Soal selidik berstruktur merujuk kepada soal selidik yang telah tersedia butiran jawapan dan responden hanya perlu memilih jawapan pilihannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik ini bertujuan untuk menentukan tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian seperti berikut:

i. Bahagian A: Demografi murid yang mengandungi item berkenaan dengan jantina untuk mengetahui latar belakang responden.
ii. Bahagian B: Tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R yang mengandungi 15 item bertujuan mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan.

Menurut kajian Dinda Fransiska (2023), skala likert adalah skala yang digunakan untuk mengukur persepsi, sikap atau pendapat seseorang atau kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang peristiwa atau fenomena sosial. Skala Likert juga boleh digunakan untuk menilai sejauh mana responden bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan yang disusun pada skala.

Manakala kajian Muhammad Aldy Firmansyah dan Ahmad Jazuli (2023) menyatakan bahawa skala Likert digunakan untuk mengukur persepsi, sikap atau pendapat seseorang atau kelompok tentang peristiwa atau fenomena sosial. Dalam skala Likert, terdapat dua jenis pertanyaan iaitu pertanyaan yang positif untuk mengukur skala positif dan pertanyaan yang negatif untuk mengukur skala negatif.

Kajian ini menggunakan Skala Likert Empat Mata iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju. Soal selidik ini tidak menggunakan Skala Likert Lima Mata dengan penambahan pilihan "Tidak pasti" kerana Nedler, Weston dan Voyler (2015) menyatakan bahawa pilihan "Tidak pasti" memberi kecenderungan kepada data yang mengelirukan. Soal selidik ini menggunakan emotikon bagi mewakili setiap skala likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8 yang berikut

Jadual 3.8

Nilai Skala Likert 4 Dan Indikatornya

Nilai Skala	Indicator	Emotikon
1	Sangat Tidak Setuju (STS)	
2	Tidak Setuju (TS)	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai Skala	Indicator	Emotikon
3	Setuju (S)	
4	Sangat Setuju (SS)	

Selepas 32 orang murid menjawab borang soal selidik, skor min dikira dan tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dikenal pasti melalui ukuran yang ditetapkan seperti Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Ukuran Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R

Skor min	Ukuran Tahap Penerimaan
3.00 - 4.00	Tinggi
2.00 - 2.99	Sederhana
1.00 - 1.99	Rendah

(Sumber dari Awatif et al., 2016)

Item-item soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian lepas oleh Smith (2017) yang menggunakan bahasa Inggeris. Menurut Harkness dan Schoua-Glusberg (1998), terjemahan bahasa diperlukan sekiranya instrumen soal selidik tidak tersedia dalam bahasa yang diperlukan. Item-item soal selidik ini telah diterjemahkan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Tamil bagi memudahkan pengkaji membuat dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penggunaan prosedur terjemahan yang betul adalah sangat penting bagi menghasilkan soal selidik yang sah. Terdapat tiga kaedah penterjemahan utama yang boleh digunakan untuk menterjemahkan item dalam soal selidik, iaitu terjemahan langsung *(direct translation),* terjemahan semula *(back translation)* dan terjemahan selari *(parallel translation)* (Anne Wil Harzing, Reiche B. Sebastian, & Markus Pudelko, 2013). Terjemahan semula *(back translation)* melibatkan penterjemahan teks yang kemudian terjemah kembali kepada bahasa asal. Terjemahan semula merupakan kaedah terjemahan yang paling digunakan dan diterima secara meluas sebagai kaedah yang paling berkesan untuk menterjemahkan soal selidik berbanding dengan kaedah terjemahan yang lain (Megorry, 2000; Harkness dan Schoua-Glusberg, 1998).

Kajian ini menggunakan terjemahan semula (*back translation*) dalam pembinaan item-item soal selidik. Item-item yang dibina dapat memudahkan murid memahami dan menjawab item dalam borang soal selidik tersebut. Sebelum melakukan terjemahan semula, tiga orang pakar bahasa Tamil-Inggeris dari sekolah rendah yang berlainan dijemput untuk melakukan penterjemahan. Pemilihan penterjemah adalah bahagian penting dalam proses terjemahan kerana ia menentukan kualiti inventori terjemahan yang dihasilkan. Penerjemah mesti mempunyai pemahaman yang kukuh tentang kedua-dua budaya dan pengalaman menerjemah daripada sumber asal dan bahasa asal (Brislin 1976; Sarah Waheeda Muhammad Hafidz, 2017; Linda Jamaludin, 2020).

Ketiga-tiga pakar bahasa ini merupakan ketua panitia bahasa Tamil dan Ketua Panitia bahasa Inggeris di sekolah masing-masing yang mempunyai keupayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dwibahasa yang tinggi. Penterjemahan ini bermula dengan guru A yang menterjemahkan soal selidik dari bahasa Inggeris kepada bahasa Tamil. Kemudian diikuti dengan guru B yang akan menterjemahkan soal selidik versi bahasa Tamil kepada bahasa Inggeris. Manakala, guru C pula menilai konsistensi makna dan bahasa antara item-item asal dengan item-item yang telah diterjemahkan untuk tujuan pengesahan ketepatan terjemahan. Dengan ini, kesetaraan item-item dalam soal selidik dapat diuji.

Dalam kajian ini, sebanyak 15 item telah dibina untuk mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Kajian Smith (2017), dijadikan rujukan kepada item-item yang dibina dalam soal selidik. Tujuh daripada item-item tersebut telah diambil secara terus dan diterjemah daripada soal selidik dalam kajian Smith, manakala lapan item yang lain telah diubahsuai untuk menepati tujuan kajian ini. Item-item lain dalam soal selidik kajian Smith tidak digunakan kerana tidak bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Kandungan item yang telah digunakan dalam soal selidik ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.10 berikut. Jadual 3.11 menunjukkan penggubalan 15 item dalam borang soal selidik tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Kandungan Soal Selidik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R yang diadaptasi daripada kajian "The impact of three content literacy strategies on student learning and the perceptions of these strategies hels by fifth-grade teachers and students" oleh Smith, (2017).

Bahagian	Aspek yang diukur	No./ Bil Item	Cara Mentadbir
A	Demografi	1	Mengambil secara terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian	Aspek yang diukur	No./ Bil Item	Cara Mentadbir
B	Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R	1,2,3,4,7,10,11 5,6,8,9,12,13,14,15	Mengambil secara terus Mengubah suai

Jadual 3.11

Kandungan Item Dalam Borang Soal Selidik

Item /Kenyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
	1	2	3	4
1. Teknik SQ3R sangat menarik.				
2. Teknik SQ3R mudah digunakan.				
3. Saya boleh menerima teknik SQ3R.				
4. Saya suka menggunakan teknik SQ3R				
5. Saya tahu menggunakan teknik SQ3R				
6. Teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran.				
7. Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran.				
8. Saya sedaya upaya mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.				
9. Saya akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks.				
10. Saya lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R.				

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item /Kenyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
	1	2	3	4
11.Saya berpuas hati dengan prestasi saya ketika menggunakan teknik SQ3R.				
12.Teknik SQ3R membantu saya meningkatkan keupayaan kefahaman membaca.				
13. Saya lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman membaca setelah menggunakan teknik SQ3R.				
14. Guru dapat memberi peluang kepada saya untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran di dalam kelas.				
15. Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain.				
Jumlah				
Tahap Penerimaan				

Nota : Tahap rendah skor min 1.00-2.00; Sederhana 2.01-3.00;tinggi 3.01-4.00

3.6 Pelaksanaan Teknik SQ3R

Membaca intensif merupakan membaca teks pendek untuk menemukan informasi dan mengembangkan ketepatan dalam memahami teks secara terperinci. Seterusnya, teknik SQ3R sesuai untuk pembelajaran kefahaman secara mendalam melalui bacaan insentif (Syamsul, 2021). Oleh itu, teknik SQ3R merupakan intervensi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diaplikasikan oleh kumpulan rawatan semasa pembelajaran kefahaman membaca selama 6 minggu berturut-turut.

Dalam kajian ini, pelaksanaan teknik SQ3R telah diubahsuai supaya:

i. Ia sesuai untuk diaplikasikan kepada murid tahun tiga yang merupakan subjek dalam kajian ini.

ii. Dapat menyesuaikan dengan format teks naratif dan menepati objektif kefahaman membaca

iii. Dapat diaplikasikan dalam PdPc di dalam bilik darjah

Pelaksanaan teknik SQ3R dalam kajian ini meliputi lima langkah, iaitu Tinjau (*Survey*), Tanya (*Question*), Baca (*Read*), Imbas Kembali (*Recite*) dan Baca Semula (*Review*). Penerangan pelaksanaan bagi setiap langkah bagi kumpulan rawatan adalah seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Langkah1: Tinjau *(Survey)*

Murid mengimbas tajuk teks, gambar, senarai perbendaharaan kata, nota kecil pada teks naratif terlebih dahulu (Rujuk Lampiran D). Bacaan sekilas (*skimming)* dilakukan bagi mendapat gambaran keseluruhan mengenai teks. Hal ini membantu murid membina konsep awal tentang kandungan teks dan membentuk asas pemahaman. Selepas mengimbas, murid membaca teks secara bersuara dengan sepintas lalu.

ii. Langkah 2: Tanya *(Question)*

Guru berfungsi sebagai demonstrator dan mereka boleh memberi inspirasi kepada murid mereka untuk melakukan perkara yang sama atau malah menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih baik. (Dea Kiki Yestiani & Nabila Zahwa, 2020). Selain itu, Smith (2017) dalam kajian beliau menyatakan bahawa guru perlu mendemonstrasi dan membimbing murid cara membina soalan berdasarkan teks yang dibaca supaya murid dapat belajar secara aktif. Oleh itu, kajian ini menggunakan cadangan Smith (2017) dengan penyediaan helaian kertas yang tertera kata tanya sebagai panduan untuk membantu murid membina soalan (Rujuk Lampiran E).

Semasa aktiviti PdPc guru telah menunjukkan cara membina soalan dengan menggunakan teknik penyoalan *5W1H*. Soalan yang dibina adalah mengikut kesesuaian berdasarkan kandungan teks naratif yang meliputi soalan beraras rendah dan tinggi seperti mengenal pasti idea utama dan nilai pengajaran.

Murid membina soalan berdasarkan kategori literal, inferens dan kritikal dengan menggunakan teknik *5W1H*. Contoh soalan yang dibina mengikut kategori kefahaman membaca ditunjukkan dalam Jadual 3.12.

Jadual 3.12

Contoh Soalan Mengikut Kategori Kefahaman Membaca

Soalan 5W1H	Contoh Soalan	Kategori	Aras
What (Apa)	Apakah nilai pengajaran yang terdapat dalam teks ini?	Kritikal	Tinggi
Where (Di mana)	Di manakah kejadian ini berlaku?	Literal	Rendah
When (Bila)	Bilakah Seelan membantu Saravanan untuk menyiapkan kerja rumah?	Literal	Rendah
Keseragaman various (Homogeneity of Variances) dapat ditentukan dengan menggunakan skor ujian pra Pemahaman Bacaaan (UPB) bagi kumpulan rawatan dan kawalan. Merujuk kepada jadual 4.1 Ujian keseragaman UPB, ujian bagi kehomogenan varian menunjukkan [F (61) = 0.369, p= 0.546>0.05] dengan nilai signifikan (sig) bagi hasil ujian *Levene* ialah 0.546. Hal ini menunjukkan ujian *Levene's* tidak signifikan kerana nilai p=0.546 adalah lebih besar daripada 0.05.

Keputusan ujian *Levene* ini membuktikan bahawa varian bagi populasi bagi kedua-dua kumpulan adalah sama. Maka kedua-dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah homogen dan setara dari segi tahap kefahaman membaca menerusi skor pencapaian pra UPB. Dengan ini, ujian yang menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

statistik parametrik, iaitu Ujian-t Sampel Bebas boleh dijalankan. Ujian keseragaman UPB ditunjukkan dalam Jadual 4.1 seperti berikut.

Jadual 4.1

Ujian Keseragaman UPB

		Ujian *Levene* untuk Kesamaan Varian		Ujian -t untuk Kesamaan Min			
		F	*Sig.*	*T*	*df*	*Sig 2-tailed*	Perbezaan min
Beza Skor UPB	Varian bagi kumpulan sampel adalah sama	0.369	0.546	0.141	61	0.889	0.569
	Varian bagi kumpulan adalah berbeza			0.141	60.97	0.889	0.569

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Ujian Normaliti

Ujian normaliti juga merupakan prasyarat yang perlu dijalankan sebelum menganalisis data dengan menggunakan ujian parametrik seperti Ujian-t. Data kajian perlu bertaburan secara normal atau menghampiri normal supaya ujian parametrik boleh dipercayai. Menurut Fida Nur Kholidah dan Noor Amirudin (2023), sebelum menjalankan analisis regresi mudah, langkah pertama ialah melakukannya ujian normaliti ke atas data kajian. Tujuan menjalankan ujian normaliti adalah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengetahui ia adalah sama dengan data yang diperoleh oleh penyelidik taburan normal atau tidak.

Ujian statistik seperti Ujian *Kolmogorov-Smirnov* dan ujian *Shapiro-Wilk* digunakan untuk menentukan sama ada taburan adalah normal. Kedua-dua ujian sensitif terhadap *outliers* dan dipengaruhi oleh saiz sampel. Untuk sampel yang lebih kecil, kemungkinan taburan tidak normal sukar dikesan. Oleh itu, ujian *Shapiro-Wilk* lebih sesuai kerana secara umumnya ia lebih sensitif. Ujian *Shapiro-Wilk* juga digunakan sekiranya bilangan sampel tidak lebih daripada 50 orang (Mishra et al., 2019). Manakala Thode (2002), dalam kajiannya mengatakan bahawa kebanyakan penyelidik lebih mencadangkan ujian *Shapiro-Wilk* sebagai pilihan terbaik dalam ujian normaliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian normaliti dijalankan dalam kajian dengan menggunakan ujian statistik seperti ujian *Shapiro-Wilk*. Ujian *Shapiro-Wilk* lebih sesuai berbanding dengan ujian *Kolmogorov-Smirnov* kerana kajian ini melibatkan 32 orang murid dalam kelas Sekolah A manakala 31 orang murid di sekolah B. Selain itu, nilai *Shapiro-Wilk* perlu melebihi 0.05 supaya data dapat bertabur secara normal.

Jadual 4.2 menunjukkan rumusan data nilai *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk* untuk ujian pra dan pasca UPB bagi kedua-dua kumpulan. *Shapiro-Wilk* menunjukkan nilai signifikan melebihi 0.05. Perkara ini menunjukkan bahawa data tersebut mempunyai taburan yang normal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Nilai Shapiro-Wilk

Ujian	Kumpulan	*Shapiro-Wilk*		
		Statistic	*df*	*Sig.*
Pra	Rawatan	.937	32	.067
	Kawalan	.960	31	.294
Pasca	Rawatan	.946	32	.119
	Kawalan	.959	31	.282

4.4 Demografi Responden

Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan teknik membaca SQ3R di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang berfokuskan kefahaman pembacaan subjek bahasa Tamil. Kajian ini melibatkan 63 orang murid Tahun Tiga di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Sepang. Murid dari sekolah A atau rawatan terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 17 orang murid perempuan. Manakala murid dari sekolah B terdiri daripada 13 orang murid lelaki dan 18 orang murid perempuan. Kedua-dua sekolah tersebut merupakan sekolah bandar. Responden terdiri daripada murid pencapaian setara dalam mata pelajaran bahasa Tamil Pentaksiran Tahun 3.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina (Kumpulan Rawatan)

Rajah 4.1

Taburan peratus responden mengikut jantina kumpulan rawatan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina bagi kumpulan rawatan. Peratus responden perempuan adalah lebih ramai daripada peratus responden lelaki. Taburan bilangan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3

Taburan Bilangan Responden Kumpulan Rawatan

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	15	47
Perempuan	17	53
Jumlah	32	100

Sumber : Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan responden, iaitu responden lelaki terdiri daripada 15 orang murid lelaki iaitu 47% dan 17 orang murid perempuan iaitu 53%.

4.4.2 Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina (Kumpulan Kawalan)

Rajah 4.2

Taburan responden mengikut jantina kumpulan kawalan



Rajah 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina bagi kumpulan kawalan. Peratus responden perempuan adalah lebih ramai daripada peratus responden lelaki. Taburan bilangan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Taburan Responden Kumpulan Kawalan

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	13	42
Perempuan	18	58
Jumlah	31	100

Sumber : Soal Selidik

Jadual 4.4 menunjukkan taburan jantina responden, iaitu responden lelaki terdiri daripada 13 orang murid lelaki iaitu 42% dan 18 orang murid perempuan iaitu 58%.

4.4.3 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Borang Soal Selidik Berdasarkan Jantina

Seramai 32 murid dalam kumpulan rawatan telah menjawab borang soal selidik. Peratusan responden berdasarkan jantina dapat ditunjukkan dalam Jadual 4.5 di bawah.

Jadual 4.5

Taburan Responden Yang Menjawab Borang Soal Selidik Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	15	47
Perempuan	17	53
Jumlah	32	100

Sumber : Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, 32 orang murid yang menjawab borang soal selidik, didapati 15 orang murid iaitu 47% terdiri daripada lelaki. Manakala 17 orang murid iaitu 53% adalah terdiri daripada perempuan. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa bilangan responden murid perempuan adalah lebih tinggi berbanding responden murid lelaki.

4.5 Penskoran Bagi Soalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Dalam kajian ini, ujian pra dilaksanakan terlebih dahulu kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian pra diberikan untuk melihat tahap penguasaan kefahaman membaca teks bahasa Tamil sebelum proses rawatan diketengahkan. Proses rawatan telah dijalankan selama 6 minggu untuk murid dalam kumpulan rawatan. Mereka menjalani aktiviti PdPc dengan pengaplikasian teknik SQ3R. Manakala murid dalam kumpulan kawalan mengikuti aktiviti PdPc dengan kaedah konvensional dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Setelah enam minggu, ujian pasca ditadbir untuk melihat keberkesanan teknik SQ3R bagi kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan juga terlibat dengan ujian pasca. Ujian pra dan pasca telah ditadbir terhadap 63 orang murid Tahun Tiga yang masing-masing terdiri daripada 31 orang murid kumpulan kawalan dan 32 orang murid kumpulan rawatan.

Ujian pra dan ujian pasca dianalisis berdasarkan markah yang diperuntukan bagi setiap soalan. Jumlah markah bagi ujian ini adalah sebanyak 30. Selepas itu, 30 markah ini akan diterjemahkan dalam bentuk peratusan (%) dengan pengiraan formula: markah yang diperoleh / 30 x 100%. Jadual 4.6 menunjukkan jumlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

markah yang diperuntukan bagi setiap soalan yang terdapat dalam ujian pemahaman bacaan.

Jadual 4.6

Penskoran Bagi Soalan Ujian Pemahaman Bacaan

Soalan	Markah
1	4
2(i)	2
2(ii)	2
3	4
4(i)	2
4(ii)	2
5(i)	2
5(ii)	2
6	4
7	3
8	3
Jumlah markah	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penganalisisan markah ini bertujuan untuk melihat perbezaan dalam tahap penguasaan kefahaman membaca teks bahasa Tamil murid dengan menggunakan dua teknik pembelajaran yang berbeza. Julat gred markah yang digunakan dalam ujian pra dan ujian pasca adalah seperti dalam paparan Jadual 4.7 yang berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Julat Gred Markah

Julat Markah	Gred
80-100	Cemerlang
65-79	Baik
50-64	Memuaskan
40-49	Mencapai Tahap Minimum
0-39	Belum Mencapai Tahap Minimum

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2016

Jadual 4.7 menunjukkan julat gred markah bagi sekolah rendah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 2016. Menurut jadual ini, didapati markah antara 80 hingga 100 dikategorikan sebagai peringkat cemerlang. Manakala markah 65 hingga 79 berada dalam kategori baik. Seterusnya markah dalam julat 50 hingga 64 dikategorikan sebagai memuaskan. Julat markah 40 hingga 49 pula menunjukkan bahawa mencapai tahap minimum dan julat markah 0 hingga 39 dikategorikan sebagai belum mencapai tahap minimum.

4.6 Menjawab Persoalan Kajian 1 dan Menguji Hipotesis Nul Pertama :

Persoalan kajian 1 :

Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan pasca kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat 3 jenis analisis kajian yang akan dibincangkan bagi menjawab persoalan kajian 1 dan juga untuk menguji hipotesis nul pertama. Analisis kajian yang akan dibincangkan adalah perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan, perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan perbandingan analisis markah ujian pasca bagi kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.

4.6.1 Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan

Jadual 4.8 menunjukkan perbandingan markah dalam bentuk peratusan yang diperoleh oleh kumpulan kawalan bagi ujian pra dan ujian pasca. Jumlah murid yang menduduki kedua-dua ujian adalah seramai 31 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Responden	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)
M1	40	43
M2	46.7	50
M3	50	53
M4	66.7	66.7
M5	53	56.7
M6	73	73
M7	53	56.7
M8	63	63
M9	26.7	30
M10	53	56.6
M11	46.7	46.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)
M12	40	46.7
M13	30	33
M14	63	66.7
M15	46.7	53
M16	63	66.7
M17	30	33
M18	46.7	50
M19	60	66.7
M20	40	43
M21	66.7	66.7
M22	70	73
M23	50	53
M24	33	36.7
M25	76.7	76.7
M26	26.7	30
M27	36.7	36.7
M28	23	26.7
M29	70	73
M30	76.7	80
M31	50	53

Jadual 4.9

Analisis Perbandingan Markah Penskoran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan

Julat Markah	Ujian Pra		Ujian Pasca	
	Jumlah responden	Peratus (%)	Jumlah responden	Peratus (%)
80-100	0	0	1	3.2
65-79	7	22.6	9	29.0
50-64	10	32.2	10	32.2
40-49	7	22.6	4	12.9
0-39	7	22.6	7	22.6
Jumlah	31	100	31	100


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 menunjukkan tiada murid dalam julat markah 80 hingga 100 dalam ujian pra. Seramai tujuh (22.6%) orang murid dalam kumpulan ini mendapat markah dalam julat pemarkahan 65 hingga 79 dalam ujian pra dan sembilan (29%) orang murid dalam ujian pasca. Manakala bagi julat 50 hingga 64 dalam ujian pra dalam ujian pasca pula jumlah murid adalah sama iaitu seramai 10 (32.2%) orang. Seterusnya terdapat tujuh (22.6%) orang murid mendapat markah dalam julat 40 hingga 49 dalam ujian pra dan empat (12.9%) orang murid dalam ujian pasca. Manakala seramai tujuh (22.6%) murid mendapat markah dalam julat 00 hingga 39 dalam ujian pra dan juga ujian pasca. Pencapaian kekerapan skor markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan adalah seperti rajah 4.3 di bawah.

Rajah 4.3

Perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan



Rajah 4.3 menunjukkan perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Berdasarkan analisis ini didapati selepas ujian pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat peningkatan yang sedikit pada gred pemarkahan iaitu “baik” dan “cemerlang”. Walaupun analisis kajian bagi skor ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan ada menunjukkan perubahan pada dua gred pemarkahan iaitu “baik” dan “cemerlang” namun ianya bukan satu perubahan yang sangat ketara. Hal ini terjadi kerana murid dalam kumpulan kawalan menjalani sesi PdPc dengan menggunakan kaedah konvensional selama enam minggu. Rajah 4.4 menunjukkan perbezaan peratus skor ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan.

Rajah 4.4

Perbezaan peratus bagi skor ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.2 Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan

Jadual 4.10 menunjukkan perbandingan peratusan yang diperoleh oleh kumpulan rawatan bagi ujian pra dan ujian pasca. Jumlah murid yang menduduki kedua-dua ujian adalah seramai 32 orang murid.

Jadual 4.10

Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Responden	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca(%)
M1	43	66.7
M2	30	33
M3	50	63
M4	73	86.7
M5	60	63
M6	73	83
M7	53	66.7
M8	63	83
M9	36.7	50
M10	53	56.7
M11	46.7	66.7
M12	40	63
M13	30	36.7
M14	63	70
M15	70	83
M16	63	73
M17	30	36.7
M18	43	50
M19	63	70
M20	43	66.7
M21	66.7	76.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca(%)
M22	70	80
M23	50	66.7
M24	36.7	43
M25	76.7	83
M26	26.7	36.7
M27	36.7	50
M28	33	43
M29	70	76.7
M30	76.7	90
M31	50	56.7
M32	20	23

Jadual 4.11

Analisis Penskoran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan

Julat Markah	Ujian Pra		Ujian Pasca	
	Jumlah responden	Peratus (%)	Jumlah responden	Peratus (%)
80-100	0	0	7	21.8
65-79	8	25.0	10	31.3
50-64	10	31.3	8	25.0
40-49	5	15.6	2	06.3
0-39	9	28.1	5	15.6
Jumlah	32	100	32	100

Hasil analisis dalam jadual 4.11 ini menunjukkan tiada seorang murid dalam ujian pra dalam julat markah 80 hingga 100. Manakala terdapat peningkatan sebanyak tujuh (21.8%) orang murid yang memperolehi markah dalam julat 80 hingga 100 iaitu kategori cemerlang dalam ujian pasca. Seramai lapan (25%) orang murid dalam kumpulan ini mendapat markah dalam julat pemarkahan 65 hingga 79 dalam ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pra. Jumlah ini telah meningkat ke 10 (31.3%) orang murid dalam ujian pasca. Terdapat 10 (31.3%) orang murid mendapat markah dalam julat 50 hingga 64 dalam ujian pra dan berlaku penurunan ke lapan (25%) orang murid dalam ujian pasca. Seterusnya terdapat lima (15.6%) orang murid mendapat markah dalam julat 40 hingga 49 dalam ujian pra dan jumlah ini telah menurun ke dua (6.3%) orang murid dalam ujian pasca. Manakala seramai sembilan (28.1%) murid mendapat markah dalam julat 00 hingga 39 dalam ujian pra dan jumlah ini telah berkurang ke lima (15.6%) orang murid dalam ujian pasca. Perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan adalah seperti rajah 4.5.

Rajah 4.5

Perbandingan kekerapan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.6 menunjukkan analisis perbezaan peratus skor ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Berdasarkan analisis ini didapati terdapat perubahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sangat ketara antara peratus skor ujian pra dan pasca disebabkan selepas ujian pra murid kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan teknik SQ3R selama enam minggu. Menurut analisis ini didapati bahawa murid yang mendapat markah dalam julat 00 hingga 39, 40 hingga 49 dan 50 hingga 64 telah berkurang. Manakala jumlah murid dalam julat pemarkahan 65 hingga 79 dan 80 hingga 100 telah meningkat. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan teknik SQ3R bagi kumpulan rawatan telah meningkatkan tahap kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Rajah 4.6 menunjukkan perbezaan peratus skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

Rajah 4.6

Perbezaan peratus skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.3 Analisis Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Rawatan

Jadual 4.12 menunjukkan perbandingan markah dalam bentuk peratusan yang diperoleh oleh kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Jumlah murid yang menduduki adalah seramai 31 orang murid bagi kumpulan kawalan dan 32 murid untuk kumpulan rawatan.

Jadual 4.12

Keputusan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Responden	Kumpulan Kawalan	Responden	Kumpulan Rawatan
M1	43	M1	66.7
M2	50	M2	33
M3	53	M3	63
M4	66.7	M4	86.7
M5	56.7	M5	63
M6	73	M6	83
M7	56.7	M7	66.7
M8	63	M8	83
M9	30	M9	50
M10	56.7	M10	56.7
M11	46.7	M11	66.7
M12	46.7	M12	63
M13	33	M13	36.7
M14	66.7	M14	70
M15	53	M15	83
M16	66.7	M16	73
M17	33	M17	36.7
M18	50	M18	50

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden	Kumpulan Kawalan	Responden	Kumpulan Rawatan
M19	66.7	M19	70
M20	43	M20	66.7
M21	66.7	M21	76.7
M22	73	M22	80
M23	53	M23	66.7
M24	36.7	M24	43
M25	76.7	M25	83
M26	30	M26	36.7
M27	36.7	M27	50
M28	26.7	M28	43
M29	73	M29	76.7
M30	80	M30	90
M31	53	M31	56.7
		M32	23

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Analisis Perbandingan Markah Penskoran Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Julat Markah	Kumpulan Kawalan		Kumpulan Rawatan	
	Jumlah responden	Peratus (%)	Jumlah responden	Peratus (%)
80-100	1	3.2	7	21.8
65-79	9	29.0	10	31.3
50-64	10	32.2	8	25.0
40-49	4	12.9	2	06.3
0-39	7	22.6	5	15.6
Jumlah	31	100	32	100

Jadual 4.13 menunjukkan ada seorang (3.2%) murid bagi kumpulan kawalan dan tujuh (21.8%) orang murid dalam julat markah 80 hingga 100. Seramai sembilan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(29%) orang murid dalam kumpulan kawalan mendapat markah dalam julat pemarkahan 65 hingga 79 dalam ujian pasca. Manakala bagi kumpulan rawatan pula, seramai 10 (31.3%) murid mencapai markah dalam julat ini. Terdapat 10 (32.3%) orang murid mendapat markah dalam julat 50 hingga 64 dalam kumpulan kawalan dan lapan (25%) orang murid bagi kumpulan rawatan. Seterusnya, kumpulan kawalan menunjukkan empat (12.9%) orang murid mendapat markah dalam julat 40 hingga 49 dan seramai dua (6.3%) bagi kumpulan rawatan. Analisis kajian menunjukkan kumpulan kawalan mempunyai tujuh (22.6%) murid mendapat markah dalam julat 00 hingga 39. Bagi kumpulan rawatan pula terdapat lima (15.6%) orang murid dalam julat markah 00 hingga 39. Perbandingan markah ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah seperti rajah 4.7.

Rajah 4.7

Perbandingan markah ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis ini didapati terdapat perubahan yang sangat ketara antara peratus skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Perubahan ini berlaku kerana murid dalam kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan teknik SQ3R selama enam minggu. Manakala murid dalam kumpulan kawalan pula mengikuti kaedah konvensional. Analisis markah ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan jelas membuktikan bahawa penggunaan teknik SQ3R memberi perubahan yang positif dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Perbezaan peratus skor kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi ujian pasca ditunjukkan melalui rajah 4.8.

Rajah 4.8

Perbezaan peratus skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.4 Perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan

Statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi ujian pra dan ujian pasca UPB bagi kumpulan rawatan. Hasil analisis seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.14 menunjukkan skor min bagi ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 51.23 dengan sisihan piawai 16.48. Manakala, skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan ialah 62.28 dengan sisihan piawai sebanyak 17.74. Secara statistiknya, min ujian pasca bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan ujian pra, iaitu mempunyai perbezaan min sebanyak 11.05. Jadual 4.14 menunjukkan skor min dan sisihan piawai pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

Jadual 4.14

Analisis Deskriptif Terhadap Ujian Pra Dan Pasca UPB Bagi Kumpulan rawatan

Kumpulan	Ujian	N	Min	SP	Perbezaan Min
Rawatan	Pra UPB	32	51.23	16.48	+11.05
	Pasca UPB	32	62.28	17.74	

Untuk menguji hipotesis nul pertama ini, Ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan terhadap skor min ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Hasil analisis seperti dalam jadual 4.15 menunjukkan nilai t (32)= - 10.4, p= 0.000. Oleh kerana p <0.05, maka ia menolak hipotesis nul pertama. Nilai p jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan ujian pasca bagi rawatan terhadap pencapaian kefahaman membaca. Maka pencapaian skor bagi kedua-dua ujian ada menunjukkan perubahan yang signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Analisis Ujian-T Berpasangan Terhadap Skor Min Ujian Pra Dan Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan

			(n=32)			
Kumpulan	Ujian	Min	SP	Nilai t	df	Signifikan
Rawatan	Pra UPB	51.23	16.48	-10.41	31	.000
	Pasca UPB	62.28	17.74			

Sig, $p < 0.05$

4.6.5 Perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi ujian pasca UPB bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hasil analisis seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.16 menunjukkan skor min bagi ujian pasca kumpulan rawatan ialah 62.28 dengan sisihan piawai 17.74. Manakala, skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 53.54 dengan sisihan piawai sebanyak 15.19. Secara statistiknya, min ujian pasca bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan, iaitu sebanyak 8.74, manakala perbezaan min bagi sisihan piawai ujian pasca bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah sebanyak 2.55.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Analisis Deskriptif Terhadap Ujian Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

Ujian	Kumpulan	N	Min	SP	Perbezaan Min
Pasca UPB	Rawatan	31	62.28	17.74	+8.74
	Kawalan	31	53.54	15.19	

Ujian-t sampel bebas digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan terhadap skor min ujian pasca UPB bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Keputusan ujian-t sampel bebas adalah seperti dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17

Analisis Ujian-T Bebas Terhadap Skor Min Ujian Pasca UPB Bagi Kumpulan rawatan dan Kawalan

Ujian	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai t	df	Signifikan
Pasca	Rawatan	32	62.28	17.74	2.09	61	0.04
UPB	Kawalan	31	53.54	15.19	2.10	60	0.04

Sig, $p < 0.05$

Hasil analisis seperti dalam Jadual 4.17 menunjukkan nilai t (61) = 2.09, p= 0.04 bagi kumpulan rawatan dan nilai t (61) = 2.10, p= 0.04 bagi kumpulan kawalan. Oleh kerana p <0.05, maka ia menolak hipotesis nul kedua. Nilai p jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan terhadap pencapaian kefahaman membaca. Maka kedua-dua kumpulan ada menunjukkan perubahan yang signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan skor yang lebih tinggi dalam kefahaman membaca setelah diberikan pendedahan terhadap teknik SQ3R jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan.

4.7 Menjawab Persoalan Kajian 2

Deskriptif statistik digunakan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

Persoalan kajian 2

Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan antara tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.

Dapatan kajian bagi kefahaman membaca kumpulan rawatan dianalisis seperti dalam jadual 4.7 berdasarkan tiga kategori kefahaman iaitu literal, inferens dan kritikal. Selain itu, min dan sisihan piawai bagi setiap kategori kefahaman untuk ujian pra dan pasca UPB juga telah dianalisis untuk mengenal pasti peningkatan bagi setiap kategori kefahaman. Kemudian, tahap penguasaan bagi setiap kategori kefahaman ditentukan berdasarkan jadual 3.7 sebelum ini melalui dapatan skor min.

Jadual 4.7 berikut menunjukkan skor min ujian pra UBP bagi kategori literal ialah 6.25 dengan sisihan piawai 2.09, manakala skor min ujian pasca ialah 7.19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sisihan piawai 2.14. Perbezaan min bagi kategori literal antara ujian pasca dengan ujian pra adalah +0.94. Skor min yang diperoleh bagi ujian pra UPB berada dalam julat yang sama, iaitu 6.00 hingga 7.99. Oleh itu, data menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mencapai tahap penguasaan empat, iaitu tahap "mencapai tahap memuaskan" dalam kategori literal pada kedua-dua ujian. Hal ini menunjukkan kefahaman literal yang memerlukan murid memahami idea dan maklumat secara tersurat dalam teks adalah tidak sukar bagi murid kumpulan rawatan dan dapat menguasai kefahaman literal dengan tahap yang memuaskan.

Bagi kategori inferens, skor min ujian pra UPB ialah 5.91 dengan sisihan piawai 1.82, manakala skor min ujian pasca ialah 6.69 dengan sisihan piawai 1.90. Perbezaan skor min bagi kedua-dua ujian untuk kategori inferens ialah +0.78. Pelaksanaan ujian pra menunjukkan tahap penguasaan murid bagi kategori inferens dengan pencapaian tahap penguasaan tiga iaitu "dapat menguasai kefahaman inferens". Bagi ujian pasca pula tahap penguasaan murid telah meningkat dari tahap tiga ke tahap empat. Hal ini juga menunjukkan murid dapat mencapai tahap "mencapai tahap memuaskan" dalam kategori inferens dan terdapat peningkatan skor min dalam kategori inferens selepas penggunaan teknik dalam proses pembelajaran kefahaman membaca.

Bagi kategori kritikal, skor min ujian pra UPB ialah 2.91 dengan sisihan piawai 1.22, manakala skor min ujian pasca ialah 4.47 dengan sisihan piawai 1.58 dan perbezaan skor min bagi kedua-dua ujian untuk kategori kritikal ialah +1.56. Melalui pelaksanaan ujian pra menunjukkan murid mencapai tahap penguasaan tiga, iaitu "dapat menguasai kefahaman" dalam kefahaman kritikal. Manakala dalam pelaksanaan ujian pasca menunjukkan murid telah mencapai tahap penguasaan lima,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu tahap "mencapai tahap sangat baik" bagi kategori kritikal dalam kefahaman membaca. Hal ini jelas menunjukkan tahap penguasaan murid untuk kategori kritikal telah meningkat dari tahap penguasaan tiga kepada tahap penguasaan lima. Peningkatan ini merupakan satu perubahan yang positif di mana murid dapat mencapai tahap "mencapai tahap sangat baik" dalam kategori kefahaman kritikal selepas diberi pendedahan melalui teknik SQ3R.

Jadual 4.18 menunjukkan skor min dan tahap penguasaan kefahaman membaca kumpulan rawatan berdasarkan kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal. Melalui perbezaan skor min bagi ketiga-tiga kategori jelas menunjukkan peningkatan murid bagi kategori kritikal adalah tertinggi dengan perbezaan min sebanyak 1.56. Tahap penguasaan juga meningkat dari tahap penguasaan tiga (dapat menguasai kefahaman) kepada tahap penguasaan lima (mencapai tahap sangat baik). 5Maka, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan murid kumpulan rawatan bagi kategori literal dan inferens berada pada tahap "mencapai tahap memuaskan ". Manakala tahap penguasaan bagi kefahaman kritikal pula berada pada tahap "mencapai tahap sangat baik". Secara keseluruhannya tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kumpulan rawatan telah meningkat secara nyata dalam kategori literal, inferens dan kritikal setelah diberi pendedahan melalui teknik SQ3R.

Jadual 4.18

Skor Min Dan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Kumpulan Rawatan Berdasarkan Kategori Kefahaman (Literal, Inferens Dan Kritikal)

Kategori	Ujian	Min	SP	Perbezaan Min	Tahap Penguasaan
Literal	Pra	6.25	2.09	+0.94	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori	Ujian	Min	SP	Perbezaan Min	Tahap Penguasaan
	Pasca	7.19	2.14		4
Inferens	Pra	5.91	1.82	+0.78	3
	Pasca	6.69	1.90		4
Kritikal	Pra	2.91	1.22	+1.56	3
	Pasca	4.47	1.58		5

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang)

Di samping itu, tahap penguasaan kefahaman membaca bagi setiap kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal dalam kedua-dua ujian juga dianalisis berdasarkan frekuensi dan peratusan bagi kumpulan rawatan seperti dalam Jadual 4.19. Penganalisisan data tersebut secara langsung dapat menunjukkan kesan teknik SQ3R terhadap tahap penguasaan murid bagi setiap kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal dengan lebih terperinci. Jadual 4.19 berikut merupakan taburan frekuensi dan peratusan murid kumpulan rawatan berdasarkan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman literal.

Jadual 4.19

Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Literal.

Tahap Penguasaan	Ujian Pra UPB	Ujian Pasca UPB	Perbezaan
	F (%)	F (%)	F (%)
1	0	0	0
2	0	0	0
3	13 (40.6)	10 (31.2)	-3 (9.3)
4	8 (25)	7 (21.9)	-1 (3.1)
5	10 (31.3)	9 (28)	-1 (3.1)
6	1 (3.1)	6 (18.8)	+5 (15.6)
Jumlah	32 (100)	32 (100)	

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut jadual 4.19, seramai seorang murid (3.1%) mencapai tahap penguasaan enam, iaitu tahap "cemerlang" bagi kategori kefahaman literal dalam ujian pra. Manakala dalam pasca UPB pula jumlah ini meningkat kepada enam orang murid (18.8%). Peningkatan ini merupakan satu perubahan yang baik. Ia jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bilangan murid yang paling banyak, iaitu seramai lima orang murid (15.6%) dapat mencapai tahap "sangat baik" bagi kategori kefahaman literal selepas diberi pendedahan dengan teknik SQ3R.

Sementara itu, melalui ujian pra UPB yang dilaksanakan terdapat 10 orang murid (31.3%) mencapai tahap penguasaan lima, iaitu tahap "sangat baik" bagi kategori kefahaman literal. Pada pelaksanaan ujian pasca pula, bilangan murid telah menurun sebanyak 3.3% kepada sembilan orang murid (25%) dalam mencapai tahap "sangat baik" bagi kategori kefahaman literal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam ujian pra dan ujian pasca, bilangan murid mencapai tahap penguasaan empat, iaitu tahap "memuaskan" adalah seramai lapan orang murid (25%) dan jumlah ini telah menurun ke tujuh orang murid (21.9%) dalam ujian pasca. Selain itu, hasil dapatan menunjukkan seramai 10 orang murid (31.3%) dapat "menguasai" kefahaman literal dengan mencapai tahap penguasaan tiga melalui pelaksanaan ujian pasca dan sebelum ini terdapat 13 orang murid (40.6%) yang mencapai tahap penguasaan tiga dalam ujian pra. Hal ini menunjukkan penurunan seramai tiga orang murid (9.3%) selepas proses intervensi dilaksanakan. Manakala tiada murid yang mencapai tahap penguasaan satu dan tahap dua dalam kategori literal bagi kedua-dua ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusnya, dapatan menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mencapai sekurang-kurangnya tahap penguasaan tiga, iaitu "dapat menguasai" dalam kefahaman membaca bagi kategori kefahaman literal. Manakala, peningkatan yang ketara dalam pencapaian murid dalam kumpulan rawatan ialah pada tahap "cemerlang".

Jadual 4.20

Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Inferens.

Tahap Penguasaan	Ujian Pra UPB	Ujian Pasca UPB	Perbezaan
	F (%)	F (%)	F (%)
1	0	0	0
2	0	0	0
3	14 (43.7)	9 (28.1)	-5 (15.6)
4	10 (31.3)	8 (25)	-2 (6.2)
5	7 (21.9)	8 (25)	+1(3.1)
6	1 (3.1)	7 (21.9)	+6 (18.8)
Jumlah	32 (100)	32 (100)	

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang)

Jadual 4.20 menunjukkan analisis taburan frekuensi dan peratusan murid kumpulan rawatan berdasarkan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman inferens. Berdasarkan jadual yang dipaparkan seperti berikut didapati bahawa seorang murid (3.1%) telah mencapai tahap penguasaan enam, iaitu tahap "cemerlang" dalam kategori kefahaman inferens semasa pelaksanaan ujian pra. Ujian pasca yang dilaksanakan kemudian menunjukkan bahawa, seramai tujuh orang murid (21.9%) telah mencapai tahap "cemerlang" dalam kategori kefahaman inferens. Hal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menunjukkan terdapat peningkatan enam orang, iaitu 18.8% selepas pelaksanaan proses intervensi.

Seterusnya, hasil dapatan menunjukkan terdapat tujuh orang murid (21.9%) mencapai tahap penguasaan lima, iaitu tahap "sangat baik" dalam ujian pra dan lapan orang murid selepas ujian pasca diberi. Hal ini menunjukkan peningkatan kepada seorang murid bagi tahap penguasaan lima. Selain itu, melalui ujian pra yang dilaksanakan, terdapat 10 orang murid (28.2%) mencapai tahap penguasaan empat, iaitu tahap "memuaskan" dan bilangan ini menurun kepada lapan orang murid (25%) selepas pelaksanaan ujian pasca. Penurunan ini melibatkan dua orang murid sahaja, iaitu 6.2% bagi tahap penguasaan empat. Sementara itu, terdapat 14 orang murid (43.7%) dapat "menguasai" kefahaman inferens dengan mencapai tahap penguasaan tiga. Bilangan ini telah menurun ke sembilan orang murid (28.1%) semasa ujian pasca. Penurunan ini menunjukkan satu tanda yang positif di mana terdapat penurunan dalam tahap penguasaan tiga dan ada peningkatan dalam tahap penguasaan tahap empat dan lima. Dapatan bagi ujian pra dan ujian pasca juga menunjukkan tiada seorang murid yang mencapai tahap satu dan tahap dua.

Berdasarkan jadual 4.20 dapat dirumuskan bahawa peningkatan yang ketara dalam dilihat dalam tahap "cemerlang" iaitu seramai enam orang murid dalam kategori kefahaman inferens setelah diberi pendedahan melalui SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Taburan Frekuensi Dan Peratusan Murid Rawatan Berdasarkan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kategori Kefahaman Kritikal.

Tahap Penguasaan	Ujian Pra UPB	Ujian Pasca UPB	Perbezaan
	F (%)	F (%)	F (%)
1	0	0	0
2	2 (6.2)	0	-2 (6.2)
3	14 (43.8)	3 (9.3)	-11(34.3)
4	8 (25)	7 (21.9)	-1 (3.1)
5	5 (15.6)	13(40.6)	+8 (25)
6	3 (9.4)	9 (28.1)	+6 (18.8)
Jumlah	32 (100)	32 (100)	

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang).

Jadual 4.21 menunjukkan analisis taburan frekuensi dan peratusan murid kumpulan rawatan berdasarkan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman kritikal. Berdasarkan hasil ujian pra dalam jadual berikut menunjukkan seramai terdapat tiga orang murid (9.4%) yang mencapai tahap penguasaan enam, iaitu tahap "cemerlang" bagi kategori kritikal dalam ujian pra. Manakala terdapat sembilan orang murid (28.1%) mencapai tahap "cemerlang" dalam ujian pasca UPB. Ini bermakna terdapat peningkatan seramai enam orang murid (18.8%) mencapai tahap "cemerlang" selepas proses intervensi. Hal ini menunjukkan satu peningkatan yang baik dalam bilangan murid mencapai tahap cemerlang dalam kefahaman kritikal.

Dapatan juga menunjukkan terdapat lima orang murid (15.6%) mencapai tahap penguasaan lima, iaitu tahap "sangat baik" dalam ujian pra dan bilangan ini meningkat kepada 13 orang murid (40.6%) dalam ujian pasca. Hal ini menunjukkan terdapat peningkatan seramai lapan murid (25%) dalam mencapai tahap "sangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik". Selain itu, terdapat lapan orang murid (25%) yang mencapai tahap penguasaan empat iaitu tahap "memuaskan" dalam ujian pra. Selepas ujian pasca dilaksanakan, terdapat tujuh orang murid (21.9%) menjadikan bilangan murid yang mencapai tahap "memuaskan".

Seterusnya, seramai 14 orang murid (43.8%) berada pada tahap penguasaan tiga dalam ujian pra. Dalam ujian pasca pula, bilangan ini telah menurun kepada tiga orang murid (9.4%). Seterusnya, melalui pelaksanaan ujian pra, terdapat dua orang murid (6.2%) mencapai tahap penguasaan dua, iaitu "memerlukan penambahbaikan" dalam kategori kefahaman kritikal. Manakala dalam ujian pasca yang dilaksanakan pula menunjukkan bahawa tiada seorang murid mencapai tahap penguasaan dua. Sementara itu, tiada seorang murid pun yang mencapai tahap 1 iaitu "masih belum menguasai" dalam kefahaman kritikal semasa ujian pra dan juga pasca dijalankan. Maka, berdasarkan hasil dapatan yang dipaparkan jelas menunjukkan bahawa bilangan murid yang mencapai tahap penguasaan lima dan enam meningkat dengan ketara dalam kategori kefahaman kritikal setelah didedahkan dengan teknik SQ3R.

Jadual 4.22 menunjukkan rumusan peningkatan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kumpulan rawatan berdasarkan kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal. Menurut jadual ini, terdapat peningkatan yang tinggi berlaku dalam kategori kritikal dengan peningkatan seramai 8 orang murid (25%) dalam mencapai tahap penguasaan lima (tahap sangat baik). Ia diikuti dengan peningkatan yang berlaku dalam kategori inferens. Seramai enam orang murid (18.8%) telah meningkat dalam usaha mencapai tahap penguasaan enam (cemerlang). Manakala, bagi kategori literal pula, seramai lima orang murid (15.6%) telah meningkat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap penguasaan enam iaitu cemerlang. Oleh kerana penggunaan teknik SQ3R telah meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal maka ia menolak hipotesis nul ketiga.

Jadual 4.22

Rumusan Peningkatan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Bagi Kumpulan Rawatan Berdasarkan Kategori Kefahaman Literal, Inferens dan Kritikal.

Tahap Penguasaan	Literal	Inferens	Kritikal
	F (%)	F(%)	F(%)
1	0	0	0
Tahap Penguasaan	Literal	Inferens	Kritikal
2	0	0	-2 (6.2)
3	-3 (9.3)	-4 (12.5)	-11(34.3)
4	-1 (3.1)	-2 (6.2)	-1 (3.1)
5	-1 (3.1)	+1 (3.1)	+8 (25)
6	+5 (15.6)	+6 (18.8)	+6 (18.8)

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang)

4.8 Analisis Borang Soal Selidik Tahap Penerimaan Teknik SQ3R

Persoalan Kajian 3

Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik yang mengandungi 15 item telah diberikan kepada murid dalam kumpulan rawatan selepas pendedahan teknik SQ3R. Tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil dikenal pasti melalui skor min berdasarkan jadual ukuran yang tersedia seperti dalam Jadual 3.9 sebelum ini. Tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan ditunjukkan dalam Jadual 4.23.

Berdasarkan statistik yang ditunjukkan dapat diinterpretasikan bahawa skor min paling tinggi ialah item (7), iaitu "Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran" dengan skor min 3.34 dan sisihan piawai 0.54. Diikuti dengan item (2) "Teknik SQ3R mudah digunakan" dengan skor min 3.31, sisihan piawai 0.74 dan item (3) "Saya boleh menerima teknik SQ3R" dengan skor min 3.31, sisihan piawai 0.73. Item (9) "Saya akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks" dan item (14) "Guru dapat memberi peluang kepada saya untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran di dalam kelas" mencatat skor min yang sama. Kedua-dua item ini menunjukkan skor min sebanyak 3.25 dengan sisihan piawai 0.76.

Sementara itu, item (1) "Teknik SQ3R sangat menarik" yang memaparkan skor min sebanyak 3.22 dengan sisihan piawai 0.83. Manakala item (6) "Teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran" dan item (10) "Saya lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R" mencatat skor min yang sama, iaitu 3.19. Sisihan piawai bagi item (7) dan item (8) adalah sama, iaitu sebanyak 0.82.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, item (4) “Saya suka menggunakan teknik SQ3R” mempunyai nilai min sebanyak 3.16 dengan sisihan piawaiannya adalah sebanyak 0.88. Item (5) “Saya tahu menggunakan teknik SQ3R “dan item (13) “Saya lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman setelah mengguna teknik SQ3R” memperolehi skor min yang sama, iaitu 3.06 dengan sisihan piawaiannya yang sama, iaitu sebanyak 0.87.

Seterusnya, item (11) “Saya berpuas hati dengan prestasi saya ketika menggunakan teknik SQ3R” menunjukkan skor min sebanyak 3.03 dengan sisihan piawai 0.86. Diikuti dengan item (12) iaitu “Teknik SQ3R membantu saya meningkatkan keupayaan kefahaman membaca” mempunyai skor min 2.91 dengan sisihan piawaiannya adalah sebanyak 0.96.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan item (8) “Saya sedaya upaya menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran” mencatat skor min sebanyak 2.78 dengan sisihan piawai 0.94. Manakala skor min paling rendah ialah item (15), iaitu “Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain” memaparkan skor min sebanyak 2.72 dengan sisihan piawai 0.95.

Jika meneliti Jadual 4.23 seperti berikut, kebanyakan skor min item berada pada tahap yang tinggi, kecuali bagi item (8), (12) dan (15) berada pada tahap yang sederhana, iaitu min berada bawah 3.01. Jadual 4.23 juga menunjukkan bahawa jumlah skor min bagi kesemua item adalah 3.11 (berada dalam julat 3.01-4.00) dengan sisihan piawai 0.82. Dengan ini, hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R bagi kumpulan rawatan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhannya adalah pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa teknik SQ3R boleh diterima dengan baik oleh murid-murid apabila pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil dijalankan.

Jadual 4.23

Statistik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

Bil	Item /Kenyataan	Min	SP	Tahap
1.	Teknik SQ3R sangat menarik.	3.22	0.83	Tinggi
2.	Teknik SQ3R mudah digunakan.	3.31	0.74	Tinggi
3.	Saya boleh menerima teknik SQ3R.	3.31	0.73	Tinggi
4.	Saya suka menggunakan teknik SQ3R.	3.16	0.88	Tinggi
Bil	Item /Kenyataan	Min	SP	Tahap
5.	Saya tahu menggunakan teknik SQ3R.	3.06	0.87	Tinggi
6.	Teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran.	3.19	0.82	Tinggi
7.	Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran.	3.34	0.54	Tinggi
8.	Saya sedaya upaya mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.	2.78	0.94	Sederhana
9.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks.	3.25	0.76	Tinggi
10.	Saya lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R.	3.19	0.82	Tinggi
11.	Saya berpuas hati dengan prestasi saya ketika menggunakan teknik SQ3R.	3.03	0.86	Tinggi
12.	Teknik SQ3R membantu saya meningkatkan keupayaan kefahaman membaca.	2.91	0.96	Sederhana
13.	Saya lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman membaca setelah menggunakan teknik SQ3R.	3.06	0.87	Tinggi
14.	Guru dapat memberi peluang kepada saya	3.25	0.76	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item /Kenyataan	Min	SP	Tahap
	untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran di dalam kelas.			
15.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain.	2.72	0.95	Sederhana
	Jumlah	3.11	0.82	
	Tahap Penerimaan	Tinggi		

Nota : Tahap skor min: Rendah 1.00-2.00; Sederhana 2.01-3.00; Tinggi 3.01-4.00

Selain melihat kepada skor min dan sisihan piawai bagi setiap item, kajian ini turut menganalisis frekuensi dan peratusan bagi item-item dalam soal selidik mengikut skala likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.24.

Bagi item (1), terdapat 13 orang murid (40.6%) sangat setuju bahawa teknik SQ3R sangat menarik dan 15 orang murid (46.9%) setuju dengan kenyataan tersebut, 2 orang murid (6.3%) pula tidak setuju, manakala dua orang murid (6.3%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar murid berpendapat bahawa teknik SQ3R sangat menarik.

Item (2) pula menunjukkan seramai 14 orang murid (43.8%) sangat setuju dengan teknik SQ3R mudah untuk digunakan dan 15 orang murid (46.9%) pula bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara itu, dua orang murid (6.3%) tidak setuju dan seorang murid (3.1%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Hal ini jelas menunjukkan teknik SQ3R mudah untuk digunakan bagi majoriti murid.

Seterusnya, bagi item (3) pula didapati 14 orang murid (43.8%) sangat setuju dengan kenyataan “Saya boleh menerima teknik SQ3R “dan 15 orang murid (46.9%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setuju. Manakala dua orang murid (6.3%) tidak bersetuju dan seorang murid lagi (3.1%) sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan teknik SQ3R dapat diterima dengan baik oleh majoriti murid.

Hasil analisis item (4) mendapati seramai 13 orang murid (4.6%) sangat setuju dengan kenyataan "Saya suka teknik SQ3R ", diikuti 13 orang murid (40.6%) bersetuju, empat orang murid (12.5%) pula tidak bersetuju dan 2 orang murid (6.3%) pula memilih jawapan sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan enam orang murid (18.8%) tidak suka teknik SQ3R yang diperkenalkan oleh guru.

Item (5) pula menunjukkan seramai 11 orang murid (34.4%) sangat setuju dengan kenyataan "Saya tahu menggunakan teknik SQ3R" diikuti dengan 14 orang murid (43.8%) bersetuju, manakala lima orang murid (15.6%) tidak setuju dan dua orang murid (6.3%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Hal ini menunjukkan kebanyakan murid mengetahui cara-cara menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.

Bagi item (6), seramai 12 orang murid (37.5%) sangat setuju dan 16 orang murid (50%) setuju bahawa teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran. Sementara itu, dua orang murid (6.3%) tidak setuju dan dua orang murid lagi (6.3%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Hasil dapatan ini menunjukkan ramai murid mempunyai pendapat bahawa teknik SQ3R dapat memudahkan proses pembelajaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala item (7) “Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran” menunjukkan seramai 12 orang (37.5%) sangat setuju, 19 orang murid (59.4%) setuju, seorang murid (3.1%) tidak setuju dan tiada respon untuk jawapan sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan murid ingin menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.

Item (8) pula mendapati bahawa sembilan orang murid (28.1%) sangat setuju dengan kenyataan bahawa mereka mengaplikasikan teknik SQ3R sedaya upaya semasa proses pembelajaran. 9 orang murid (28.1%) pula setuju, manakala 12 orang murid (37.5%) tidak setuju dan dua orang murid (6.3%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Majoriti murid cuba sedaya upaya untuk menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran. Kesungguhan mereka kurang memuaskan. Hal ini kerana mereka baru diperkenalkan dengan teknik ini dan mereka perlu mahir dengan teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan item (9) menunjukkan 14 orang murid (43.8%) sangat setuju dan akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks, 12 orang murid (37.5%) pula setuju, manakala enam orang murid (18.8%) tidak setuju dan tiada murid yang respon untuk jawapan sangat tidak setuju. Analisis ini menunjukkan kebanyakan murid akan terus menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks.

Item (10) pula mendapati 12 orang murid (37.5%) sangat setuju bahawa mereka lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R. Seramai 16 orang murid (50%) juga setuju, manakala dua orang murid (6.3%) tidak setuju dan diikuti dengan dua orang murid (6.3%) pula sangat tidak setuju dengan item ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini membuktikan majoriti murid bersetuju bahawa teknik SQ3R dapat membantu mereka untuk memahami teks dengan lebih mudah.

Selain itu, item (11) menunjukkan 10 orang murid (31.3%) berpuas hati dengan prestasi mereka dalam menggunakan teknik SQ3R dengan memilih jawapan sangat setuju. Manakala seramai 15 orang murid (46.9%) bersetuju manakala lima orang murid (15.6%) tidak setuju dan dua orang murid lagi (6.3%) sangat tidak setuju dengan item ini. Ia jelas menunjukkan kepuasan diri terhadap prestasi dalam penggunaan teknik SQ3R adalah kurang memuaskan bagi majoriti murid.

Item (12) mendapati 10 orang murid (31.3%) sangat setuju bahawa teknik SQ3R dapat membantu meningkatkan keupayaan kefahaman membaca dan 12 orang murid lagi (37.5%) pula setuju dengan kenyataan ini. Sementara itu, tujuh orang murid (21.9%) tidak setuju dan tiga orang murid (9.4%) sangat tidak setuju dengan item ini. Hal ini jelas menunjukkan majoriti murid berpendapat bahawa keupayaan kefahaman membaca dapat dipertingkatkan dengan penggunaan teknik SQ3R.

Seterusnya, item (13) menunjukkan 11 orang murid (34.4%) sangat setuju bahawa mereka lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman membaca setelah menggunakan teknik SQ3R, 14 orang murid (43.8%) setuju, manakala lima orang murid (15.6%) tidak setuju dan dua orang murid lagi (6.3%) sangat tidak setuju dengan item tersebut. Hasil jawapan ini menunjukkan majoriti murid bersetuju dengan teknik SQ3R yang dapat menambah keyakinan mereka terhadap pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item yang terakhir iaitu item (14) menunjukkan 13 orang murid (40.6%) sangat setuju dan berharap guru dapat memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran di dalam kelas. Terdapat 15 orang murid (46.9%) setuju, manakala tiga orang murid (9.4%) tidak setuju dan seorang murid (3.1%) sangat tidak setuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan kebanyakan murid dapat menerima teknik SQ3R .Mereka juga berharap dapat menggunakan teknik ini dalam proses pembelajaran sekiranya mereka diberi peluang oleh guru.

Bagi item (15) yang menyatakan bahawa murid akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain menunjukkan lapan orang murid (25.0%) sangat setuju, 10 orang murid (31.3%) setuju, manakala 11 orang murid (34.4%) tidak setuju dan tiga orang murid (9.4%) sangat tidak setuju dengan item ini. Dapatan ini menunjukkan pendapat murid adalah berbeza-beza, iaitu seramai 18 murid bersetuju akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain, manakala 14 orang murid lagi tidak bersetuju untuk menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain. Hal ini berlaku kerana tahap penguasaan teknik SQ3R bagi setiap murid adalah berbeza. Murid perlu mahir dengan teknik SQ3R supaya mereka dapat mengaplikasikan dalam mata pelajaran yang lain.

Jadual 4.24

Taburan Frekuensi dan Peratusan Kumpulan Rawatan Mengikut Skala Likert Berdasarkan Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R.

Bil	Item /Kenyataan	a (F / %)			
		1	2	3	4
1.	Teknik SQ3R sangat	2(6.3)	2(6.3)	15(46.9)	13(40.6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item /Kenyataan	a (F /			
		1	2	3	4
	menarik.				
3.	Saya boleh menerima teknik SQ3R.	1(3.1)	2(6.3)	15(46.9)	14(43.8)
4.	Saya suka menggunakan teknik SQ3R.	2(6.3)	4(12.5)	13(40.6)	13(40.6)
5.	Saya tahu menggunakan teknik SQ3R.	2(6.3)	5(15.6)	14(43.8)	11(34.4)
6.	Teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran.	2(6.3)	2(6.3)	16(50)	12(37.5)
7.	Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran.	0	1(3.1)	19(59.4)	12(37.5)
8.	Saya sedaya upaya mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.	2(6.3)	12(37.5)	9(28.1)	9(28.1)
9.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks.	0	6(18.8)	12(37.5)	14(43.8)
10.	Saya lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R.	2(6.3)	2(6.3)	16(50)	12(37.5)
11.	Saya berpuas hati dengan prestasi saya ketika menggunakan teknik SQ3R.	2(6.3)	5(15.6)	15(46.9)	10(31.3)
12.	Teknik SQ3R membantu saya meningkatkan keupayaan kefahaman	3(9.4)	7(21.9)	12(37.5)	10(31.3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item /Kenyataan	a (F /			
		1	2	3	4
	membaca.				
13.	Saya lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman membaca setelah menggunakan teknik SQ3R.	2(6.3)	5(15.6)	14(43.8)	11(34.4)
14.	Guru dapat memberi peluang kepada saya untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran di dalam kelas.	1(3.1)	3(9.4)	15(46.9)	13(40.6)
Bil	Item /Kenyataan	a (F / %)			
		1	2	3	4
15.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain.	3(9.4)	11(34.4)	10(31.3)	8(25.0)

Nota : Skala 1: Sangat tidak setuju; 2: Tidak setuju; 3: Setuju; 4: Sangat setuju

4.9 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan dan menghuraikan tentang dapatan kajian daripada analisis data yang telah dilakukan melalui perisian SPSS versi 29.0. Data-data telah dianalisis berdasarkan ujian inferensi, iaitu Ujian-t sampel bebas dan Ujian-t sampel berpasangan untuk menjawab semua hipotesis kajian ini. Selain itu, ujian deskriptif juga dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Kesemua hasil kajian telah dirumuskan seperti dalam jadual 4.25 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusnya, teknik SQ3R telah memberi kesan yang baik terhadap kefahaman membaca murid dan seterusnya meningkatkan tahap penguasaan murid bagi setiap kategori kefahaman membaca. Pada bab seterusnya iaitu bab 5 akan menghuraikan tentang perbincangan dapatan kajian dengan lebih terperinci dan seterusnya akan memberi cadangan kajian lanjutan.

Jadual 4.25

Ringkasan Hasil Kajian

Persoalan Kajian	Keputusan
1.Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dengan kumpulan kawalan?	i. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R. ii. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
2.Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?	Mencapai tahap "menguasai" dalam kategori literal dan inferens manakala bagi kategori kritikal mencapai tahap "sangat baik".
3.Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?	Tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R adalah pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan tentang ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, kesimpulan dan cadangan kajian lanjutan. Ringkasan kajian merangkumi penerangan dari aspek tujuan kajian, sampel yang terlibat, instrumen dan analisis data. Selain itu, perbincangan dapatan kajian tertumpu kepada objektif yang dibina dan dikaitkan dengan teori konstruktivisme yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan dapatan kajian turut diperkukuhkan melalui kajian-kajian lepas sebelum ini. Akhir sekali, kesimpulan dibuat berdasarkan persoalan-persoalan kajian dan juga implikasi terhadap bidang kajian. Cadangan kajian lanjutan juga dibincangkan di akhir bab ini untuk tujuan penambahbaikan dalam bidang kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian yang dijalankan berfokuskan kepada kefahaman membaca yang melibatkan kefahaman iaitu kefahaman literal, inferens dan kritikal. Teknik SQ3R digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Ia digunakan untuk menilai tahap kefahaman membaca murid mengikut kategori literal, inferens dan kritikal. Selain itu, kajian ini turut mengkaji tentang tahap penerimaan murid terhadap penggunaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca.

Kajian ini telah melibatkan sampel seramai 63 orang murid Tahun Tiga dari dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Sepang. Kajian ini dijalankan dalam dua kumpulan murid iaitu kumpulan rawatan yang terdiri daripada 32 orang murid dan kumpulan kawalan terdiri daripada 31 orang murid. Kumpulan rawatan mengikuti pengajaran dan pengajaran kefahaman membaca melalui teknik SQ3R manakala kumpulan kawalan pula mengikuti proses pembelajaran secara konvensional iaitu kaedah perkulihan yang berpusatkan guru. Proses pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca telah dijalankan secara bersemuka.

Ujian Pemahaman Bacaan (UPB) sebagai ujian pra dan pasca serta borang soal selidik tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R telah digunakan sebagai instrumen kajian. Kesahan kandungan instrumen-instrumen ini telah dijalankan oleh tiga orang pakar sebelum digunakan untuk kajian sebenar. Seterusnya kajian rintis juga dijalankan terhadap 30 orang murid tahun tiga untuk menilai kebolehpercayaan instrumen. Sebelum murid didedahkan dengan teknik SQ3R, ujian pra UPB telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan. Selepas sesi intervensi, kedua-dua kumpulan telah menjalani ujian pasca. Penilaian melalui borang soal selidik juga dijalankan terhadap kumpulan rawatan bagi mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R. Peruntukan masa untuk menjawab ujian pra dan pasca adalah selama 60 minit, manakala masa untuk menjawab borang soal selidik tidak dihadkan. Selepas murid-murid dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan menjawab ujian pra dan pasca, markahnya telah direkodkan. Seterusnya, kesemua maklumat dan data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sciences (SPSS versi 29.0). Ujian-t iaitu Ujian-t Sampel Bebas dan Ujian-t Sampel Berpasangan telah digunakan untuk menganalisis data-data ujian. Ujian-ujian ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama bagi menentukan kesan teknik SQ3R terhadap pencapaian murid dalam kefahaman membaca. Seterusnya, data-data juga dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal serta mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian melalui penganalisisan data daripada kajian yang telah dilaksanakan. Perbincangan dapatan dilakukan mengikut urutan objektif kajian yang dibina, iaitu (i) mengenal pasti perbezaan pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan, (ii)mengenal pasti tahap penguasaan kefahaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca mengikut kategori kefahaman literal,inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dan (iii) mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan. Segala perbincangan turut dikaitkan dengan teori yang telah digunakan dan juga dapatan daripada kajian-kajian lepas.

5.3.1 Perbezaan Pencapaian Kefahaman Membaca Bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan

Perbincangan menjurus kepada objektif kajian pertama dan seterusnya menjawab persoalan serta hipotesis kajian berikut:

Persoalan Kajian 1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

Ho1:

Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.

Sebelum proses intervensi dilaksanakan, ujian pra diberikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terlebih dahulu pada minggu pertama. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti prestasi pencapaian bagi kedua-dua kumpulan. Keputusan Ujian *Levene* menunjukkan tidak terdapat perbezaan varians antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedua-dua kumpulan. Hal ini bermakna kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah berada dalam populasi yang sama dan setara dari segi prestasi pencapaian sebelum proses intervensi dilakukan.

Pelaksanaan ujian pasca dijalankan pada minggu terakhir selepas proses intervensi melalui pemantauan guru. Namun begitu, terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan berlaku, iaitu ketidakhadiran murid bagi kedua-dua kumpulan dalam sesi PdPc semasa pelaksanaan ujian pasca. Ketidakhadiran murid dalam sesi Pdpc merupakan fenomena yang sering berlaku dalam pembelajaran. Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan ujian pasca berjalan dengan lancar, kerjasama ibu bapa adalah penting. Surat kebenaran ibu bapa diberikan kepada mereka untuk memberi maklumat bahawa anak-anak mereka terlibat dalam kajian ini dan juga bagi mengurangkan ancaman kepada kajian ini pada tahap minimum dan memastikan pengumpulan hasil dapatan berjalan dengan lancar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik SQ3R ini merupakan kaedah intervensi yang digunakan terhadap kumpulan rawatan untuk tujuan memperbaiki dan meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Data-data daripada ujian pra dan pasca UPB kumpulan rawatan dianalisis melalui statistik deskriptif untuk melihat perbezaan nilai min dan sisihan piawai. Selain itu, Ujian-t Sampel Berpasangan juga digunakan bagi menjawab hipotesis kajian berikut.

Analisis Ujian-t sampel berpasangan seperti dalam jadual 4.15 kajian ini menunjukkan skor min ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra bagi kumpulan rawatan. Keputusan ini menunjukkan bahawa pencapaian bagi kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawatan meningkat setelah diberikan pendedahan terhadap teknik SQ3R. Oleh itu, penggunaan teknik SQ3R dapat membuktikan bahawa ia membawa kesan yang positif dalam mempengaruhi pencapaian murid terhadap kefahaman membaca teks bahasa Tamil.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa pencapaian murid terhadap kefahaman membaca telah meningkat sebelum dan selepas pembelajaran dengan menggunakan teknik SQ3R. Wijayanti (2018) menyatakan bahawa guru perlu menggunakan teknik yang betul supaya bersesuaian dengan bahan pengajaran bagi menarik minat murid bagi merangsangkan pembelajaran secara aktif. Dengan ini, teknik SQ3R dapat diaplikasikan oleh murid sebagai suatu kaedah yang berguna dan menarik dalam proses pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca teks naratif. Hal ini jelas ternyata bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru adalah faktor utama yang mempengaruhi kemahiran membaca murid (Herdi dan Santika, 2020).

Dalam kajian ini, setiap langkah dalam teknik SQ3R mempunyai tugasan yang perlu dilakukan oleh murid. Tugasan ini menggalakkan murid-murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran secara aktif. Penglibatan aktif dalam kalangan murid adalah interaksi dua hala antara rakan berlaku dalam langkah Imbas Kembali (*Recite*) semasa proses pembelajaran secara bersemuka. Selain penglibatan aktif dalam interaksi sosial, minda murid juga dirangsang secara aktif terutamanya dalam langkah Tanya (*Question*) dan Baca (*Read*). Proses kognitif secara aktif berlaku melalui bacaan bersama soalan yang dijana dan murid berusaha untuk memperoleh jawapan kepada soalan-soalan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimanapun, pada minggu pertama semasa menjalankan kajian ini, masa yang diperuntukan untuk pengaplikasian teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca adalah tidak mencukupi. Ini adalah kerana murid-murid baru didedahkan dengan teknik SQ3R dan penguasaan murid-murid terhadap teknik SQ3R adalah kurang memuaskan. Melalui pemerhatian, didapati bahawa murid-murid dapat membina beberapa soalan namun mereka tidak dapat menjawab kesemua soalan yang dibina. Menurut Sarni Sarni, Ari Fajria Novari dan Riandi (2023), murid-murid seharusnya lebih kerap diperkenalkan dengan penggunaan SQ3R kerana ia membantu kefahaman murid dalam membaca teks dan menjadikan penggunaan teknik SQ3R lebih berkesan. Oleh itu, kekerapan penggunaan teknik SQ3R turut menyumbang kepada peningkatan dalam penguasaan keupayaan kefahaman membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan hasil analisis deskriptif dalam Jadual 4.16 menunjukkan bahawa skor min kumpulan rawatan adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Selain itu, jadual 4.16 juga menunjukkan perbezaan yang ketara dalam skor min ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hal ini membuktikan bahawa kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian kefahaman membaca setelah diberi pendedahan melalui teknik SQ3R berbanding dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional. Peningkatan ini menunjukkan bahawa teknik SQ3R berkesan dalam pencapaian murid dalam kefahaman membaca. Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan teknik SQ3R yang dapat membantu meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam kefahaman membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan teknik SQ3R membantu meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam kefahaman membaca (Faznuhal, Nurfaizah AP dan Nursiah, 2023; Sri Yanti, 2022; Neneng Komariah, 2021). Kajian-kajian tersebut telah mengkaji tentang pelaksanaan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca dalam mata pelajaran bahasa Indonesia seperti Faznuhal, Nurfaizah AP dan Nursiah (2023), Neneng Komariah (2021) dan bahasa Inggeris seperti Sri Yanti (2022). Ketiga-tiga kajian ini melibatkan murid sekolah rendah. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa prestasi pencapaian kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian kumpulan kawalan. Kajian ini yang mengaplikasikan teknik SQ3R dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil juga menunjukkan hasil dapatan yang sama seperti kajian-kajian tersebut. Dengan ini dapat merumuskan bahawa teknik SQ3R dapat memberi kesan positif terhadap pencapaian murid dalam kefahaman membaca. Selain itu, teknik SQ3R juga sesuai diaplikasikan pada peringkat sekolah rendah dan sesuai untuk digunakan alam pelbagai bidang bahasa seperti yang dicadangkan dalam kajian-kajian lepas.

Pelaksanaan kajian ini dengan menggunakan teknik SQ3R telah memberi satu gambaran yang jelas kepada murid-murid untuk mengikuti pembelajaran kefahaman membaca dengan langkah-langkah yang tersusun. Kajian Iman Subekti (2024) menyatakan bahawa teknik SQ3R mengandungi langkah-langkah yang bersistematik yang menggalakkan murid menjadi aktif, berminat membaca, meningkatkan perhatian mereka dan memahami bacaan dengan lebih baik. Akhirnya, murid-murid dapat meningkatkan kemahiran memahami bacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini turut sepadan dengan kenyataan Karman, A., Sehe dan S. (2021). Menurut kajian mereka, langkah-langkah yang terdapat dalam model SQ3R mewujudkan suasana pembelajaran yang membolehkan murid-murid lebih memahami isi bacaan, seterusnya memberi kesan baharu kepada murid dalam keupayaan membaca. Dengan ini, murid berasa berminat dan bermotivasi untuk belajar membaca dan akhirnya sedikit demi sedikit memupuk minat murid untuk belajar membaca akan meningkat. Pada akhirnya, murid-murid dapat menunjukkan peningkatan dalam kemahiran kefahaman membaca. Dengan cara ini, murid berasa berminat dan bermotivasi untuk belajar membaca dan akhirnya sedikit demi sedikit minat murid untuk belajar membaca akan meningkat.

Dalam kajian ini, pendedahan teknik SQ3R membolehkan murid berpeluang untuk membaca dan memahami teks secara kendiri. Situasi pembelajaran ini amat berbeza dengan cara pembelajaran yang lazim. Hal ini kerana murid-murid mempraktikkan teknik membaca ke dalam proses pembelajaran. Sebaliknya, dalam pengajaran secara konvensional, guru merupakan fokus dan menjadi penyebar maklumat utama di kelas. Guru lebih meluangkan masa untuk memberi penerangan tanpa mendedahkan sebarang teknik membaca yang bersesuaian kepada murid. Corak pembelajaran lebih menjurus kepada pembacaan buku teks dan murid-murid akan menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru. (Looi dan Norfaneliza, 2020). Menurut Nur Kadariah Mansor,Kama Shaffeei dan Kway Eng Hock (2024), kaedah pengajaran dan pembelajaran yang konvensional akan mengakibatkan murid menjadi pasif semasa aktiviti PdPc dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian Bua dan M. T. (2022), salah satu teknik bacaan awal ialah membaca dengan kuat. Teknik membaca kuat dilakukan dengan menyebut simbol-simbol menjadi bunyi yang bermakna, walaupun kanak-kanak masih belum memahami maksud perkataan ataupun ayat itu sendiri. Hal ini bermakna kanak-kanak hanya dikehendaki boleh menyebut bunyi simbol tersebut. Peranan guru menjadikan kebolehan membaca dengan lancar kanak-kanak adalah amat penting. Maka di sini pemilihan teknik membaca yang sesuai amat penting bagi seorang guru.

Melalui hasil perbincangan ini ianya jelas menunjukkan bahawa teknik membaca sebagai kaedah intervensi telah dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil. Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran secara konvensional perlu berubah dan teknik SQ3R perlu didedahkan kepada murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Mengikut Kategori Kefahaman Literal, Inferens Dan Kritikal Bagi Kumpulan Rawatan

Perbincangan seterusnya adalah tentang objektif kajian kedua dan seterusnya menjawab persoalan kajian berikut:

Persoalan Kajian 2:

Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan secara lebih terperinci dijalankan untuk mengetahui lebih lanjut tentang kesan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca, perbandingan skor min pencapaian ujian pra dan pasca kumpulan rawatan serta perbandingan kefahaman membaca mengikut kategori literal, inferens dan kritikal dilakukan.

Kategori kefahaman membaca dalam kajian ini adalah sejajar dengan kajian oleh Kusumawati (2019) serta Yahya Che Lah dan Nor Hashimah Hashim (2014). Kusumawati telah membahagikan kefahaman membaca kepada tiga tahap, iaitu tahap literal, interpretasi dan kritikal. Walaupun istilah interpretasi adalah berbeza dengan istilah inferens yang digunakan oleh Yahya Che Lah dan Nor Hashimah Hashim (2014), namun ia tidak menjadikan masalah berikutan penggunaan istilah berbeza mengikut negara masing-masing. Tambahan pula, makna bagi kedua-dua istilah dan kemahiran yang terlibat adalah sama, iaitu meliputi tafsiran makna tersirat yang terkandung dalam teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman literal.

Kajian menunjukkan bahawa kumpulan rawatan mencapai tahap yang sama iaitu tahap penguasaan empat dalam ujian pra dan pasca bagi kategori literal. (Rujuk Jadual 4.19). Hal ini bermakna kefahaman literal murid adalah berada tahap “menguasai”. Tahap penguasaan ini dijangka berlaku kerana kefahaman literal merupakan tahap pemahaman yang terendah dan maklumat boleh diperoleh secara terus daripada teks tanpa melibatkan proses pemikiran yang kompleks. (Smith, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa pelaksanaan kajian ini, murid-murid memperolehi maklumat secara terus daripada teks dengan menggunakan teknik penyoalan 5W1H dalam langkah tanya bagi mengenal pasti elemen seperti watak, masa, tempat, sebab dan akibat peristiwa yang berlaku. Langkah ini merupakan langkah awal bagi mendapatkan satu gambaran secara menyeluruh terhadap teks yang dibaca sebelum memahami teks secara lebih mendalam. Menurut kajian Ratna Mega Sari (2023), langkah tanya adalah menyusun pertanyaan-pertanyaan yang jelas, singkat, relevan dengan bahagian-bahagian teks yang telah ditandai pada langkah pertama. Selain itu, kajian beliau juga menyatakan bahawa jumlah pertanyaan adalah bergantung kepada kepanjangan teks dan keterampilan dalam memahami teks.

Seterusnya berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, penggunaan teknik SQ3R juga dapat meningkatkan kefahaman literasi dalam kalangan murid melalui peningkatan skor min bagi ujian pasca. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Sarni Sarni, Ari Fajria Novari dan Riandi (2023). Kajian mereka menunjukkan aspek afektif di dalam kelas seperti kemudahan murid membaca teks naratif, keyakinan murid ditunjukkan semasa mengenal pasti perkataan, ayat, perenggan, dan keseluruhan teks teks naratif. Berdasarkan data statistik kajian mereka menunjukkan bahawa skor min antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mempunyai perbezaan yang signifikan apabila sebelum dan selepas teknik SQ3R digunakan.

Seterusnya, kategori literal dalam kajian ini mempunyai peningkatan dalam skor min dalam bilangan yang sedikit dalam ujian pasca jika dibandingkan dengan kategori inferens dan kategori kritikal. Hal ini bermakna penggunaan teknik SQ3R

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi pengaruh yang paling sedikit dalam meningkatkan pencapaian murid mengikut kategori literal. Menurut Smith (2017) menjelaskan tentang keadaan ini bahawa teknik SQ3R tidak berupaya untuk mengintegrasikan pembelajaran perbendaharaan kata dengan pembelajaran kefahaman membaca secara optimum dalam jangka masa yang sama. Beliau juga mendapati bahawa teknik SQ3R tidak dapat memberi pengaruh kepada penguasaan perbendaharaan kata secara lebih berkesan. Situasi ini berlaku kerana kebanyakan murid mengabaikan bahagian perbendaharaan kata kerana perbendaharaan kata tidak wujud pada tajuk judul.

Keadaan ini juga wujud dalam kajian ini. Hal ini dapat dilihat melalui soalan-soalan yang dibina dalam lembaran kertas. Majoriti murid didapati mengabaikan perbendaharaan kata dan tidak membina soalan berkaitan dengan makna perbendaharaan kata. Selain itu, tumpuan dan fokus mereka adalah lebih menuju kepada soalan pemahaman yang menguji kandungan petikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman inferens

Selain kefahaman literal, murid-murid turut mencapai tahap 3 dalam ujian pra dan tahap 4 dalam ujian pasca bagi kategori inferens (Rujuk Jadual 4.20). Dapatan kajian menunjukkan ada peningkatan berdasarkan perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca. Hal ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam kefahaman inferens selepas diberi pendedahan kepada teknik SQ3R.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Biringkane(2018) yang menunjukkan teknik SQ3R berupaya meningkatkan kefahaman inferens yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meliputi kemahiran mengenal pasti idea utama dan juga mentafsir isi tersirat yang terkandung dalam teks. Murid juga berupaya untuk menghubungkan peristiwa yang berlaku dalam teks naratif dan juga dapat merumuskan sebab dan akibat peristiwa dengan menggunakan teknik SQ3R (Agustina, 2015).

Kajian Looi dan Norfaneliza (2020) mengatakan bahawa proses kognitif pada setiap tahap kefahaman adalah berhubung kait antara satu sama lain. Oleh itu, kegagalan untuk memahami makna perkataan dan mentafsir maklumat yang tersirat dalam teks akan menyumbang kepada masalah untuk membuat inferens terhadap teks. Keadaan ini boleh menyebabkan murid hanya mentafsir maklumat secara tersurat dan tidak berupaya untuk menganalisis kandungan secara lebih mendalam.

Manakala kajian Smith (2017) menunjukkan bahawa ada murid yang berpendapat bahawa teknik SQ3R yang digunakan tidak dapat membantu murid mengenal pasti idea ułama yang terkandung dałam teks secara eksplisit. Keadaan ini disebabkan oleh kefahaman inferens yang melibatkan tahap kognitif yang lebih tinggi dan pengetahuan sedia ada perlu untuk membantu murid mentafsir secara tepat. Namun begitu, sebahagian murid pula berpendapat teknik SQ3R dapat membantu mereka menyusun dan mengenal pasti maklumat yang terdapat dałam teks. Maka ia sangat membantu mereka untuk mentafsir idea utama yang terkandung dałam teks.

Maklum balas yang berbeza-beza daripada murid dalam kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa keupayaan kefahaman inferens adalah berkait rapat dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang dikuasai oleh setiap murid. Teknik SQ3R yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan dalam proses pembelajaran memerlukan masa untuk menunjukkan hasil yang positif berikutan pengetahuan sedia ada dan kemahiran yang dikuasai oleh murid adalah tidak sama dan ia berbeza-beza mengikut tahap murid.

Seterusnya, penguasaan penggunaan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran juga memberi pengaruh kepada kefahaman inferens. Dengan penguasaan teknik SQ3R, murid mampu membaca teks dengan lebih cepat dan dapat mengenal pasti idea yang penting serta mengingat maklumat dalam jangka masa yang panjang. Maka, guru masih perlu menerapkan teknik membaca semasa proses pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat menggunakannya untuk tujuan memahami teks.

Walaupun kajian ini tidak melibatkan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, namun kesan teknik SQ3R terhadap tahap penguasaan kefahaman membaca dalam kategori inferens masih dapat dikenal pasti melalui pencapaian dalam UPB. Dapatan kajian ini menunjukkan teknik SQ3R dapat meningkatkan kefahaman inferens melalui peningkatan skor min bagi kumpulan rawatan. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan seramai tujuh orang murid (21.9%) telah mencapai tahap cemerlang dalam kategori kefahaman inferens berbanding sebelum proses intervensi yang hanya terdapat seorang orang murid (3.1%) mencapai tahap cemerlang.

vi. Tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori kefahaman kritikal

Seterusnya, tahap penguasaan murid bagi kategori kefahaman kritikal adalah berada tahap tiga iaitu “dapat menguasai kefahaman” dalam ujian pra. Namun ia meningkat ke tahap lima iaitu “mencapai tahap sangat baik” dalam ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasca. Jika dibandingkan dengan tahap penguasaan dalam kategori kefahaman literal dan inferens, pencapaian dalam kategori kefahaman kritikal merupakan satu peningkatan yang positif.

Bagi memudahkan pembelajaran yang mampu meningkatkan kefahaman kritikal, teknik SQ3R perlu diintegrasikan supaya murid dapat bertindak secara emosi dan intelektual dengan teks yang dibaca (Setyaningsih, 2019). Teknik SQ3R yang digunakan dalam kajian ini amat berkesan bagi meningkatkan kefahaman kritikal murid. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan ketara bagi skor min ujian pasca UPB bagi kategori kritikal dalam kajian ini. Murid dapat mencapai tahap penguasaan lima selepas didedahkan dengan teknik SQ3R yang sebelum ini hanya mencapai tahap penguasaan 3, iaitu dapat menguasai kefahaman bagi kategori kritikal. Selain itu, terdapat 28.1% murid mencapai tahap cemerlang dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra yang hanya terdapat 9.4% murid mencapai tahap cemerlang dalam kategori kritikal.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian tindakan yang dijalankan oleh Mangasi (2019). Dalam fasa 1, seramai 12.5% murid mencapai tahap cemerlang bagi kemahiran berfikir secara kritikal. Bilangan murid meningkat sehingga 75% dalam fasa 2 dan fasa 3. Kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa perkembangan kemahiran berfikir secara kritikal telah meningkat setelah murid mengaplikasikan teknik SQ3R.

Dalam kajian Nelson (2018) , beliau telah menyediakan aktiviti berfikir secara kritikal kepada murid pada setiap akhir bab teks melalui pelaksanaan teknik SQ3R.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti tersebut merupakan titik berhenti yang perlu dijawab oleh murid sebelum melangkah ke bab yang seterusnya. Hal ini secara langsung dapat menggalakkan murid berfikir secara kritikal. Teknik SQ3R merupakan strategi metakognitif yang dapat meningkatkan kesedaran murid mengenai apa yang diketahui dan tidak diketahui dalam teks yang dibaca. Dengan ini, ia dapat merangsang pembelajaran secara aktif dan mengelakkan murid daripada membaca tanpa berfikir. Maka. teknik SQ3R perlu digunakan semasa proses memahami teks supaya dapat memupuk pemahaman secara mendalam terhadap teks yang dibaca.

5.3.3 Tahap Penerimaan Murid terhadap Teknik SQ3R dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Teks Bahasa Tamil bagi Kumpulan Rawatan

Perbincangan menjurus kepada objektif kajian ketiga dan seterusnya menjawab persoalan kajian berikut:

Persoalan kajian 3:

Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?

Tahap penerimaan terhadap kefahaman membaca telah dijalankan ke atas 32 orang murid dalam kumpulan rawatan selepas proses intervensi melalui instrumen soal selidik. Sebanyak 15 item telah ditadbir dan diuji berdasarkan Skala *Likert* Empat Mata iaitu (1)Sangat tidak setuju, (2)Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis dapatan soal selidik dalam Jadual 4.24, kajian ini menunjukkan murid dapat menerima teknik SQ3R pada tahap yang tinggi. Di samping itu, daripada 15 item yang telah diuji, tiga item iaitu 8,12,15 menunjukkan tahap yang sederhana manakala baki 12 item berada pada tahap tinggi dengan skor min melebihi 3.01. Hasil kajian ini selari dengan Biringkanae (2018) yang merumuskan majoriti murid sangat bersetuju dengan pelaksanaan teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca. Dengan menggunakan teknik SQ3R, murid dapat mengenal pasti idea utama dalam teks dengan lebih mudah.

Antara item-item yang diuji, item (7) "Saya cenderung menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran" mencapai skor min tertinggi. Di samping itu, seramai 19 (59.4%) orang murid memilih pilihan setuju dan 12 (37.5%) orang murid memilih pilihan sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Kenyataan ini menunjukkan keinginan murid untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran dalam kelas adalah tinggi. Hal ini berlaku kerana murid menerima manfaat dengan menggunakan teknik SQ3R. Murid dapat mengenal pasti idea utama dalam teks dengan lebih mudah.

Dapatan item soal selidik ini disokong oleh kajian Adila dan Weganofa (2018) yang mendapati teknik SQ3R mampu membangkitkan semangat murid dalam proses pembelajaran. Hasil temubual yang dijalankan oleh Smith (2017) mendapati bahawa beberapa murid yang menggunakan teknik SQ3R dalam menyiapkan tugasan projek menyarankan bahawa teknik SQ3R perlu digunakan dalam proses pembelajaran kerana murid dapat mengimbas kembali dan membaca semula soalan yang terjawab semasa proses membaca supaya hasil kerja lebih baik dan sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala bagi item (15) “Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain” mencatat skor min yang terendah iaitu 2.72. Keputusan hasil kajian menunjukkan bahawa 11(34.4%) orang murid memilih pilihan tidak setuju dan tiga (9.4%) orang murid memilih jawapan sangat tidak setuju. Hal ini kerana murid hanya didedahkan dengan teknik SQ3R bagi mata pelajaran bahasa Tamil dan tidak mempunyai pengalaman untuk mengaplikasikan teknik tersebut dalam mata pelajaran yang lain. Tambahan pula, struktur teks dan fokus kemahiran bagi setiap mata pelajaran adalah berbeza-beza. Oleh itu, murid berkemungkinan besar akan menghadapi masalah ketika mengaplikasikan teknik SQ3R dalam mata pelajaran yang lain. Selain itu, murid tahun tiga masih memerlukan bimbingan daripada guru untuk menggunakan teknik ini dalam mata pelajaran yang lain. Perkara ini disokong oleh Muhammad Alhudari , Rusma Noortyani dan Faradina (2024), yang menyatakan bahawa peranan gurù adalah penting dalam membimbing murid dan mendedahkan teknik membaca yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji kesan teknik SQSR terhadap kefahaman membaca bahasa Tamil. Berdasarkan dapatan kajian pertama yang diperoleh mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca skor min ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Perbezaan secara signifikan dalam ujian pasca wujud antara kedua-dua kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selepas menjalankan proses intervensi. Hal ini bermakna teknik SQ3R telah meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman membaca.

Kajian juga mendapati bahawa antara kumpulan rawatan dan skor min ujian pra dan pasca terdapat perbezaan yang ketara dalam pencapaian kefahaman membaca. Hasil ini menunjukkan bahawa menggunakan kaedah SQ3R telah memberi kesan positif terhadap kefahaman membaca murid. Hal ini dapat dilihat melalui perbezaan skor min yang diperoleh dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

Selain itu, kefahaman membaca dalam kumpulan rawatan turut dikaji secara terperinci berdasarkan tahap penguasaan mengikut kategori literal, inferens dan kritikal. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan murid bagi kategori literal dan inferens adalah berada pada tahap menguasai, manakala tahap penguasaan bagi kefahaman kritikal berada pada tahap sangat baik selepas diberi intervensi. Hal ini menunjukkan bahawa teknik SQ3R dapat meningkatkan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kategori literal, inferens dan kritikal.

Selain itu, tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R turut dikaji bagi meninjau maklum balas murid terhadap penggunaan teknik SQ3R yang telah dilaksanakan. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada soal selidik, mendapati bahawa murid dapat menerima teknik SQ3R pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid boleh menerima kaedah SQ3R untuk digunakan dalam proses pembelajaran kefahaman membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Implikasi Kajian

Bahagian ini menerangkan tentang implikasi kajian secara khusus yang berkaitan dengan teori, pedogogi dan pengetahuan. Segala perbincangan berkaitan implikasi ini dapat memenuhi jurang yang telah dinyatakan sebelum ini.

5.5.1 Implikasi Teori

Pelaksanaan teknik SQ3R dapat menyerlakan ciri-ciri konstruktivisme. Ia juga memberi implikasi secara positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bersifat konstruktivisme lebih mengutamakan pembelajaran secara aktif dan pembinaan pengetahuan secara kendiri bagi meningkatkan hasil pembelajaran secara optimum.

Hasil kajian ini juga menunjukkan tentang kelebihan teknik SQ3R yang membuktikan teknik SQ3R yang berlandaskan teori konstruktivisme telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam penguasaan kefahaman membaca. Selain itu, murid-murid mahir menggunakan teknik SQ3R dan akan mengaplikasikan teknik ini dalam proses pembelajaran sekiranya diberi peluang. Hal ini bermakna murid-murid dapat belajar secara kendiri dan meneroka maklumat daripada teks dengan menggunakan teknik melalui langkah Tinjau (*Survey*) dan langkah Tanya (*Questions*) tanpa bergantung sepenuhnya kepada penyoalan daripada guru. Soalan diwujudkan untuk membimbing murid dalam memahami bacaan dan mengarahkan fikiran mereka kepada isi kandungan bacaan yang akan dimasukkan supaya murid bertindak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara aktif. Kaedah mencipta soalan membantu murid menjawab dengan lebih cepat kerana murid-murid benar-benar fokus dan terarah kepada soalan tentang soalan tentang siapa, bila, bagaimana, di mana, dan mengapa yang sering ditanya dalam soalan pemahaman bacaan.

Soalan yang dibina oleh murid sendiri semasa proses membaca sepadan dengan teori konstruktivisme yang memfokuskan peranan murid dalam membina pengetahuan secara aktif berdasarkan pengetahuan sedia ada.

Walaubagaimanapun, membina soalan secara kendiri bukan merupakan satu perkara yang mudah untuk dikuasai terutamanya kepada murid yang baru didedahkan dengan teknik SQ3R. Semua murid tidak berupaya ataupun kurang menguasai kemahiran untuk membina soalan yang sesuai bagi menepati tujuan pembelajaran kefahaman membaca semasa menggunakan teknik SQ3R.

Oleh itu, bimbingan daripada guru dan penggunaan teknik SQ3R secara berterusan perlu dilaksanakan supaya murid lebih cekap dan menjadi mahir. Teori konstruktivisme juga menekankan tentang peranan guru sebagai pembimbing dalam membantu murid untuk membina pengetahuan secara kendiri.

Dengan ini, teknik SQ3R yang berlandaskan dengan teori konstruktivisme telah memberikan satu sumbangan yang lebih baik terhadap kefahaman membaca murid dalam kajian ini. Seterusnya, dapatan kajian yang diperoleh adalah sepadan dengan perbincangan teori yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.2 Implikasi

Berdasarkan kepada dapatan kajian dapat membuat rumusan bahawa teknik SQ3R dapat digunakan sebagai inovasi kepada para guru dalam usaha mempelbagaikan teknik pengajaran. Teknik yang digunakan adalah bertujuan untuk membantu murid memahami kandungan teks dengan lebih mudah dan berkesan. Dapatan kajian Sarni Sarni, Ari Fajria Novari dan Riandi (2023) juga sepadan dengan dapatan kajian ini. Menurut kajian mereka, seorang guru hendaklah menggunakan teknik SQ3R dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kefahaman membaca murid.

Penggunaan teknik SQ3R dapat mewujudkan kesedaran guru tentang kepentingan teknik membaca terhadap kefahaman membaca murid dalam proses pembelajaran. Melalui penerangan secara terperinci berkaitan pelaksanaan teknik SQ3R juga membantu guru mengetahui cara pelaksanaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya ia dapat memberi gambaran dan panduan yang jelas kepada guru untuk mengamalkan teknik tersebut kepada murid. Perkara ini dianggap penting kerana guru perlu menguasai dan memahami tentang pelaksanaan teknik SQ3R sebelum memperkenalkan teknik SQ3R ini kepada murid. Selain itu, teknik SQ3R juga dapat mengukuhkan peranan guru sebagai pembimbing dalam membantu mencetus minda murid serta menyokong pembelajaran secara kendiri. Dengan ini, guru boleh menjalankan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid melalui pembacaan aktif. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Naim Hidayaturrohmah, Nuryani Pancawati, Farida Nugrahani dan Veronika Unun Pratiwi (2024) mendapati bahawa murid diberi peluang untuk mengambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahagian secara aktif dalam proses membaca melalui tinjauan, soalan, membaca, mengingat dan menyemak. Perkara ini membantu mereka meningkatkan pemahaman mereka tentang apa yang mereka baca. Selain itu, kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan model SQ3R ini secara konsisten boleh meningkatkan kemahiran membaca murid dalam pelbagai konteks pendidikan. Oleh itu, kaedah SQ3R boleh menjadi pilihan strategi yang berkesan untuk guru untuk mencapai objektif pembelajaran yang menyeluruh.

Selain itu, pengubahsuaian kepada teknik SQ3R perlu dilakukan supaya dapat disesuaikan dengan kaedah pembelajaran untuk murid-murid sekolah rendah. Namun, pengubahsuaian teknik SQ3R yang dilakukan dalam kajian ini masih dapat menunjukkan keberkesanan dalam proses pembelajaran kefahaman membaca teks bahasa Tamil bagi peringkat sekolah rendah, walaupun kajian-kajian lepas yang dijalankan di negara Malaysia hanya tertumpu kepada sekolah menengah atau kolej. Maka ia jelas menunjukkan bahawa pengajaran guru perlulah fleksibel mengikut situasi dan perlu bersesuaian dengan tahap murid. Kebijaksanaan dan kompetensi guru memainkan peranan yang penting dalam memilih ataupun membuat pengubahsuaian teknik pengajaran supaya dapat meningkatkan kualiti pengajaran.

Seterusnya, teknik yang digunakan telah meningkatkan kefahaman membaca dari aspek kefahaman literal, inferens dan kritikal. Kefahaman membaca dapat dikenalpasti dengan lebih terperinci melalui penguasaan setiap kategori dan kemahiran-kemahiran yang terlibat. Dengan mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang terkandung dalam kategori tersebut, pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca menjadi lebih berfokus. Oleh itu, guru hendaklah melaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dengan mendedahkan teknik membaca kepada murid bagi mengukuhkan setiap kategori kefahaman membaca sebagai asas untuk meningkatkan kefahaman membaca.

Walaubagaimanapun, kesuntukan masa merupakan faktor utama yang perlu dipertimbangkan semasa pelaksanaan teknik SQ3R. Bagi murid di peringkat sekolah rendah, aktiviti pembelajaran kefahaman membaca yang melibatkan lima langkah dalam teknik SQ3R perlu diringkaskan dan diubahsuai terutamanya dalam pembinaan soalan. Teknik penyoalan 5W1H dalam langkah tanya dapat merangsang dan mengaktifkan sifat inkuiri murid. Oleh itu, soalan-soalan yang dibina oleh murid perlu lebih fleksibel mengikut teks yang dibaca supaya ia tidak memudaratkan dan membebankan murid dalam meluangkan banyak masa semasa membina soalan dalam langkah tanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, teknik SQ3R yang disarankan dalam kajian ini perlulah mengikut kesesuaian dan pengubahsuaian dalam aktiviti semasa pelaksanaan langkah supaya proses pembelajaran membaca menjadi lebih lancar. Namun, teknik yang digunakan dalam kajian ini masih dapat dijadikan sebagai panduan dalam pembelajaran kefahaman membaca. Teknik SQ3R diharapkan dapat dijadikan sebagai satu pilihan kaedah pengajaran kepada guru selain pengajaran konvensional dan memperkenalkan teknik SQ3R kepada murid untuk dipraktikkan dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.3 Implikasi Pengetahuan

Implikasi kajian ini dapat ditunjukkan melalui pengetahuan yang diperoleh oleh murid yang mencapai tahap sederhana dalam proses pembelajaran kefahaman membaca dengan menggunakan teknik SQ3R. Ianya dapat dilihat melalui impak yang signifikan dalam kefahaman membaca melalui prestasi pencapaian murid. Keupayaan kefahaman membaca yang tinggi dapat membantu murid dalam kemahiran menulis. Melalui pemahaman yang dikuasai oleh murid, mereka dapat menyampaikan pendapat dan pemikiran mereka sendiri ke dalam penulisan mereka. Seterusnya, ia dapat membantu meningkatkan prestasi penulisan murid.

Pengetahuan murid dapat dikembangkan melalui pembelajaran kefahaman membaca melalui penggunaan teknik SQ3R. Teknik SQ3R yang mengandungi lima langkah yang bersistematik dapat memberi peluang kepada murid untuk membaca teks dengan teliti. Murid perlu mengkilas semula teks untuk mendapatkan jawapan semasa menjawab soalan yang telah dibina dalam langkah tanya. Selain itu, murid juga perlu membaca semula teks untuk menyemak atau memperbetulkan jawapan yang salah dalam langkah baca semula (*review*). Oleh kerana pengulangan pembacaan teks berlaku maka kefahaman membaca murid dapat dipertingkatkan.

Di samping itu, teknik SQ3R juga memberi impak yang positif terhadap pengetahuan mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal. Impak positif ini dapat dilihat melalui skor min dan tahap penguasaan murid dalam kategori-kategori. Dalam ketiga-tiga kategori, kefahaman kritikal menunjukkan peningkatan yang paling ketara. Pembinaan soalan yang beraras tinggi perlu diberi keutamaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menguji kefahaman pada tahap yang lebih tinggi. Semasa murid membaca teks, segala keraguan dan pertanyaan akan ditukar kepada bentuk soalan dan ditulis dalam lembaran kertas. Soalan-soalan yang dibina tersebut dapat memberi panduan kepada murid untuk meneroka teks secara lebih mendalam sambil menjana pemikiran secara kritikal. Hal ini secara langsung telah memberi peluang kepada murid-murid untuk menguasai isi pembelajaran mereka.

Selain itu, penguasaan teknik SQ3R dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid serta meningkatkan perkembangan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Penggunaan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran mengintegrasikan pelbagai jenis kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran mendengar dan bertutur boleh dipertingkatkan melalui langkah imbas kembali (*Recite*) dalam proses pembelajaran. Dalam langkah ini, murid mendengar soalan yang ditanya oleh rakan dan kemudian mengulas jawapan. Manakala langkah baca (*Read*) melalui pelbagai kaedah bacaan teks termasuk bacaan mekanis, bacaan intensif dan bacaan ekstensif. Sementara itu, kemahiran menulis juga dapat dipertingkatkan melalui langkah Tanya (*Questions*) iaitu murid dikehendaki membina soalan dalam lembaran kertas yang diagihkan kepada guru. Kemudian meminta murid menulis jawapan berdasarkan soalan yang dibina.

Secara ringkasnya, setiap langkah dalam teknik SQ3R dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan kefahaman membaca murid. Langkah tinjau (*Survey*) dalam teknik SQ3R membolehkan murid bersedia sebelum pembacaan yang lebih mendalam, manakala persoalan membuka minda murid untuk memperoleh pengetahuan yang ingin diketahui oleh murid. Proses membaca secara intensif dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu murid mendapatkan jawapan kepada persoalan yang telah dibina. Murid mengulas kembali maklumat penting yang terkandung dalam teks untuk membuat pemantauan tentang pemahaman kendiri. Seterusnya, murid membaca semula teks bagi menghubungkan kandungan teks secara lebih menyeluruh bersama pengetahuan sedia ada supaya pengetahuan yang dibina dapat disimpan dalam minda murid.

Namun demikian, teknik SQ3R masih memberi implikasi terhadap pengetahuan yang berbeza kepada murid yang mempunyai tahap rendah dalam kefahaman membaca. Hal ini disebabkan teknik SQ3R merupakan satu teknik pembelajaran secara kendiri dan memerlukan murid untuk belajar terlebih dahulu sebelum pengajaran bermula. Oleh itu, ia memberi kesulitan kepada murid yang mempunyai tahap pencapaian lemah terutamanya dalam kemahiran membaca dan membina soalan semasa mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Melalui kajian yang dijalankan, terdapat beberapa cadangan yang boleh dikemukakan untuk kajian yang akan dilakukan pada masa hadapan. Cadangan-cadangan yang diberikan melibatkan aspek kategori kefahaman, jenis teks, sampel kajian, metodologi kajian, teori sokongan dan lain-lain yang diterangkan seperti berikut. Kefahaman membaca boleh ditinjau secara mendalam berdasarkan pelbagai kategori kefahaman. Hal ini termasuklah kefahaman literal, inferens, penilaian, kritikal dan penikmatan. Ia merupakan satu perkara yang penting kerana ia dikategorikan sebagai elemen penting dalam kefahaman membaca dan setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kategori mengandungi kemahiran-kemahiran yang tertentu. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak mengkaji kesemua kategori dan hanya banyak menekankan kepada kefahaman membaca mengikut kategori literal, inferens dan kritikal. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan mengkaji kesan teknik kategori kefahaman yang lain. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan jenis teks naratif melalui penggunaan teknik SQ3R. Maka, dicadangkan supaya teknik SQ3R boleh dilaksanakan dalam pembelajaran jenis-jenis teks yang berbeza.

Seterusnya, dalam kajian ini sampel yang digunakan adalah murid dari dua buah sekolah di daerah Sepang. Dengan ini, dapatan kajian sukar mewakili populasi kajian secara keseluruhan. Oleh itu, kajian yang sama boleh dijalankan dengan melibatkan lebih banyak sekolah atau diperluaskan ke negeri-negeri yang lain di Malaysia. Tambahan pula, kajian ini melibatkan murid di peringkat tahap rendah dan ini berbeza dengan kebanyakan kajian-kajian yang lepas yang banyak berfokuskan kepada murid di peringkat menengah dan kolej. Maka, diharapkan agar kajian-kajian lanjutan yang berfokuskan dengan teknik SQ3R dalam peringkat sekolah rendah dapat dilaksanakan agar memperkukuhkan lagi dapatan kajian ini. Selain itu, kajian lanjutan berkenaan pelaksanaan teknik SQ3R dicadangkan dapat dilaksanakan dalam bidang bahasa yang lain.

Selain itu, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan merangkumi pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran secara praktikal. Antanya ialah membuat perbandingan kesan teknik SQ3R terhadap murid cemerlang dengan murid yang lemah dalam proses pembelajaran dan membuat perbandingan merentas darjah bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelas tahap tinggi dan tahap rendah dalam menggunakan teknik SQ3R semasa proses pembelajaran.

Di samping itu, pelaksanaan teknik SQ3R semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga boleh dikaji dari persepsi guru dan tidak hanya tertumpu kepada persepsi murid sahaja. Selain itu, kajian lanjutan boleh membuat perbandingan antara pandangan guru berpengalaman baharu dengan guru berpengalaman lama berkenaan penggunaan teknik SQ3R dalam sesi pengajaran, sudut pandangan guru terhadap pelaksanaan teknik SQ3R perlu diambil kira supaya dapat meninjau kesan teknik SQ3R secara lebih menyeluruh.

Isu kekangan masa juga perlu diambil perhatian semasa mengaplikasikan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran. Penguasaan teknik SQ3R bergantung kepada kecekapan dan kemahiran murid dalam menggunakan teknik tersebut. Oleh itu, disarankan agar guru boleh mengubahsuai pelaksanaan teknik SQ3R untuk kajian lanjutan mengikut tahap pencapaian murid dan mengambil kira faktor kekangan masa supaya pelaksanaan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran berjalan dengan lebih lancar.

Seterusnya, kaedah pengumpulan data boleh dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu kepada data berbentuk kuantitatif. Kaedah seperti pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual berstruktur boleh digunakan untuk kajian masa hadapan supaya pengumpulan data yang lebih mantap boleh diperoleh. Kajian berbentuk kualitatif boleh dijalankan untuk meninjau persepsi atau tahap motivasi murid secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih mendalam selain menguji pencapaian dan tahap penguasaan kefahaman membaca.

Kajian lanjutan juga boleh dilaksanakan dengan mempelbagaikan teknik SQ3R melalui pengubahsuaian dalam langkah-langkah pelaksanaan atau mengintegrasikan bersama kaedah pengajaran yang lain bagi meningkatkan kefahaman membaca murid. Kajian-kajian lanjutan juga boleh menerapkan teori-teori lain selain teori konstruktivisme untuk dijadikan teori sokongan dalam kajian.

5.7 Sumbangan Kajian

Kajian yang dilaksanakan memberi impak dan sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Institut Pendidikan Guru, guru dan murid.

Dapatan kajian ini dapat menyumbangkan data yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijadikan dokumen rujukan dan garis panduan bagi pelaksanaan teknik pengajaran untuk disebarkan kepada guru. Di samping itu, teknik SQ3R yang digunakan dalam kajian ini dapat diperluaskan melalui DSKP yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum. Ia dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap perubahan dan perkembangan terkini dalam bidang pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini turut menyumbang kepada Institut Pendidikan Guru dalam merancang dan memperkenalkan teknik pengajaran kepada pensyarah atau guru pelatih. Kajian ini juga menyumbangkan idea kepada guru bagi mempelbagaikan teknik pengajaran untuk meningkatkan kefahaman membaca murid. Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada guru berkenaan cara pelaksanaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran kefahaman membaca. Dengan ini, teknik SQ3R yang disebarkan kepada guru dapat digunakan sebagai kaedah alternatif untuk diamalkan oleh murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pelaksanaan teknik SQ3R dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik yang lain. Selain itu, pelaksanaan teknik SQ3R dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik yang lain. Perkara ini sangat berguna dan dapat membantu penyelidik-penyelidik lain yang ingin menjalankan kajian lanjutan dalam bidang ilmu yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan yang menegaskan perubahan pendekatan pembelajaran kepada pembelajaran berpusatkan murid, teknik SQ3R yang digunakan dalam kajian ini turut menyokong hasrat KPM. Teknik SQ3R yang bermatlamatkan pembelajaran kendiri juga dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka ataupun secara dalam talian. Melalui pendedahan teknik SQ3R memberi peluang kepada murid untuk memantau perkembangan pembelajaran secara kendiri di samping meningkatkan kefahaman membaca yang dapat dilihat menerusi pencapaian yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8 Rumusan

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya dilaksanakan dengan menggunakan teknik SQ3R sebagai kaedah intervensi. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian murid dalam kefahaman membaca teks bahasa Tamil secara positif selepas menggunakan teknik SQ3R. Seterusnya, penggunaan teknik SQ3R juga telah meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal. Melalui dapatan kajian yang diperolehi, murid dapat menerima pengaplikasian teknik SQ3R dengan baik dan ingin menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran kefahaman membaca. Dengan ini, penggunaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diperluaskan dan dijadikan pilihan sebagai teknik pengajaran selain pengajaran konvensional. Guru juga perlu mendedahkan teknik tersebut dan menggunakannya untuk memahami teks dengan lebih mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Adila, D.N.Y.O., & Weganofa, R. (2018). *The effect of SQ3R strategy on students' reading comprehension.* Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra, 5(1), 48-57.

Afiifah, F. A. N., & Sari, E. S. (2023). Peningkatan Keterampilan Membaca Pemahaman Melalui Metode SQ3R Pada Siswa Kelas IV SD 2 Petir. Educatif Journal of Education Research, 5(1), 137-144.

Agusti, R., R, S., & Hakim, R. (2021). Peningkatan Kemampuan Menulis Narasi Berbasis Pendekatan Kontruktivisme di Sekolah Dasar. Jurnal Basicedu, 5(2), 930–942.

Agustina, A. (2015). Efektivitas metode SQ3R (survey, question, read, recite, review) terhadap kemampuan reading comprehension wacana Bahasa Inggris siswa kelas X semester genap SMA Negeri 6 Yogyakarta. Teknologi Pembelajaran-S2, 4(1).

Ahmad Bujang, A. N., & Awang, N. (2019). *The application of information and communication technology (ICT) in teaching and learning. Journal of Medical and Health Sciences, 1-5.*

Aithal, A., & Aithal, P. S. (2020). *Development and validation of survey questionnaire & experimental data–a systematical review-based statistical approach. International Journal of Management, Technology, and Social Sciences* (IJMTS), 5(2), 233-251.

Aizinin, A. H. (2016). Pembinaan Dan Kesan Pelaksanaan Modul In-Vee Terhadap Pencapaian, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Kemahiran Proses Sains (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Alderson, J.C. (2000). *Assessing reading. Cambridge: Cambridge University Press.*

Al-Ghazo, A. (2015). *The effect of SQ3R and semantic mapping strategies on reading comprehension learning among Jordanian University students*. International 32 Journal of English and Education, 4(3), 92-106.

Ali, M., & Noordin, S. (2010). Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Jurnal Teknologi, 45-55.

Amatan, M. A., Gregory K Han, C. and Pang, V. (2022). Pembinaan dan Pengesahan Soal Selidik Proses Pelaksanaan STEM dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(2), p. e001309.

Anamalai, T. R., & Yatim, M. H. M. (2022). Keberkesanan m-pembelajaran berasaskan aplikasi Kahoot! terhadap pencapaian murid dalam topik operasi asas matematik. Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 20(2), 180-203.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ananda, D., Amalia, D. K., & Adi, P. (2024). Implementasi Model Kooperatif Tipe Team Game Tournament Dalam Pembelajaran Membaca Cepat Teks Berita Kelas 7 Smp Negeri 2 Pakis. Jurnal Pembelajaran, Bimbingan, dan Pengelolaan Pendidikan, 4(2), 5-5.

Anderson, M. (2002). *Text Types in English 2*. Australia: Macmillan Education Australia PTY. LTD.

Andres, I. C. (2020). *Enhancing reading comprehension through an intensive reading approach. HOW Journal, 27(1), 69-82.*

Arafah, A. A., Sukriadi, S., & Samsuddin, A. F. (2023). Implikasi teori belajar konstruktivisme pada pembelajaran matematika. Jurnal Pendidikan MIPA, 13(2), 358-366.

Aratin, N. A., Rahman, N. F. A., & Ramli, Y. M. (2024). Persepsi Masyarakat Kadazandusun Terhadap Isu-Isu Sensitiviti Agama Di Sabah: Satu Kajian Rintis.

Arsad, A., & Janan, D. (2022). Pembangunan Modul Bacaan Ekstensif bagi Murid Sekolah Rendah: Satu Analisis Keperluan: Satu Analisis Keperluan. Evaluation Studies in Social Sciences, 3(1), 59–74.

Asiri, A., & Momani, M.M. (2017). *The effectiveness of using SQ3R to teach reading skills. Asian Journal of Educational Research Vol, 5(1).*

Asualingam, T., binti Halili, S. H., & Ramalingam, S. (2023). Kebolehgunaan Laman Web Tatabahasa Bahasa Tamil Tahun Empat Menggunakan Kaedah Penilaian Pakar. *Journal of Educational Research*, 41, 32-44.

Avicenna, A. (2021). Aplikasi Teori Belajar Kontruktivisme dalam Meningkatkan Kemampuan Menulis Puisi Siswa Kelas 1 SMA Satria Makassar. YUME: *Journal of Management,* 4(3), 357-369.

Azlan, M. A. B., & Bakar, M. S. A. (2019). Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. In Forum Komunikasi (Vol. 14, No. 2, pp. 91-115).

Bagas, B. M. N. (2021). Pandangan Tokoh Konstruktivisme Pendidikan Islam Klasik dalam Membangun Kemandirian Mahasiswa di Era Merdeka Belajar Abad 21. Al-Fatih: Jurnal Studi Islam, 9(01), 59-70.

Baker, Z. A., & Mohammad, W. M. R. W. (2021). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Peta I-Think Dalam Kalangan Guru Senior Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Di Daerah Seremban. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2), 32-43.

Balanadam, J., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca dikalangan murid sekolah rendah di Malaysia. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(4), 127-135.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Barret, B. (1972). *Taxonomy of reading comprehension. Lexington: Ginn and Company.*

Begum, A. (2018). *The effect of using webcomics as an instructional approach on the development of ESL students' reading comprehension ability* (Doctoral dissertation). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Betaubun, M. (2016). *The implementation SQ3R technique in teaching English to support third class students' ability in reading comprehension at State Vocational High School in Merauke-Papua Indonesia. Journal of Culture, Society and Development. An International Peer-reviewed Journal, 25*.

Biringkanae, A. (2018). *The use of SQ3R technique in improving students reading comprehension. ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 1(2), 218-225.

Bryman, A. (2012). *Social research methods (8th Ed.). Oxford University Press.*

Bua, M. T. (2022). Efektivitas media animasi pada keterampilan membaca permulaan siswa di Sekolah Dasar. Jurnal Basicedu, 6(3), 3594-3601.

Bulut, A. (2017). *Improving 4th grade primary school students' reading comprehension skills. Universal Journal of Educational Research*, 5(1), 23-30.

Butterfuss, R., Kim, J., & Kendeou, P. (2020). *Reading comprehension. In Oxford Research Encyclopedia of Education.*

Cain, K., Compton D.L. & Parrilla R.K. (2017). *Theories in reading development. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.*

Campbell, D. & Stanley, J. (1963). *Experimental and quasi experimental designs for research. Chicago, IL: RandMcNally.*

Chall, J.S. (1983). *Stages of reading development*. New York: McGraw-Hill.

Che Lah, Y. (2014). Kefahaman Bacaan Bahasa Melayu Murid Tahap Ii Sekolah Rendah (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Chen, M.Y. (2018). Kajian tindakan pengajaran strategi kefahaman membaca sekolah rendah Tahun Enam (Tesis PhD). Universiti Nasional Pingtung, Taiwan.

Chen, Q.Y. (2017). Kajian tinjauan keupayaan membaca di kalangan murid tahun tiga sekolah rendah dan cara untuk meningkatkan keupayaan membaca (Tesis Sarjana). Universiti Chongqing, China.

Chew M.F. & Wong M.H. (2020). *A conceptual framework: The integration of SQ3R in flipped classroom model for Chinese reading comprehension. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chong, F. Y., & Sungap, L. (2021). *Relationship and Influence of Metacognitive Awareness on Management Mathematics Achievement among Malaysian Polytechnic Marketing Diploma Students:* Hubungan dan Pengaruh Kesedaran Metakognitif Terhadap Pencapaian Matematik Pengurusan dalam kalangan Pelajar Diploma Pemasaran Politeknik Malaysia. Asian Pendidikan, 1(1), 55-62.

Chua, Y. P. (2011). Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan. Mcgraw-Hill Education.

Chua, Y.P. (2016). *Mastering research methods (2nd ed.).* Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Cohen, R. (1983). *Students generate questions as an aid to reading comprehension. The Reading Teacher*, 36(8), 770-775.

Creswell, J.W., & Creswell, J.D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.). Sage publication.*

Cromley, J. G., & Azevedo, R. (2007). *Testing and refining the direct and inferential mediation model of reading comprehension. Journal of Educational Psychology,* 99, 311-325.

Dagostino, L., Carifio, J., Bauer, J. D., Zhao, Q., & Nor Hashimah Hashim. (2014). *Assessment of a reading comprehension instrument as it relates to cognitive abilities as defined by Bloom's revised taxonomy. Current Issues in Education,* 17(1).

Dagostino, L., Carifio, J., Bauer, J. D., Zhao, Q., & Nor Hashimah Hashim. (2014). *Assessment of a reading comprehension instrument as it relates to cognitive abilities as defined by Bloom's revised taxonomy. Current Issues in Education*, 17(1).

Dewi, N. A. K., Cahyani, B. H., & Yulia, Y. (2023). *Bruner's Stages of Thinking in 2nd Grade Students: A Case Study on Homework*. Wacana Akademika: Majalah Ilmiah Kependidikan, 7(1), 63-71.

Firmansyah, M. A., & Jazuli, A. (2023). *Web-Based Community Satisfaction System Survey (Case Study in Regional Revenue Management Unit Holy District). Formosa Journal of Science and Technology,* 2(9), 2657-2670.

Fitri, S. W., Nofitri, N., Say, W., & Ilmi, D. (2023). Teori Belajar Konstruktivistik dan Penerapannya Dalam Pembelajaran PAI. ANTHOR: *Education and Learning Journal,* 2(3), 434–439.

Fraenkel, J.R., Wallen, N.E. & Hyun, H.H. (2012). *How to design and evaluate research in education. New York: McGraw-hill Higher Education.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fransiska, D. (2023). Sistem Pendukung Keputusan Menentukan E-Commerce Terbaik Menggunakan Metode Weighted Product. PROSISKO: Jurnal Pengembangan Riset Dan Observasi Sistem Komputer, 10(1), 41-48.

Gagne, E.D. (1993). *The cognitive psychology of school learning (2nd ed.). New York: HarperCollins College Publishers.*

Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction (4th ed.). New York: Holt, Rinehart & Winston.*

Grabe, W. & Stoller, F.L. (2002). *Teaching and researching reading. Harlow: Pearson Education.*

Grindon, K. (2014). *Advocacy at the core: Inquiry and empowerment in the time of Common Core State Standards. Language Arts,* 91(4), 251-266.

Gu, Y.X. (2019). *The effects of integrated instruction on Chinese sixth graders' reading comprehension, reading motivation and strategy use in fiction reading (Doctoral Dissertation). The Chinese University of Hong Kong.*

Gurning, B., & Siregar, A. (2017). *The effect of teaching strategies and curiosity on 'students' achievement in reading comprehension. English Language Teaching,* 10(11), 191-198.

Habibah, L. C., & Muftianti, A. (2020). Pembelajaran keterampilan membaca pemahaman teks narasi pada siswa kelas V SD dengan menggunakan metode SQ3R. COLLASE (*Creative of Learning Students Elementary Education*), 3(6), 327-334.

Habibah, L.C., & Muftianti, A. (2020). Pembelajaran keterampilan membaca pemahaman teks narasi pada siswa kelas V SD dengan menggunakan metode SQ3R. *Creative of Learning Students Elementary Education*, 3(6), 327-334.

Hair, J., Black, W., Babin, B., & Anderson, R. (2009). *Multivariate data analysis (7th Ed.). Upper Saddle River: Prentice-Hall.*

Halili, S. H., & Razak, R. A. (2022). Penerimaan Murid Bahasa Tamil Terhadap Kaedah Pembelajaran Berbalik. *Journal of Educational Research*, 40, 14-24.

Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021). Strategi Pengajaran Dalam Talian Yang Digunakan Oleh Guru Bahasa Melayu Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah (*Online Teaching Strategies Used by Malay Language Teachers in Improving Reading Primary School Students*). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 11(2), 54-67.

Handayani, M., Parimita, W., & Suherdi, S. (2023). Pengaruh Pemberdayaan Psikologis Terhadap Komitmen Organisasi Dimediasi Oleh Kepuasan Kerja Pada Guru Smk Swasta Di Wilayah Jakarta Timur. Sibatik Journal: Jurnal Ilmiah Bidang Sosial, Ekonomi, Budaya, Teknologi, Dan Pendidikan, 2(2), 393–408.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harkness, J., & Schoua-Glusberg, A. (1998). *Questionnaires in translation*. ZUMA-Nachrichten Spezial, 87-126.

Hartini, N. (2014). *The effectiveness of English talking book in teaching reading*. ELT Perspective Jurnal Pendidikan Bahasa Inggris, 1(2), 114-128.

Harzing, A.W., Reiche, B., & Pudelko, M. (2013). *Challenges in international survey research: A review with illustrations and suggested solutions for best practice. European Journal of International Management,* 7(1), 112-134.

Hee, N. and Maat, S. M. (2022). Keberkesanan Kaedah Melukis Petak dalam Meningkatkan Pencapaian Topik Pertambahan Pecahan Mudah Murid Tahun Empat, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(1), pp. 184 - 191.

Herdi, H. & Santika, R. (2020). *Using a constructivist approach to improve students' comprehension in reading descriptive text at the seventh grade of SMP Negeri 24 Pekanbaru. Elsya: Journal of English Language Studies,* 2(2), 62-66.

Herlina, E. S. (2019). Membaca permulaan untuk anak usia dini dalam era pendidikan 4.0. Jurnal Pionir, 5(4).

Hertzog, M.A. (2008). *Considerations in determining sample size for pilot studies. Research in Nursing & Health*, 31(2), 180-191.

Hu, M.L. (2016). Penyelidikan pengajaran mengenai strategi membaca Cina di sekolah menengah (Tesis Sarjana). Universiti Southwest, China.

Idris, N. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan. Petaling Jaya: McGraw Hill (M).

Ilham, I., Munirah, M., & Akhir, M. (2023). Perbandingan metode SQ3R metode CIRC terhadap kemampuan membaca pemahaman siswa. Jurnal Basicedu, 7(2), 1332-1338.

Ismail, S. N., & Azman, A. A. (2022). Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan 'E-Hailing'di Kuala Lumpur. *Research in Management of Technology and Business,* 3(2), 185-197.

Jacobs, G., & Yong, S. (2004*). Using cooperative learning to teach via text types. The Reading Matrix,* 4(2), 117-122.

Jamian, A. R., & Baharom, N. N. (2018). Kesan Penggunaan Teknik Kwlh Dalam Kemahiran Membaca Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (*Effect of the KLWH Technique in Reading skills Among the Sudents of Chinese Primary School)*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8(3), 48-56.

Jamil, S. B., Samsuri, S. N. N. B (2022). Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan Suku Kata KVKV Dan KVKVKV Menggunakan Kit B-Suka, Kajian Tindakan Sekolah Peringkat Daerah Muar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jannah. R. (2016). *Teaching narrative reading text by using SQ3R and ETR strategies to the eighth-grade students of MTS Paradigma Palembang*. Jurnal Pendidikan dan Pengajaran, 3(1). 33-44.

Jua, S., & Zakaria, N. (2023). Keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik Terhadap Kemahiran dan Minat Membaca Teks Sastera Dalam Kalangan Pelajar Elektif Sastera di Sekolah Menengah. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 34(2), 1-16.

Karman, A., & Sehe, S. (2021). Peningkatan kemampuan membaca pemahaman murid melalui penerapan model SQ3R (*Survey, Question, Reading, Recite, Review*) Kelas IV SD. Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran, 1(1), 50–59.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Semakan 2017) Bahasa Tamil Tahun 3. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kholidah, F. N., & Amirudin, N. (2023). Pengaruh Minat Belajar Terhadap Prestasi Belajar Siswa Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam. Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi, 6(1), 37-43.

Komariah, N. (2021). Penerapan Metode SQ3R Dalam Meningkatankan Kemampuan Membaca Pemahaman Dan Hasil Belajar Materi Teks Tanggapan. Jurnal Pijar: Pendidikan dan Pembelajaran, 5(1).

Kompilasi Artikel Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP Dgn. Kepujian Ambilan Jan. 2013, Bahasa Tamil Pendidikan Rendah, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Krishnan, S. (2018). Analisis keberkesanan intervensi pendidikan terhadap motivasi pelajar di Malaysia. Universiti Sains Malaysia Press.

Kusumawati, A.J. (2019). *Students' perception on SQ3R method in reading comprehension with the help of technology: A study in EFL classroom. In Proceedings of the 2019 5th International Conference on Education and Training Technologies,* 120-124.

Lah, Y. C., & Hashim, N. H. (2014). *The acquisition of comprehension skills among high and low achievers of year 4 to 6 students in primary School. Procedia-Social and Behavioral Sciences,* 114, 667-672.

Lah, Y., & Hashim, N. (2006). *The level of reading comprehension of Malay Language of primary school students.* Universiti Sains Malaysia.

Lamberg, W.J. & Lamb C.E. (1980). *Reading instruction in the content areas. Rand McNally College Publishing Company.*

Laporan Kaji Selidik Pencapaian TIMSS dan PISA Malaysia. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/11694253/Laporan Kaji_Selidik Pencapaian_TIMSS_dan_PISA_Malaysia.auto-download

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latha, V. R. (2020). *Reading Habits and Attitudes and its Effects on the Academic Performance of School Students in Virudhunagar District, Tamilnadu: An Evaluative Study (Doctoral dissertation, Ph. D Thesis: Maduari Kamaraj University).*

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2016). Dimuat turun http://www.mykssr.com/2016/02/julat-markah-peperiksaan-sekolahrendah.html

Li, S.P. (2019). Kajian strategi keupayaan membaca Cina di sekolah rendah bawah kurikulum baharu. *Universe Scientific Publishing*, 196, 1357.

Lim, A., & Chan, B. (2021). Keberkesanan program pendidikan dalam meningkatkan pencapaian pelajar: Satu kajian di sekolah menengah Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Looi, L.H., & Norfaneliza Mohd Embros. (2020). Kesan penggunaan strategi membaca terhadap pencapaian pemahaman bacaan. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities,* 4(2), 173-186.

Lukman Sanjaya, F., & Sinaga, N. (2019, November). *Effect of Premium-Butanol Blends on Fuel Consumption and Emissions on Gasoline Engine with Cold EGR System. In Journal of Physics Conference Series* (Vol. 1373, No. 1, p. 012019).

Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu: *The Level of Proficiency in Reading and Writing by B40 Students in Malay Language*. PENDETA, 12(1), 40–62.

Manaf, R., & Abu Bakar, K. (2022). *The Use of Letter Cards in The Learning and Facilitation of Reading Skills for Preschool Children*: Penggunaan Kad Huruf dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Prasekolah. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 15, 76–82.

Mangasi, P.L. (2019). *Implementation of SQ3R to increase reading interest, critical thinking skills, and ability to understand Indonesian language reading of 6th grade Indonesia students. International Journal of Theory and Application in Elementary and Secondary School Education*, 1(1), 71-81.

Mannogaran, V. and Nor Shaid, N. A. (2023). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Mengenai Pengetahuan, Sikap dan Cabaran Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 8(1), p. e001958.

Mansor, N. K., Shaffeei, K., & Kway, E. H. (2024). Elemen muzik dalam Literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 17(2), 1-11.

Mardiana, S. G. (2022). Peningkatan Motivasi Belajar PAI Pokok Bahasan Perilaku Terpuji Melalui Pendekatan Berbasis Aktivitas Di Kelas VIII B SMP Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10 Bengkulu Tengah. GUAU: Jurnal Pendidikan Profesi Guru Agama Islam, 2(7), 75-80.

Marlina, N. A., & Ardiyaningrum, M. (2021). Hubungan Minat Membaca dengan Prestasi Belajar Mata Pelajaran IPS Kelas III SD Karanggayam. Literasi: Jurnal Ilmu Pendidikan, 12(1), 1-10.

Marohaini, Y. (2004). Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman. Batu Caves: PTS Akademia.

Maulana, A. (2022). Analisis Validtas, Reliabilitas, dan Kelayakan Instrumen Penilaian Rasa Percaya Diri Siswa. Jurnal Kualita Pendidikan, 3(3), 133-139.

Maulana, R., & Saputri, E. N. (2023). Peran Ilmu Pengetahuan Teknologi Dalam Pengembangan Desain Bahan Ajar Pendidikan Agama Islam Menggunakan Metode Sq3r Pada Jenjang Sekolah Dasar. Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya, 1(5), 1071-1076.

McKenna, M.C., & Dougherty Stahl, K.A. (2009). *Assessment for reading instruction (3rd ed.). New York: Guilford Press.*

Megorry, S.Y. (2000). *Measurement in a cross-cultural environment: Survey translation issues. Qualitative Market Research: An International Journal*, 3(2): 74-81.

Meniado, J.C. (2016). *Metacognitive reading strategies, motivation, and reading comprehension performance of Saudi EFL students. English Language Teaching,* 9(3), 117-129.

Mishra, P., Pandey, C. M., Singh, U., Gupta, A., Sahu, C., & Keshri, A. (2019). *Descriptive statistics and normality tests for statistical data. Annals of cardiac anaesthesia*, 22(1), 67-72.

Mitchell, D.C. (1983). *The process of reading: A cognitive analysis of fluent reading and learning to read. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.*

Mohd Azahar, N. A., Sa'at, N. H. and Othman, N. (2024). Impak Ketidaktentuan Harga Minyak Kelapa Sawit Terhadap Masyarakat di Felda Lepar Hilir 1, Gambang, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 9(10), p. e002952.

Mok, S.S. (2008). Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mukayah, G., & Din, R. (2021). Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan Bahasa Tamil Murid Tahun 4 dengan Penggunaan Augmented Reality (AR). *Journal of Personalized Learning,* 4(1), 23-36.

Mumpunil, A., & Afifah, N. (2022). Analisis Pembelajaran Membaca Dan Menulis Permulaan Siswa Sekolah Dasar. Buletin Ilmiah Pendidikan, 1(2), 73-80.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mustappa, W. D. W. (2017). Keberkesanan Teknik Membaca Sq3r Dalam Pengajaran Kefahaman Membaca Di Sekolah Menengah (*The Effectiveness Reading SQR3 Technique in Reading Comprehension Teaching at Secondary School*). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7(1), 1-10.

NA Aqilla, NA Rahmani, NW Izzati.(2024). Relevansi Filsafat Konstruktivisme Dalam Meningkatkan Pendidikan Siswa Di Era Digital. Journal Genta MuliaVolume15, Number1, 2023 pp. 36-47.

Nadler, J.T., Weston, R., Voyles & E.C., (2015). *Stuck in the middle: The use and interpretation of mid-points in items on questionnaires.* J. Gen Psychol, 142(2), 71 – 89.

Nagaretnam, M. and Mahmud, M. S. (2022). Kesediaan Guru dan Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Matematik Abad Ke-21 di Sekolah Rendah: Sebuah Tinjauan Literatur, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(11).

Nelson, J.K. (2018). *Reading as active learning: Exploring pedagogical practices in a dual-classroom model. Family Science Review,* 22(4).

Nisa, A., Pramadi, R. A., & Hadiansah, H. (2023). Pengaruh Model Pembelajaran SQ3R Berbantu Wordwall Terhadap Hasil Belajar Siswa Pada Materi Sistem Indera. Jurnal Inovasi Pendidikan, 1(2), 201-212.

Noortyani, R. (2024). Efektivitas Keterampilan Membaca Pemahaman Teks Cerita Inspiratif Menggunakan Metode Sq3r Pada Siswa Kelas Ix Smp Negeri 3 Banjarmasin, 7(2), 46-60.

Nor, S. M., & Haron, Z. (2023). Instrumen Literasi Pentaksiran Bilik Darjah Guru Sekolah Berdasarkan Konteks Pendidikan di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik (SLR). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *8*(4), e002261-e002261.

Nufus, Z. (2019). *The use of Know-Want-Learned (KWL) strategy in improving EFL students' ability to comprehend academic reading materials (Master dissertation).* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurfaida, A. (2023). Penerapan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, Review)* Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Kemampuan Membaca Pemahaman Siswa Kelas XII IPA 4 Sma Negeri 1 Sebatik. Auflkarung: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Indonesia, Dan Pembelajarannya, 1(9), 11-32.

Nurfaizah, A. P., & Nursiah, S. (2023). Penerapan Model SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, And Review)* untuk Meningkatkan Keterampilan Membaca Pemahaman Pada Siswa Kelas V SD. Jurnal Metafora Pendidikan (JMP), 1(1), 58-70.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Omar, A., Hamzah, S. and Kee, C. (2022). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Batas Etnik Di Sekolah Kebangsaan Zon Utara Semenanjung Malaysia, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 18. No.3 (2021). 253-269. ISSN: 1823-884x.

Ooi L.J. (2020). Kesan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap kemahiran membaca dan minat membaca murid. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education,* 10(1), 63-76.

Othman, Y. (2008). Proses & strategi membaca berkesan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pamungkas, S., & Suhardi, S. (2019). *The influence of Cooperative Intergerative 05-4506832 Reading and Composition (CIRC) and Survey, Question, Read, Recite, Review bupa (SQ3R) on ability reading comprehension of elementary school*. KnE Social Sciences, 546-556.

Pelaporan pentaksiran sekolah rendah Tahun 2019. Dimuat turun daripada https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3056-pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-2019

Pocerattu, I. C. (2023). Implikasi Teori Belajar Konstruktivisme Vygorsky Terhadap Pembelajaran Pendidikan Agama Kristen. Tangkoleh Putai, 20(1), 1-19.

Prasetio, D. A., Lubis, A. K., & Gusmaneli, G. (2024). Strategi Pembelajaran Inkuiri dalam Meningkatkan Kemampuan Kerjasama dan Komunikasi dalam Pembelajaran PAI. IHSANIKA: Jurnal Pendidikan Agama Islam, 2(2), 187-196.

Puspita, A., Syamsidar, R., & Sum, T. (2022). Peningkatan Kemampuan Menulis Cerita Anak Bagi Guru TK Kecamatan Rumbio Jaya. BIDIK: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat, 3(1), 31-35.

Putri, Y. E. A., & Winarsih, E. (2023). Peningkatan Kemampuan Membaca Peta Konsep Buku Fiksi Dengan Menggunakan Metode SQ3R Pada Siswa Kelas VIII F SMPN 1 Bringin. Al Qodiri: Jurnal Pendidikan, Sosial dan Keagamaan, 21(1), 141-152.

Rahayu, R. (2022, July). Implementasi Teori Pembelajaran Konstruktivistik Di Sekolah Dasar. Seminar Nasional 2022-NBM Arts.

Rahman, A. A., Jamali, H. N., Azizan, K. F. K., & Isa, S. N. M. (2016). Penguasaan bahan bacaan bahasa arab melalui teknik membaca SQ3R. e-BANGI, 11, 69-80.

Rahmi, D. (2024). Pengaruh Model Pembelajaran *Cooperative Integrated Reading And Composition* (Circ) Terhadap Kemampuan Membaca Pemahaman Di Kelas Iv Min 3 Bandar Lampung (Doctoral Dissertation, Uin Raden Intan Lampung).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

